


Jilid II  
Bil. 17



Hari Isnin  
20hb Julai, 1992

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Memperkenankan Akta-Akta [Ruangan 3649]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 3650]

Cuti kepada Ahli—Kebenaran

Y.B. Dato' Alexander Yu Lung Lee (Batu) [Ruangan 3652]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3652]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

Siasatan BPR ke atas Y.B. Dato' Seri S. Samy Vellu [Ruangan 3758]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3760]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 3761]

**USUL:**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3864]

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

Pita Video D.P. Vijandran

Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 3865]

Keadaan Hidup Pekerja Ladang Kelapa Sawit di Pulau Carey

Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Klang) [Ruangan 3870]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.  
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRs SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Taphah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.I.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Pegawai Penerbitan: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Isnin, 20hb Julai, 1992
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN  
AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Dewan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-Akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) 1992;
2. Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992;
3. Akta Kebankrapan (Pindaan) 1992;
4. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1992;
5. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No. 2) 1992;
6. Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992;
7. Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1992;

8. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1992;
9. Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1992;
10. Akta Pencen (Pindaan) 1992;
11. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1992;
12. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1992;
13. Akta Arkitek (Pindaan) 1992;
14. Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No. 2) 1992; dan
15. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1992

PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“4hb Jun, 1992.

**Perutusan daripada  
Dewan Negara kepada  
Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) 1992;
2. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992;
3. Rang Undang-undang Keban-krapan (Pindaan) 1992;
4. Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1992;
5. Rang Undang-undang Kese-lamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No. 2) 1992;
6. Rang Undang-undang Pem-bangunan Sumber Manusia 1992;
7. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1992;
8. Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1992;
9. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1992;
10. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 1992;
11. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1992;
12. Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 1992;
13. Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 1992;

14. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No. 2) 1992; dan
15. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1992.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Negara.”

**CUTI KEPADA AHLI—  
KEBENARAN**

**Y.B. Dato' Alexander Yu Lung  
Lee (Batu)**

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perकरा 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Alexander Yu Lung Lee Ahli Parlimen bagi kawasan Batu dari 20hb Julai sehingga tamat Persidangan Dewan Rakyat.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**MAHKAMAH KHAS  
MENDENGAR KES  
PERDAGANGAN—  
CADANGAN  
MENGADAKAN**

**1. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah apa-apa cadangan untuk mengadakan suatu

mahkamah khas untuk mendengar kes-kes kesalahan perdagangan memandangkan kes-kes perdagangan pada masa ini bertambah rumit dan melibatkan amaun wang yang besar dan memerlukan hakim-hakim dan pendakwa raya yang pakar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam yang telah menunjukkan perhatian berat beliau kepada keberkesanan dan kemampuan mahkamah yang ada pada hari ini untuk mengadili kes-kes jenayah perdagangan yang hari demi hari menjadi semakin rumit dan kompleks.

Kerajaan memang amat peka dengan perkembangan semasa yang berlaku hari ini. Namun demikian, belumlah ada cadangan setakat ini untuk mewujudkan mahkamah khas yang ditugaskan khusus untuk mendengar kes-kes jenayah perdagangan kerana kes-kes yang demikian masih lagi wujud dikendalikan oleh mahkamah yang ada hari ini.

Memandangkan bahawa perlakuan jenayah perdagangan adalah amat rumit, maka badan kehakiman juga sedang mengatur perancangan untuk memberikan tugas mengendalikan percicaraan kes-kes yang sedemikian kepada pegawai-pegawai kehakiman yang lebih terlatih dan berpengalaman.

Berhubung dengan keperluan Timbalan Pendakwa Raya yang pakar pula, baru-baru ini Kerajaan telah bersetuju menaikkan gred beberapa jawatan Timbalan Pendakwa Raya di samping menambah bilangan jawatan kepada jawatan yang sedia ada. Saya juga dimaklumkan bahawa pada masa ini di Jabatan Peguam Negara memang telah diwujudkan Unit Jenayah Perdagangan. Unit ini dianggotai oleh lapan orang Timbalan Pendakwa Raya.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada itu, adakah juga Kerajaan merancang untuk meminda peruntukan dalam Akta atau undang-undang tentang jenayah kolar putih agar peruntukan yang lebih berat dikenakan kepada penjenayah-penjenayah yang dikatakan sebagai penjenayah kolar putih ini?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada di dalam perancangan Kerajaan untuk terlibat dan menyelidik kembali segala Akta yang melibatkan jenayah kolar putih bagi menentukan ia sesuai dengan keadaan masa.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, sebagai langkah untuk memperkemas susunan pentadbiran kehakiman berhubung dengan jenayah perdagangan yang dimaksudkan tadi, pihak Kementerian sedang menyusun suatu langkah untuk mempertingkatkan jawatan dan meramaikan jawatan-jawatan Timbalan Pendakwa Raya. Adakah ini dibuat selaras dengan pihak Jabatan Polis yang mana kita tahu sekarang kalau Timbalan Pendakwa Rayanya ramai, tetapi kalau Bahagian Penyiasatan, khususnya Jenayah Perdagangan di peringkat penyiasatan di Jabatan Polis tidak selaras, ini tidak akan membawa makna.

Yang keduanya, baru-baru ini kita dengar Yang Berhormat Menteri sendiri membuat kenyataan sebagai suatu pengajaran kepada penjenayah kolar putih ini, suatu cadangan untuk mengenakan hukuman sebat akan dikenakan ke atas penjenayah-penjenayah kolar putih ini. Jadi, bila pelaksanaannya akan dilakukan dan pindaan akan dibuat di Parlimen ini?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar tiap-tiap penambahan kakitangan jika ia melibatkan badan kehakiman, ia juga melibatkan badan Pendakwa Raya dan juga ia melibatkan badan Penyiasatan. Oleh itu, memang telah diadakan langkah-langkah untuk menentukan segala tindakan yang kita ambil dapat diselaraskan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini dalam kes pencurian cek-cek, pihak Polis telah dapat bertindak dengan cepat dan mahkamah juga telah mengendalikannya kes itu dengan cepat untuk diputuskan dan diberikan hukuman yang setimpal dengan kejadian jenayah tersebut.

Berkenaan perkara hukum sebat, buat masa ini Kerajaan masih lagi meninjau undang-undang dan apabila kita sudah siap dengan kajian dan akan dibentangkan kepada pihak Kabinet, barulah selepas itu dapat kita menggubal undang-undangnya dan dibawa kepada Parlimen.

## JEMAAH HAJI TERKANDAS

**2. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa berikutan dengan penguatkuasaan sistem kuota oleh Kerajaan Arab Saudi:

- (a) berapa ramaikah jemaah haji Malaysia yang mendaftar dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) dapat menunaikan ibadah haji;
- (b) berapa ramaikah yang terkandas melalui LUTH;
- (c) jumlah yang terkandas melalui syarikat swasta; dan
- (d) apakah langkah untuk mengatasi masalah ini bagi musim-musim yang akan datang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mentafsirkan bahawa soalan Yang Berhormat ini menumpu kepada mengerjakan haji pada tahun 1412 Hijrah bersamaan tahun 1992 Masehi.

- (a) Kesemua 43,593 orang rakyat Malaysia yang telah mendaftar dengan Tabung Haji telah berjaya menunaikan ibadah haji mereka (melainkan 4 orang yang sakit tenat di hospital Arab Saudi di Madinah dan Makkah yang tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi pergi ke Arafah pada hari Wukuf).
- (b) Tidak ada seorang pun jemaah haji yang mendaftar dengan Tabung Haji yang terkandas.
- (c) Mereka yang terkandas adalah terdiri dari yang mendaftar dengan syarikat swasta yang tidak diluluskan oleh Tabung Haji dan bilangan mereka yang sebenar adalah tidak diketahui kerana tidak dilaporkan kepada Tabung Haji.
- (d) Langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini di musim-musim haji yang akan datang adalah seperti berikut:
  - (i) kesemua bakal haji, sama ada yang hendak menunaikan fardu haji melalui Tabung Haji atau dengan syarikat-syarikat swasta yang diluluskannya, hendaklah mendaftar dengan Tabung Haji;
  - (ii) di atas permintaan Kedutaan Besar Arab Saudi di Kuala Lumpur, kesemua mereka yang akan menunaikan fardu haji dikehendaki menggunakan pasport haji dan permohonan visa hendaklah dikemukakan menerusi Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya tidak dapat memberi jaminan bahawa masalah jemaah haji terkandas ini tidak akan berulang selagi ada di kalangan rakyat kita yang masih berdegil untuk tidak mahu menunai fardu haji menerusi Tabung Haji atau syarikat-syarikat swasta yang diluluskan oleh Tabung Haji.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, apakah hasil rundingan pihak Kerajaan dan Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi, adakah telah berjaya mendapat kebenaran lebih daripada kuota yang dihadkan?

Yang kedua, adakah Kerajaan akan memberi keutamaan pada tahun hadapan kepada jemaah haji yang terkandas baru-baru ini?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Soalan yang pertama, saya tak dengar apakah soalnya?

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Apakah hasil rundingan dengan Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi, adakah mereka memberi keizinan lebih daripada kuota yang ditetapkan?

Yang kedua, adakah Kerajaan akan memberi keutamaan kepada mereka yang terkandas pada tahun lepas?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah kuota ini, persoalan ini ada soalan pada hari esok. Walaupun demikian, saya beri jawapan sekarang. Apabila saya berbincang dengan Menteri Haji dan Wakaf dua minggu sebelum mengerjakan haji, beliau menasihatkan saya supaya berjumpa dengannya lagi pada bulan November tahun ini kerana masalah kuota untuk haji yang lalu diselesaikan dahulu masa itu. Untuk

tahun hadapan dia minta saya datang bulan November tahun ini. Setakat ini kalau mengikut keputusan OIC, Malaysia hanya dapat menghantar 18,000 jemaah haji sahaja, tetapi mengikut tahun-tahun kebelakangan Kerajaan Arab Saudi telah bermurah hati dengan Kerajaan Malaysia bahawa kita dapat menghantarkan lebih daripada had kuota kita.

Berkenaan dengan soalan kedua, Ahli-ahli Pengarah Lembaga Urusan Tabung Haji akan bermesyuarat pada pagi hari Rabu yang akan datang ini, kemungkinan soalan ini akan dibincang pada mesyuarat tersebut.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh bakal-bakal haji tahun ini yang tidak boleh Arab Saudi beri visa haji, walaupun urusan-urusan asasnya telah diuruskan sebelum daripada ini? Apakah benar dakwaan setengah pihak yang mengatakan sebab keruncingan yang timbul dalam soal isu haji pada tahun ini adalah akibat daripada kelanjutan kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam soal isu hudud?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, point kedua itu tidak berbangkit.

Soalan yang pertama itu, sebenarnya kuota yang dihadkan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk tahun haji yang lalu ialah berjumlah 27,000 sahaja tetapi oleh kerana Perang Teluk yang telah berlaku pada tahun 1991, ramai jemaah haji kita kurang senang dari segi keselamatan mereka jikalau mereka menunaikan fardu haji tahun lalu. Oleh itu, mereka menanggungkan pemergian mereka menunaikan fardu haji ke tahun ini. Oleh kerana itu, bilangan jemaah haji yang berhak menunaikan fardu haji tahun ini bertambah, boleh dikatakan bilangan

yang besar dalam sejarah negara kita. Jadi, itulah masalah yang dihadapi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan oleh itu kita dapat berbincang dengan Menteri Wukuf dan Haji Arab Saudi dan mereka bermurah hati meluluskan permohonan kita.

### PERSIDANGAN BUMI DI RIO DE JANEIRO

**3. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil kejayaan Malaysia yang paling berkesan di dalam Persidangan Bumi di Rio de Janeiro, Brazil; dan
- (b) seterusnya apakah usaha lanjutan yang akan diteruskan oleh negara bagi memastikan supaya cadangan bagi menghijaukan bumi diterima oleh semua pihak.

**21. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro:

- (a) nyatakan kejayaan dan kegagalannya;
- (b) apakah yang dicapai oleh Malaysia dalam Sidang Kemuncak itu; dan
- (c) apakah manfaat yang akan diperolehi oleh dunia secara amnya dan Malaysia secara khususnya.

**32. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil Persidangan Bumi di Rio de Janeiro yang dihadapinya baru-baru ini dan apakah yang mendorongnya untuk menghadiri persidangan dan menandatangani Perjanjian Biodiversiti sedangkan sebelum ini beliau menyuarakan keengganan untuk hadir; dan

- (b) apakah manfaat yang Malaysia perolehi dari perjanjian itu.

**34. Tuan Abdol Mulok Awang Damit** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil Sidang Kemuncak Bumi di Reo de Janeiro;
- (b) daripada anggaran peruntukan kira-kira AS\$125 billion yang diperlukan untuk melaksanakan Agenda 21 bagi membersihkan bumi daripada pencemaran, berapakah sumbangan Malaysia atau sumbangan yang akan diterima melalui tabung ini; dan
- (c) apakah yang diharapkan atau yang akan disumbangkan oleh Malaysia melalui Perjanjian Konvensyen Biodiversiti yang telah ditandatangani.

**42. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai pencapaian dalam misi menegakkan demokrasi antarabangsa terutamanya di sidang kemuncak bumi di Rio de Janeiro. Setakat manakah bangsa-bangsa merdeka masih diperah khasnya dalam masalah mengawal-atur pembangunan dan sumber-sumber asli seperti hutan. Apakah strategi yang akan diadakan untuk memastikan negara-negara maju mempraktikkan demokrasi.

**61. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Luar Negeri menghuraikan kesan-kesan dan faedah-faedah yang dicapai di Brazil mengenai Muktamar Bumi (Earth Summit) dan setakat manakah ianya berkesan dalam membanteras tindakan-tindakan khianat yang Malaysia mempunyai alam sekitar yang buruk.

27-7-92

**28. Datuk Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah beliau berpuashati dengan pencapaian yang telah dicapai oleh Persidangan Bumi di Rio de Janeiro;

- (b) apakah halangan-halangan yang dijangka akan dihadapi dalam pelaksanaan resolusi-resolusi berkaitan; dan
- (c) apakah reaksi negara-negara Utara terhadap resolusi-resolusi tersebut.

28-7-92

**56. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pencapaian matlamat Dasar Luar Malaysia dengan kehadiran dan penglibatan Perdana Menteri dan wakil-wakil Malaysia di Sidang Bumi Rio.

3-8-92

**59. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah rumusan-rumusan yang telah dicapai mengenai alam sekitar semasa persidangan di Rio de Janeiro tempoh hari dan apakah peranan Malaysia dalam menentukan pelaksanaan semua rumusan-rumusan itu.

4-8-92

**8. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah delegasi Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro dapat memperbaiki perasaan Anti-Malaysia dalam soal alam sekitar.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan 9 soalan yang sama yang datangnya daripada Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai, Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok Awang Damit, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan yang juga di-

jadualkan pada hari ini dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Basri Bajuri pada 27-7-92, Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain pada 28-7-92, Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin pada 3-8-92 dan Yang Berhormat Tuan G. Palanivel pada 4-8-92.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Serta juga saya pohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk memakan masa lebih sedikit sebab ramai yang minta jawapan ini, sebanyak lebih kurang 6 muka jumlah jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa muka?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** 6 muka.

Tuan Yang di-Pertua, hasil Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai alam sekitar dan pembangunan dan juga dikenali sebagai Sidang Kemuncak Bumi yang berlangsung di Rio de Janeiro pada 3hb Jun-14hb Jun tahun ini adalah seperti rumusan-rumusan yang berikut:

- (i) satu deklarasi Bumi yang digelar Deklarasi Rio de Janeiro mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan;
- (ii) satu program tindakan yang dinamakan Agenda 21;
- (iii) satu kenyataan mengenai hutan yang dinamakan, dengan izin, "A Non-legally Binding Authoritative Statement of Principles for a Global Consensus on the Management, Conservation and Sustainable Development of all Types of Forests";
- (iv) untuk menubuhkan satu Suruhanjaya yang dinamakan dengan izin, Commission on Sustainable Development bagi tujuan

mengendalikan aktiviti-aktiviti susulan selepas Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan; dan

- (v) untuk menubuhkan satu Jawatankuasa antara Kerajaan bagi cadangan Konvensyen yang dinamakan dengan izin, Convention on Desertification.

Tuan Yang di-Pertua, 154 buah negara telah menandatangani Konvensyen-konvensyen yang berikut iaitu:

- (i) Konvensyen mengenai Perubahan Iklim, dengan izin, Framework Convention on Climatic Changes; dan
- (ii) Konvensyen mengenai Biological Diversity.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh mengenai Convention on Biodiversity yang telahpun ditandatangani oleh Malaysia di Rio. Pada asasnya konvensyen ini memberikan hak kedaulatan ke sesebuah negara ke atas sumber-sumber asli yang terdapat di negara tersebut dan memberi kuasa kepada sesebuah Kerajaan membuat keputusan mengenai perolehan sumber-sumber genetik itu. Dengan menandatangani konvensyen tersebut, maka Malaysia boleh mengawal dan menentukan supaya sumber-sumber genetik dari negara ini akan sentiasa terpelihara.

Mengenai program tindakan 'Agenda 21' pula daripada jumlah sebanyak US\$125 bilion, yang dianggarkan perlu untuk melaksanakannya, sumbangan Malaysia serta juga sumbangan yang akan diterima daripada bahagian ini belum lagi ditetapkan kerana butir-butir lanjut mengenai program tindakan ini masih belum diselesaikan.

Satu perkara lagi ialah usaha menghijaukan bumi yang merupakan salah satu prinsip yang terkandung di

dalam kenyataan hutan yang telah diterima semasa di Rio. Kita mengharapkan ia boleh dilaksanakan semasa tindakan-tindakan susulan mengenai keseluruhan hasil Sidang Kemuncak Bumi di Rio itu dibincangkan kelak. Ini akan diadakan di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu tahun ini.

Berkenaan dengan soalan-soalan bersabit dengan peranan dan kejayaan Malaysia di Rio, Kerajaan adalah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh Sidang Kemuncak Bumi di Rio. Malaysia telah memainkan peranan yang pro-aktif dan berpengaruh di persidangan tersebut.

Malaysia telah melahirkan pandangan-pandangan yang mencerminkan pandangan kebanyakan negara-negara membangun yang lain, Pandangan-pandangan ini adalah berasaskan ataupun berdasarkan kepada rumusan-rumusan yang dibuat semasa Persidangan Kedua Peringkat Menteri Negara-negara membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Kuala Lumpur yang lalu.

Selain dari itu, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendapat penuh perhatian serta disambut dengan baik terutama oleh negara-negara membangun yang lain dan beberapa buah pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan atau NGO's. Kerajaan Malaysia dapat dilihat melalui kepimpinan Malaysia selaku penyelarai Jawatankuasa "Institusi" yang berjaya mendapatkan persetujuan yang terulung sekali di Sidang Kemuncak tersebut.

Jawatankuasa tersebut telah menubuhkan satu Suruhanjaya yang dinamakan, dengan izin, Commission on Sustainable Development yang akan menjadi rangka pengendalian aktiviti-aktiviti selepas Rio. Malaysia juga telah dilantik sebagai salah satu Naib Presiden mesyuarat tersebut yang menunjukkan

juga lagi penghormatan yang diberikan oleh lain-lain negara kepada Malaysia. Di samping itu, Malaysia telah berjaya memainkan peranan yang utama dalam isu hutan bagi mengenyahkan tindakan-tindakan negara maju, yang inginkan satu convention hutan.

Malaysia juga mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan-perbincangan mengenai mekanisme kewangan dan berjaya meyakinkan negara-negara maju supaya bersetuju untuk mengubahsuai pentadbiran, dengan izin, Global Environmental Facility (GEF).

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa di Sidang Kemuncak Bumi di Rio tidak terdapat apa-apa demonstrasi terhadap Malaysia. Sungguhpun demikian, terdapat perhatian dan minat mengenai pembalakan di Sarawak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan juga Menteri-menteri Kabinet, Ketua Menteri Sarawak, Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai dan wakil-wakil kaum Penan yang turut menyertai Sidang Kemuncak itu mengambil kesempatan untuk berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang berminat mengenai pendirian Kerajaan dalam hal itu dan telah berjaya memberikan gambaran yang sebenarnya mengenai keadaan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan, hasil dari kehadiran dan penglibatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai kanan di Sidang Bumi Rio telah berjaya mencapai matlamat-matlamat dasar luar Malaysia.

Peranan aktif yang telah dimainkan oleh Malaysia telah meninggikan lagi imej Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak segan untuk menegakkan kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio telah membincangkan semua perkara-perkara berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan. Yang paling utama, Sidang Bumi ini telah menerima berhubung kait alam sekitar dengan pembangunan. Ini penting terutamanya bagi negara-negara membangun oleh kerana memerlukan pembangunan ekonomi di dalam mencapai pembangunan. Negara-negara maju dan negara-negara membangun bersetuju bahawa masalah alam sekitar tidak boleh diselesaikan tanpa menyelesaikan juga masalah-masalah pembangunan.

Sidang Kemuncak Bumi ini telah meningkatkan tahap kesedaran mengenai alam sekitar di peringkat paling tinggi pihak Kerajaan dan juga setiap peringkat masyarakat berkaitan dengan perlunya pembangunan ekonomi yang berterusan ataupun, dengan izin, sustained economic growth dan pemeliharaan alam sekitar.

Sidang Kemuncak Bumi tersebut juga memahami bahawa proses pelaksanaan keputusan-keputusan UNCED akan memerlukan persefahaman dan kerjasama di antara negara-negara Utara dan negara-negara Selatan. Oleh yang demikian, perbincangan dan muafakat di antara negara-negara maju dan negara-negara membangun bagi mewujudkan demokrasi di dalam sistem pengawalan dan pentadbiran dunia mestilah diadakan berterusan. Dalam hal ini, Malaysia akan meneruskan usaha dan bekerjasama rapat dengan negara-negara yang sehaluan sama ada di Utara mahupun di Selatan bagi memastikan demokrasi antarabangsa tetap dicapai.

Namun demikian, Sidang Kemuncak Bumi ini tidak berjaya mendapat komitmen yang spesifik dari negara-negara maju dalam isu-isu seperti

sumber-sumber kewangan, pemindahan teknologi, sistem ekonomi antarabangsa yang terbuka dan sustainable development. Ini merupakan halangan-halangan yang perlu diatasi dalam pelaksanaan resolusi-resolusi Sidang Kemuncak Bumi di Rio. Terima kasih.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum ke Rio, Deklarasi Kuala Lumpur telah menggariskan serta mempertahankan dua prinsip utama iaitu hutan bukanlah warisan sejagat dan setiap negara yang mempunyai hutan bertanggungjawab mengurus hutan masing-masing tanpa campurtangan negara lain.

Kedua, hutan boleh menyerap gas karbon dioksida menerusi proses fotosynthesis. Oleh itu jika ada negara lain yang ingin berkongsi menggunakan hutan untuk menyerap karbon dioksida khususnya menerusi kegiatan industri dan pengangkutan, perlulah memberi pampasan kepada negara yang mempunyai hutan tersebut.

Persoalan saya sejauhmanakah penerimaan prinsip-prinsip ini dalam Deklarasi Rio dan dalam Agenda 21?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti telah saya bacakan jawapan tadi bahawasanya negara-negara maju khususnya tidak mahu menerima hakikat tentang resolusi yang telah diputuskan oleh konvensyen atau Conference on Environment and Development di Kuala Lumpur, dan mereka ingin sama-sama untuk hendak ambil tahu, hendak menentukan dasar hutan seluruh dunia walaupun mereka tidak ada hutan. Mereka hendak menentukan dasar hutan di negara-negara yang ada hutan. Itu sebabnya mengapa Malaysia memainkan peranan utama dan telahpun menidakkan hakikat khususnya pihak Amerika Syarikat untuk mengadakan satu konvensyen hutan. Oleh kerana itu, maka kita akan

terus berbincang. Oleh kerana proses untuk kita mendapatkan segala apa yang kita putuskan di Kuala Lumpur itu memerlukan masa, maka proses perundingan akan dan sedang diteruskan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa sebenarnya dalam Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, negara-negara Utara dan negara-negara Selatan sudah sampai ke tahap impasse yang tidak dapat diselesaikan oleh sebab kegiatan finger pointing di antara Utara dan Selatan. Akibatnya bahawa Perjanjian Bio-diversity serta perjanjian tentang perubahan iklim (Convention on Climatic Changes), kedua-dua ini tidak jadi binding. Namun apa gunanya kalau dia tidak binding? Maka satu impasse telah sampai. Maka walaupun duit banyak sudah dibelanjakan oleh 120 buah negara di seluruh dunia ini, serta duit yang telah dibelanjakan oleh kuasa besar, suatu dialog yang paling mahal ini dan tidak begitu berhasil. Adakah dia bersetuju. Jika ya, apakah harapan tentang perjanjian agenda 21.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya tentang Tabung Kemudahan Alam Sekitar Dunia ini, sudah didapati bahawa \$125 billion akan diperuntukkan, dikutip untuk tujuan memelihara alam sekitar seluruh dunia ini. Tetapi negara maju sudah enggan ataupun tidak begitu suka untuk satu mekanisma bebas menjalankan urusan tabung ini. Mereka lagi suka kalau Bank Dunia menjalankan urusan ini.

Dan bukan sahaja dari segi dunia Selatan tetapi juga sebagai seorang warganegara global ini, bagaimanakah akan Kerajaan Malaysia menjalankan satu mekanisma yang lagi pan-global supaya wang ini dapat dikutip serta dibelanjakan untuk menyelamatkan bio-diversity seluruh dunia ini. Ini satu soalan yang paling pokok di Rio. Sekian.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menerima hakikat bahawasanya Sidang UNCED di Rio merupakan sejarah dalam dunia yang mana suatu perjumpaan Ketua-ketua Kerajaan yang berjumlah hampir 170 pernah diadakan yang mana ini sesungguhnya juga satu kejayaan pernah dapat dibuat oleh mana-mana badan apatah lagi Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh kerana masalah ini baru, inilah masalah kini dan masa-masa muka dan merupakan juga perjumpaan yang pertama dibuat di peringkat summit atau Ketua-Ketua Kerajaan, sudah tentu mendapat persetujuan menyeluruh ataupun keputusan yang semua setuju adalah mustahil. Tetapi ianya penting dari segi kita dapat menyedarkan dunia pada mulanya negara-negara maju yang enggan untuk menerima pentingnya masalah environment atau alam sekitar yang mesti dikaitkan dengan masalah pembangunan. Nampaknya dari segi itu kita telah berjaya mendapat penerimaan dunia bahawasanya masalah alam sekitar tidak boleh dipisahkan dengan masalah pembangunan negara. Itu satu kejayaan.

Tetapi lain-lain perkara itu sudah tentu memerlukan masa yang lama dan banyak untuk kita mengatasi satu-persatu masalah yang sedang menimpa kita kini dan akan jadi masalah masa-masa muka iaitu masalah environment. Maka harapan kita adalah tinggi. Kita ada platform yang boleh kita berbincang. Maka ia memerlukan pula lain-lain platform yang perlu dibuat di masa-masa akan datang. Malah saya telah jawab tadi juga Bangsa-Bangsa Bersatu dalam sidang tahunannya pada hujung tahun ini juga akan berbincang berbagai-bagai keputusan yang telah dibuat di Rio dan saya yakin dan saya percaya sedikit demi sedikit lain-lain kejayaan akan dapat dicapai.

Yang keduanya, tentang untuk mendapatkan jumlah wang yang cukup untuk menampung segala pembiayaan mengenai masalah environment ini lagi juga tidak dapat keputusan yang muktamad.

Saya pun tadi beritahu bahawasanya tentang sumbangan mengikut negeri-negeri, tentang belah-bahaginya belum dapat diputuskan lagi. Tetapi anggarannya sudahpun kita dapat dan ini juga perlu perundingan. Pihak Malaysia akan tetap dengan pendirian kita setakat yang diputuskan oleh badan dunia ini, dan apa yang patut Malaysia sumbang kita akan sumbang. Kita harap juga lain-lain negara lebih-lebih lagi negara-negara maju yang kaya-raya, yang amat mengambil berat tentang masalah environment juga tidak ketinggalan untuk menyumbangkan sekadar kemampuan dan kebolehan mereka agar tabung yang diperlukan itu akan dapat dicapai.

#### KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN—PERUNTUKAN

**4. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberi kepada Kolej TAR setiap tahun dari 1982 hingga 1992. Apakah sebabnya peruntukan ini tidak boleh ditambahkan. Sila senaraikan jenis diploma dan ijazah yang boleh didapati di kolej itu. Berapa sijil, diploma dan ijazah kolej tersebut telah diiktirafkan oleh Kerajaan berbanding dengan kelayakan yang diperolehi dari ITM. Adakah pengiktirafan itu termasuk ACCA, CIMA, ICSA dan CABC. Apakah bilangan pelajar di kolej itu masa kini, dan apakah yang dianggarkan bagi 1995 dan 2000.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang diberi kepada Kolej Tunku Abdul Rahman dari tahun 1982 hingga 1992 ialah sebanyak \$69,424,630. Kalau dilihat peruntukan yang diberi pada umumnya telah bertambah.

Jumlah peruntukan yang diberi kepada Kolej TAR bagi tahun 1982 ialah \$6,398,700 dan ini bertambah kepada \$6,564,000 pada tahun 1988; \$7,500,000 pada tahun 1991 dan \$8,580,000 pada tahun 1992.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diberi adalah berdasarkan kemampuan Kerajaan, dasar yang ditetapkan dari masa ke semasa dan prestasi dan permohonan yang dikemukakan oleh Kolej TAR.

Setakat ini terdapat sebanyak 21 jenis sijil, diploma/ijazah yang dianugerahkan oleh Kolej TAR. Dari jumlah 21 jenis sijil diploma/ijazah yang ditawarkan oleh Kolej TAR, 11 daripadanya telahpun diiktiraf oleh Kerajaan. Kursus-kursus seperti kursus ACCA, CIMA dan ICSA memang telahpun diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Setakat ini, Kolej TAR mempunyai sejumlah lebih kurang 8,123 pelajar pada sesi 1991/1992 dan Kolej TAR dijangka akan mempunyai seramai 12,420 orang pelajar pada tahun 1995 dalam kampus induknya.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak Kolej TAR ditubuh hingga kini berapa orang graduan telah mendapat ijazah dan kebanyakan graduan ini adalah dalam bidang apa?

Yang kedua, saya difahamkan dasar Kolej TAR adalah sanggup menerima masuk pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan yang mencukupi untuk mengikuti kursus-kursus yang dipohon tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang politik sama ada ibu bapa menyokong parti PAS atau parti DAP.

Maka soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Kolej TAR mempunyai dasar sebegini adil dan saksama, adakah ahli-ahli DAP atau parti politik pernah memberi sebarang sumbangan kepada Kolej TAR memandangkan Kolej TAR sedang memungut derma-derma daripada masyarakat? (*Tepuk*) Dan bukan sahaja melibatkan mereka dalam kegiatan sabotaj. Sekian, terima kasih.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak Kolej TAR ditubuhkan pada tahun 1969, seramai 33,000 orang pelajar telah diberi latihan dan dianugerahkan sijil, ijazah atau diploma. Kebanyakan mereka sekarang telah muncul sebagai rakyat Malaysia yang telah berjaya menyambung usaha mereka untuk pembangunan negara dan kebanyakan mereka telah muncul sebagai pemimpin-pemimpin di agensi-agensinya perbadanan khususnya di sektor swasta dan kebanyakan mereka diberi latihan dalam bidang teknologi, sains dan sebagainya yang amat diperlukan oleh negara kita.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, memang Kolej TAR mempunyai satu dasar yang liberal dan terbuka iaitu kita langsung tidak mengambil kira latar belakang ibu bapa atau keluarga pemohon untuk memasuki Kolej TAR itu. Kita mengambilkira keputusan yang didapati oleh pemohon-pemohon tersebut dan untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, ramai di antara yang diberi latihan sebilangan besarnya ialah anak-anak ahli-ahli parti-parti Pembangkang, khususnya parti DAP. Di sini kita bukan sahaja tidak pernah menerima terima kasih atau sambutan baik daripada pemimpin-pemimpin DAP, malangnya kita selalu lihat mereka menjalankan satu kempen sabotaj untuk memperkecilkan Kolej TAR untuk memburukkan imej Kolej TAR. Kita tahu bahawa tujuannya ialah untuk melihat MCA gagal dalam usaha

kita memperluas dan memperbesarkan Kolej TAR kerana kita tahu tujuannya ialah untuk menjaminkan bahawa pemuda-pemudi negara kita khususnya anak-anak Ahli-ahli DAP tidak dapat peluang mendapat pendidikan. Kalau mereka dapat pendidikan memang mereka sedar bahawa selepas mereka keluar dari Kolej tersebut mereka akan berjaya sebagai orang dewasa dan akan dengan izinnya, wise-up bahawa usaha-usaha pembangunan negara itu adalah berteraskan kepada usaha Kerajaan Barisan Nasional dan MCA. (*Tepuk*).

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya jawapan daripada Yang Berhormat tadi itu seolah-olah ceramah di dalam seminar MCA Sahaja. Ini Dewan Rakyat, bukan convention MCA. soalnya, mengapa ada 10 diploma atau ijazah lagi belum diiktiraf dan mengapa Kerajaan tidak boleh memberi peruntukan yang sepenuhnya untuk Kolej TAR, kerana DAP menganggap semua kolej seperti TAR, KDU, FID semua ini perlu. Kita perlukan banyak lagi kolej. Tetapi ini satu kolej Kerajaan, kalau kolej Kerajaan mengapa tidak diberi pengiktirafan kepada semua kelulusannya? Mengapa tidak boleh memberi peruntukan yang secukupnya? Kalau kita tidak begitu mengambil perhatian mengenai perkara ini, memang kita tidak bangkitkan soalan seperti ini. Sepatutnya MCA yang membangkitkan tetapi tidak berani bangkitkan. (*Disampuk*) Apabila kita bangkitkan, dia hendak cemarkan pihak kami pula.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak MIC boleh dapat \$10 juta saham Telekom, mengapa TAR tidak boleh dapat? Sekurang-kurangnya ia boleh dapat 30 juta.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalnya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalnya banyak! Mengapa pihak TAR tidak boleh menerima sijil peperiksaan daripada sekolah-sekolah menengah tinggi persendirian—mereka boleh terima.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan soalan dengan tidak berfikir dengan jelas. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, semua diploma yang belum diiktiraf oleh Kerajaan, sekarang adalah di peringkat kajian terakhir oleh Kerajaan. Saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, cara atau proses pengiktirafan itu kita memang pegang dan inilah dikenakan kepada semua kolej dan universiti tempatan di negara kita ini dan kita mengikut cara yang sama untuk semua kolej tersebut.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyebutkan nama seperti Kolej KDU, FID dan sebagainya, ini seolah-olahnya parti DAP sebenarnya menitikberatkan hal-hal pendidikan pemuda-pemudi dalam negara kita ini. Kalau parti DAP sebenarnya ingin melihat pemuda-pemudi kita mendapat peluang pendidikan, saya merayu kepada mereka janganlah sabotaj usaha kita untuk memperbesarkan Kolej TAR. Kalau mereka tidak mampu atau tidak mahu bekerjasama dengan MCA, mereka boleh tubuhkan sebuah Kolej swasta mereka sendiri dan saya akan beri jaminan bahawa Kementerian kita akan sedia menerima permohonan mereka dan memberi perhatian sewajarnya.

Tentang soalan peruntukan yang Kerajaan telah beri kepada Kolej TAR, ini adalah mengikut keputusan yang telah dibuat pada tahun 1969 mengikut persetujuan pada masa itu dan kita anggaplah formula itu adalah sesuai untuk menubuhkan kolej tersebut. Kalau pihak DAP berasa bahawa usaha kita

tidak cukup untuk pendidikan di negara kita ini, saya merayu kepada mereka janganlah sabotaj usaha kita tetapi melaksanakan satu strategi constructive untuk memperbesarkan bidang pendidikan di negara kita ini.

Tentang saham-saham yang disebut tadi oleh parti DAP, pihak MCA ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan kerana telah memperuntukkan secara terusnya sejumlah \$25 bilion kepada Kolej TAR. Kita berasa cara itu adalah amat sesuai untuk pembangunan Kolej TAR kita kerana dasar kita ialah kita tidak mahu campur tangan dalam bidang business. Sekian, terima kasih.

#### PEMBELIAN TANAH OLEH ORANG ASING

**5. Datin Ling Chooi Sieng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang membatalkan pekeliling FIC yang menghendaki orang asing untuk memohon kebenaran dari FIC kalau mereka ingin membeli tanah di Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang memerlukan orang asing mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee-FIC) bagi membeli tanah di Malaysia adalah terkandung dalam Garis Panduan mengenai Peraturan Perolehan Harta-harta, Percantuman dan Pengambilalihan yang mana telah dikeluarkan dan digunakan sejak tahun 1974 lagi.

Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan Garis Panduan ini oleh kerana ianya bertujuan untuk mengawal pembelian tanah oleh kepentingan asing untuk memastikan:

- (i) pembelian tanah oleh kepentingan asing bukan bagi tujuan spekulasi ke atas harga tanah;

- (ii) pembelian tanah oleh kepentingan asing tidak menjejaskan peluang rakyat Malaysia, untuk membeli dan memiliki tanah-tanah di masa hadapan.

Oleh itu garis panduan FIC ini membolehkan Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang sewajarnya ke atas pembeli-pembeli asing untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut. Perlu diambil perhatian bahawa perolehan tanah oleh asing untuk tujuan pengilapangan dan mendirikan projek pelancongan adalah dibenarkan. Oleh itu, pelaksanaan garis panduan ini tidak menjejaskan pelaburan asing dalam sektor ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa di Kuala Lumpur sekarang, bangun-bangunan yang besar dan tanah yang mewah, yang bagus, telah dibeli oleh orang asing, iaitu orang Jepun. Dan sekarang bagi Kuala Lumpur bolehlah kita berikan nama "mini Japan" ataupun "mini Taiwan". Semua bangunan yang besar seperti Wisma Stephen dan sebagainya sudah dijual kepada orang asing atau syarikat Jepun. Juga di Jalan Raja Laut ada sebidang tanah di sebelah bangunan EPF juga saya rasa dijual kepada SOGO, iaitu sebuah syarikat Jepun juga. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa adakah Kerajaan sekarang bercadang untuk memberhentikan kelulusan kesemua pembelian tanah di Kuala Lumpur oleh orang asing, oleh kerana kita tidak mahu orang asing mengawal tanah-tanah atau bangunan besar di Kuala Lumpur.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi, kita kenakan syarat bahawa kelulusan mesti didapati daripada FIC kerana kita bertujuan mengawal supaya penyertaan atau pembelian tanah dan sebagainya oleh pihak asing bukan bertujuan untuk

spekulasi, tetapi dibolehkan dalam keadaan-keadaan untuk melabur di dalam negara ini. Saya bacakan beberapa syarat-syarat ataupun menyebutkan sebahagian daripadanya, iaitu bagi memastikan supaya pembelian hartanah oleh asing memberikan kebaikan kepada negara, pihak FIC akan mengenakan syarat-syarat yang sewajarnya termasuk seperti berikut:

*Pembelian Tanah:*

- Pembelian tanah dilakukan melalui syarikat yang ditubuhkan di Malaysia;
- mengadakan penyertaan ekuiti tempatan termasuk sekurang-kurangnya 30% penyertaan ekuiti bumiputera,
- tanah mestilah dibangunkan dalam tempoh masa yang tertentu;
- tanah tidak boleh dijual semula sebelum dibangunkan tanpa kelulusan FIC

*Pembelian Rumah Banglo:*

- Rumah yang diperolehi itu adalah untuk kegunaan sendiri;
- rumah itu tidak dijual dalam tempoh 5 tahun daripada kelulusan FIC;
- sekiranya rumah itu dibangunkan semula untuk tujuan pelaburan, pembeli hendaklah menubuhkan syarikat tempatan di mana ekuiti syarikat itu dimiliki 70% oleh warganegara Malaysia termasuk 30% oleh bumiputera.

*Rumah Teres:*

- Rumah yang diperolehi itu untuk kegunaan sendiri;
- rumah itu tidak dijual semula dalam tempoh 5 tahun daripada kelulusan FIC.

*Apartment dan Kondominium:*

- Apartment atau kondominium itu untuk kegunaan sendiri sahaja dan apartment itu tidak dijual semula dalam tempoh 5 tahun dari kelulusan FIC.

*Kedai:*

- Begitu juga bagi kedai, pembeli menubuhkan syarikat tempatan untuk memiliki kadar itu dan menjalankan perniagaannya dengan 70% ekuiti dipegang oleh warganegara termasuk 30% oleh bumiputera.

Jadi tidak berbangkit apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa pengwujudan "mini Japan" dan sebagainya. Itu dibuat untuk membangunkan negara kita supaya segala keuntungannya akan dapat dirasakan oleh rakyat untuk membangunkan kesejahteraan negara.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tindakan diambil di atas pembelian yang gagal mendapat kebenaran FIC? Kalau ada, apakah tindakan itu? Dan adakah kegagalan ini bermakna mereka telah melakukan kesalahan undang-undang?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Kalau mengikut syarat-syarat yang dikenakan ini, mereka memang menyalahi peraturan yang dibuat oleh FIC.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 6, tetapi terlebih dahulu saya suka membuat pindaan kepada baris yang ketiga yang sepatutnya berbunyi "menentukan masalah antara negeri Johor", bukan "sempadan".

**JAWATANKUASA BERSAMA  
SEMPADAN JOHOR/  
SINGAPURA**

**6. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama Sempadan dalam menentukan masalah antara Negeri Johor dengan Singapura sebagaimana yang disarankan oleh Menteri Besar Johor. Jika tidak, apakah caranya Kerajaan cuba menyelesaikan berbagai masalah perhubungan yang hari ini timbul di antara rakyat Singapura dan rakyat Malaysia daripada Negeri Johor.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya pendek. (*Ketawa*) Sebuah Jawatankuasa Sempadan Perairan Malaysia-Singapura di Selat Johor di peringkat pegawai telahpun ditubuhkan dalam tahun 1978 untuk mencari persetujuan mengenai sempadan kekal Malaysia-Singapura di Selat Johor selaras dengan Perjanjian 1927. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dan akan terus bermesyuarat bagi menyelesaikan perkara ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, masalah sempadan belum lagi selesai. Tetapi pihak Singapura telahpun mengeluarkan kenyataan melalui Menteri-menteri mereka mengatakan bahawa Pulau Batu Putih adalah hak mereka. Menteri-menteri Singapura mengeluarkan kenyataan melalui akhbar *New Straits Times Singapore* sebanyak tiga kali. Ketika Pemuda PAS hendak pergi memacak bendera Malaysia di Pulau Batu Putih, Menteri Dalam Negeri Singapura telah memberi amaran, "Jikalau kamu datang pacak bendera Malaysia, kamu semua akan ditangkap dan akan didakwa menurut undang-undang Singapura. Ini bererti Singapura telah akui secara mutlak bahawa Pulau Batu Putih adalah hak mereka. Apakah rundingan seterusnya dan apakah

tindakan seterusnya yang akan dilakukan oleh Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan balik Pulau Batu Putih daripada Singapura?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keputusan belum dapat lagi dibuat tentang hak siapa yang empunya Pulau Batu Putih itu, tidak bolehlah pihak PASKah ataupun sesiapa sahaja dari sini pergi untuk membuat satu angkara yang boleh menjejaskan perhubungan kita dan usaha kita untuk hendak mencari penyelesaian secara diplomasi. Setakat kita hendak bercakap itu, boleh, kalau Menteri Singapura mengatakan itu hak mereka, mereka bebas bercakap. Tetapi keputusan belum dibuat lagi, belum rasmi lagi. Kalau PAS hendak cakap, boleh cakap, tetapi kalau hendak pergi dan meletak bendera dan sebagainya, itu tidak dinasihati, tidaklah boleh diterima oleh pihak Kerajaan Pusat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Kerajaan Malaysia sedar bahawa Kerajaan Singapura ini seringkali menimbulkan masalah dan acah-mengacah Kerajaan Malaysia dan juga rakyat Malaysia dengan berbagai-bagai undang-undang dan peraturan yang menyulitkan rakyat Malaysia sendiri yang hendak ke Singapura. Apakah kita ini senantiasa mengalah dan sebagai rakan dalam ASEAN berunding demi berunding, tetapi Kerajaan Singapura selalunya menekan kita. Dan juga tidak mahulah pemuda-pemuda PAS pergi pacak bendera tidak fasal-fasal. Pacak bendera di sini cukuplah.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul masalah mengalah ataupun sebagainya. Kita sebagai dua buah negara yang berjiran yang amat dekat dengan banyak sejarah persamaan, sudah tentu banyak perkara yang perlu diatasi oleh kerana banyak perkara-perkara yang bertindih dan sebagainya. Pada hemat saya kita

tidak boleh anggapkan yang kita mengalah. Pihak kita pun ada bangkitkan beberapa perkara yang menimbulkan juga keraguan dan masalah kepada mereka dan orang di sana pun kata mereka juga telah mengalah.

Maka perkara ini bila-bila pun tidak boleh selesai daripada segi hendakkan kepuasan antara kedua-dua buah negara yang begitu berdekatan sekali. Tetapi yang saya ingin tegaskan di sini ialah kedua-dua buah Kerajaan, Singapura dan Malaysia amat peka dengan pentingnya perpaduan yang erat di antara negara-negara di seluruh Tenggara Asia khususnya ASEAN. Kedua-dua buah Kerajaan tidak mahu melihat kerengangan hubungan antara mana-mana negara dalam ASEAN, maka lain-lain perkara yang boleh memesongkan perhatian tidak perlu kita gembargemburkan ataupun kita anggap sebagai satu perkara yang besar. Umumnya ia adalah satu perkara yang kecil dan kita yakin dan percaya, kedua-dua pihak Kerajaan percaya dan yakin dapat diselesaikan dan sedang pun diselesaikan. Masalah akan ada dari masa ke semasa tetapi yang pentingnya kedua-dua pihak sanggup berbincang dan mencari jalan keluar secara baik.

#### **KURSUS LATIHAN BINA SEMANGAT—OBJEKTIF**

7. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang kursus latihan bina semangat dari segi:

- (a) objektif kursus latihan tersebut;
- (b) program yang akan dilaksanakan;
- (c) pelaksanaan,

dan setakat ini apakah keberkesanan program tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-

Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Objektif kursus latihan bina semangat ialah untuk pembinaan sahsiah guru-guru pelatih. Antara perkara-perkara yang dititik-beratkan dalam program ini ialah pembinaan kualiti kepimpinan, nilai murni, sikap positif dan ketahanan diri aspek jasmani dan rohani. Faedah jangka panjang pula ialah untuk melahirkan masyarakat guru yang berkualiti, dedikasi serta unggul selaras dengan matlamat pendidikan guru dan Falsafah Pendidikan Negara.
- (b) Program-program yang telah dijalankan adalah antara lain, berkonsepkan "outward bound training" dan penyerapan disiplin "ala tentera". Program ini telah digubal khusus untuk kursus pendidikan yang berorientasikan gerak kerja luar dan pengenalan diri melalui aktiviti simulasi kumpulan. Di antaranya ialah berkayak, berekspedisi, pertolongan cemas, kawad kaki dan lain-lainnya.
- (c) Pelaksanaan kursus adalah berpandukan kepada struktur dan kurikulum seperti yang ditetapkan dan ia telahpun dimasukkan ke dalam Kurikulum Latihan Perguruan sejak tahun 1990. Kursus ini mengambil masa 8 hari 7 malam dan dikendalikan oleh jurulatih yang bertauliah.
- (d) Sehingga kini seramai lebih kurang 22,000 orang guru pelatih (Kursus Asas dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah) telahpun mengikuti kursus tersebut di lapan buah Pusat Kursus Latihan Bina Semangat. Kursus ini telah berjaya melahirkan bakal-bakal guru yang mempunyai sahsiah

bersepadu, sikap yakin diri dan sifat-sifat bertanggungjawab, sifat yang berdisiplin, berani, hormat menghormati, saling memahami, bertolak ansur serta sendiri yang positif dan prihatin.

### PELAJAR WANITA MELAYU MENUKAR AGAMA

8. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) di antara 41 orang pelajar wanita Melayu di United Kingdom yang memeluk agama lain, berapakah jumlahnya mengikut:
  - (a) yang dibiayai oleh Kerajaan;
  - (b) penuntut-penuntut swasta; dan
  - (c) negeri-negeri asal mereka;
- (b) setakat ini adakah siasatan rapi dibuat terhadap kes seperti ini termasuk di U.S.A., Canada, Australia, New Zealand dan sebagainya di mana terdapat penuntut-penuntut kita melanjutkan pelajaran mereka dan apakah punca utama mereka mengubah akidah mereka; dan
- (c) adakah terdapat pelajar-pelajar lelaki Melayu yang bertukar agama di seberang laut.

51. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan kes 41 orang wanita Islam yang dilaporkan murtad di England baru-baru ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua soalan pada hari ini yang menyentuh isu pelajar-pelajar Melayu yang dikatakan memeluk

agama lain di United Kingdom, iaitu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Wahab bin Suhaili dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

Oleh itu, saya memohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan tersebut secara sekaligus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dr Leo Michael Toyad:** Melalui Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri termasuk Jabatan Penuntut Malaysia di London, Kementerian Pendidikan telah membuat siasatan yang rapi berkaitan dengan laporan mengenai pelajar-pelajar wanita Melayu yang menukar agama.

Hasil daripada siasatan itu didapati tidak ada maklumat yang mengesahkan adanya mana-mana pelajar Melayu Malaysia yang menukar agama Islam kepada agama-agama lain.

Kementerian Pendidikan dan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam menetapkan syarat-syarat yang ketat bagi memastikan pelajar-pelajar tajaannya tidak berkahwin melainkan mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu semasa di dalam pengajian sama ada di dalam atau luar negeri. Syarat-syarat tersebut memang dimasukkan dalam Surat Perjanjian Basiswa pelajar berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Fasa 4(1) (d):

“Jikalau belum berkahwin pada tarikh perjanjian ini, tidak berkahwin kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kerajaan.”

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, saya ingin tahu apakah jenis tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya berlaku kemurtadan di kalangan pelajar-pelajar yang beragama Islam?

Yang kedua, oleh kerana terdapat penempatan pelajar-pelajar baru kepada keluarga-keluarga yang bukan Islam dan ini mendedahkan kepada berlakunya murtad, apakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan cara ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini anggapan sahaja, tidak perlu saya jawab.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk memberi kursus tambahan asas keagamaan kepada penuntut-penuntut yang beragama Islam supaya apabila mereka berada di luar negeri, mereka ini masih kuat pegangannya terhadap agama Islam?

Adakah Kerajaan memastikan bahawa pegawai-pegawai yang menjaga penuntut-penuntut di sana juga mempunyai asas pendidikan agama yang kuat supaya mereka ini pun juga akan dapat mengawal penuntut-penuntut kita supaya akhlak mereka itu mengikut kehendak lunas-lunas pengajaran Islam?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, bagi memperkukuhkan penyediaan kita terhadap pelajar-pelajar yang akan ke luar negeri, maka kita mengadakan Kursus Bimbingan Agama untuk mempertingkatkan lagi kepada pelajar-pelajar yang akan bertolak ke luar negeri dan juga kepada mereka yang telah sedia ada di luar negeri dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri.

Kita juga menyediakan buku-buku panduan agama yang dikeluarkan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri dan diedarkan kepada semua pelajar kita di luar negeri menerusi Jabatan-jabatan Penuntut kita di luar negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa bagi pertanyaan jawab mulut telah selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 62 adalah diberikan di bawah ini.)*

## PENDATANG HARAM FILIPINA—TINDAKAN UNDANG-UNDANG

**9. Tuan George Sangkin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan boleh memindahkan atau menghalau orang-orang Filipina yang tinggal secara haram di Kg. Marak Perak, Kota Marudu. Kalau ya, bolehkah dilakukan dengan kadar yang segera. Sekiranya tidak boleh, apakah langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan untuk memindahkan orang-orang asing ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa untuk menyelesaikan masalah setinggalan-setinggalan tempatan dan pendatang luar negeri yang menduduki tanah-tanah Kerajaan secara haram. Dalam kes pendudukan haram orang-orang Filipina di Kg. Merak Perak, Kota Marudu, tindakan yang sesuai menurut undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa boleh dilakukan dengan syarat tanah yang diduduki itu adalah tanah Kerajaan. Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Tempatan boleh memohon bantuan dari pihak keselamatan untuk mengendalikan urusan tersebut, jika perlu.

Walaupun Pasukan Petugas Khas Persekutuan telah selesai menjalankan bancian tetapi Pasukan itu belum dapat menentukan kategori pendatang-pendatang Filipina yang tinggal di perkampungan tersebut untuk diambil tindakan-tindakan yang bersesuaian. Pasukan ini akan menjalankan penyiasatan ke atas perkampungan

tersebut sebelum sebarang cadangan yang bersesuaian dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

### **TUNTUTAN BAYARAN DUTI KASTAM TERHADAP DYMM SULTAN KELANTAN**

**10. Puan Hajah Ilani bin Dato' Haji Isahak** minta Menteri Kewangan menyatakan secara terperinci di bawah peruntukan undang-undang yang manakah tuntutan sebanyak \$1,865,209.68 itu dibuat terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan sepertimana dituntut oleh Pengarah Kastam pada 14-5-92 dan bagaimanakah isu itu dikatakan selesai sedangkan bayarannya tidak dibuat oleh Baginda.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Mengikut Seksyen 14(3), Akta Kastam 1967, apa-apa barang yang dikecualikan daripada pembayaran duti kastam hendaklah disifatkan sebagai barang-barang berduti sehingga syarat-syarat yang dikenakan dipenuhi. Berkaitan dengan barang-barang yang diimport oleh Raja, salah satu syarat yang ditetapkan untuk pengecualian ialah Ketua Pengarah Kastam telah berpuashati bahawa barangan tersebut diimport atau dilepaskan dari kawalan kastam adalah untuk kegunaan persendirian atau rasmi Raja berkenaan. Syarat ini dinyatakan di dalam Butiran 2 kepada Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 seperti yang dipinda oleh Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) 1991.

Berhubung dengan kereta Lamborghini Diablo yang diimport oleh DYMM Sultan Kelantan, semasa kereta tersebut dibawa keluar daripada Gudang Berlesen MAS pada 19-3-1992, pihak Ketua Pengarah Kastam belum lagi membuat keputusan bahawa kereta

tersebut diimport atau dilepaskan daripada kawalan kastam untuk kegunaan peribadi atau rasmi DYMM Sultan Kelantan. Oleh yang demikian, syarat yang ditetapkan belum dipenuhi. Ini bermakna kereta tersebut hendaklah disifatkan sebagai barang berduti seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 14(3) Akta Kastam 1967. Berdasarkan ini, tuntutan cukai terhadap DYMM Sultan Kelantan dibuat.

Pada masa ini, isu pengimportan kereta Lamborghini oleh DYMM Sultan Kelantan sudahpun selesai di mana pihak Kastam berpuashati kerana peraturan Kastam telah dipatuhi.

### **CEK PEMULANGAN SAHAM TNB—KECURIAN**

**11. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan dan nilai cek pemulangan permohonan saham TNB yang dikirimkan oleh MIDFCCS kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya tetapi telah dicuri dan ditunaikan dengan menggunakan kad pengenalan palsu;
- (b) bagaimana cek-cek yang hilang itu akan dikembalikan kepada pemilik-pemilikinya; dan
- (c) sejauh manakah siasatan dan tindakan polis ke atas mereka yang melakukan kesalahan ini.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kes kecurian cek pemulangan kepada pemohon-pemohon saham yang dikirimkan oleh MIDFCCS baru-baru ini, melibatkan pemohon-pemohon saham TNB. Oleh itu, pertanyaan Ahli Yang Berhormat selanjutnya adalah tidak berbangkit.

### PEMADAM—"BLUE PRINT"

12. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan blue print PEMADAM dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi mengatasi masalah penagih-penagih dadah di Kuala Lumpur khususnya dan seluruh negara amnya. Nyatakan juga:

- (a) masalah sebenar penagih-penagih sama ada aspek didikan, aktiviti sosial atau pencemaran budaya; dan
- (b) langkah berkesan mengatasinya sama ada melalui undang-undang, aktiviti sosial dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting: Sungguhpun PEMADAM adalah satu badan bukan Kerajaan, ianya tetap mempunyai program yang dirancang untuk 5 tahun iaitu sepertimana juga Rancangan Bertindak Anti Dadah dari Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam usaha membasmi masalah najis dadah di negara ini.

Dalam Rancangan bertindak PEMADAM sama ada di Kuala Lumpur ataupun di lain-lain kawasan dalam negara ini, tumpuan diberi kepada aspek pencegahan dan pendidikan selaras dengan aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan dan Kementerian Pendidikan.

Dari kajian yang telah dijalankan bahawa antara masalah sebenar penagih-penagih dadah ialah masalah kurang didikan khasnya didikan agama, didikan akademik dalam ertikata mereka terdiri daripada "drop-outs", salah pergaulan dan juga aspek suka meniru budaya-budaya kuning yang banyak berunsur budaya barat.

Undang-undang berkaitan dengan langkah-langkah membasmi ancaman najis dadah di negara ini sudah

mencukupi. Apa yang penting ialah untuk menimbulkan satu kesedaran di kalangan masyarakat bahawa bahaya najis dadah ini adalah tanggungjawab tiap-tiap anggota masyarakat. Justeru itu, dalam usahanya untuk membantu Kerajaan, PEMADAM banyak menitik-beratkan aspek Jagaan Lanjutan selaras dengan objektif mengintegrasikan bekas-bekas penagih dadah ini balik ke pangkuan masyarakat.

### KETUA PEMBANGKANG MENGHADIRI MESYUARAT PARLIMEN—PENGHALANGAN

13. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa peristiwa penghalangan Ketua Pembangkang Y.B. Tuan Lim Kit Siang untuk menghadiri Mesyuarat Parlimen sehingga 31hb Disember tahun ini yang diluluskan oleh Dewan Rakyat Malaysia pada Mei 1992 merupakan suatu bahan ketawa di kalangan rakyat. Jika ya, sama ada beliau bercadang supaya penghalangan ini ditarik balik serta-merta untuk menjaga imej baik Dewan Rakyat kita. Jika tidak, mengapa;
- (b) adakah beliau sedar bahawa penghalangan tersebut adalah berpunca dari niat jahat Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, juga Ahli Parlimen bagi Ampang Jaya oleh kerana Yang Berhormat itu menganggap Ketua Pembangkang adalah musuh No. 1 bagi M.C.A. Jika ya, sama ada beliau bercadang supaya Yang Berhormat dari Ampang Jaya dipecatkan jawatan Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Jika tidak, mengapa; dan

- (c) siapakah mengarah Menteri Undang-undang mengemukakan usul tersebut tiba-tiba dalam Dewan Rakyat pada bulan Mei, 1992.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Oleh kerana ketiga-tiga soalan yang dibangkitkan ini ada hubungkaitnya antara satu dengan yang lain, saya akan menjawabnya secara sekaligus.

Saya tidak berhasrat untuk menyingkap kembali tentang kejadian 14.5.1992. Sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat menyaksikan sendiri tentang apa yang telah berlaku dan bagaimana ianya berlaku dan siapa gerangan pelakon utama sandiwara DAP pada hari yang berkenaan.

Drama pada hari itu juga telah dapat disaksikan sendiri oleh sebahagian daripada rakyat yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan, orang awam dan para pelajar yang dalam rangka lawatan sivik ke Dewan yang mulia ini.

Peraturan-peraturan bagi mengendalikan urusan perjalanan mesyuarat di dalam Dewan yang mulia ini adalah merupakan tunggak keagungan demokrasi yang mesti dipelihara demi untuk menjaga kehormatan dan martabat Dewan ini. Tetapi Yang Berhormat daripada Tanjong dan pihak DAP bertindak liar, mengikut kehendak nafsu sendiri, mengeneipkan Yang di-Pertua Dewan serta peraturan-peraturan mesyuarat.

Demokrasi tidak bermakna seseorang itu bebas bertindak, bercakap atau melakukan apa sahaja mengikut sesuka hatinya. Tetapi pihak pembangkang, jelas sekali tidak faham dan tidak mengamalkan demokrasi yang mereka sendiri laungkan. Sebaliknya tindak-tanduk mereka hanya dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertamadun.

Kita memerlukan kepada undang-undang atau peraturan-peraturan bagi membentuk adab dan tata tertib dalam bertindak dan berbicara; kita memerlukan undang-undang bagi memastikan kita ini menjadi manusia yang berdisiplin. Tetapi adalah sesuatu yang amat mengecewakan apabila pihak Pembangkang sanggup merendahkan martabat Dewan yang mulia ini dengan menjadikannya sebagai medan atau gelanggang politik, sama seperti dengan apa yang mereka lakukan di luar Dewan yang mulia ini. Taktik liar dan jahat yang digunakan oleh parti DAP sudahpun diketahui oleh rakyat. Inilah cara paling murah untuk mendapatkan publisiti murah daripada sandiwara yang sering dilakonkan oleh pihak Pembangkang.

Apa yang jelas daripada peristiwa bulan Mei 1992 di Dewan ini, ialah pihak Pembangkang sudahpun kehabisan modal politik yang semakin mahal harganya. Sebab itu juga, maka setiap isu yang dikutip dan dipungut di merata-rata tempat akan dijadikan modal untuk menghentam Barisan Nasional, walaupun ianya tidak relevan dengan hujah perbahasan yang mereka utarakan. Dan apa yang paling ketara lagi ialah pihak Pembangkang sebenarnya sudah keke- ringan dan ketandusan idea-idea yang bernas dan bijaksana yang seharusnya dimanfaatkan di Dewan yang mulai ini, demi untuk kebaikan rakyat yang mereka wakili dan negara keseluruhannya.

Sandiwara DAP sudahpun berakhir. Jerat yang mereka pasang mencerut leher sendiri. Hari ini, seolah-olah mereka merayu supaya cerutan itu dibuka. Mereka merayu dan mencari simpati dengan berusaha mendapatkan tandatangan daripada rakyat untuk masuk semula ke Dewan ini. Sungguh kasihan. Siapakah yang ditertawakan, DAP atau Kerajaan? Rakyat hanya ketawa apabila melihat Si Luncai terjun dengan labu-labunya.

Apa yang berlaku pada 14.5.1992 ialah pihak DAP terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menunjukkan sikap yang tidak menghormati Dewan, tidak menghormati undang-undang, sikap kekurangajaran yang keterlaluan, yang mana sikap biadap seperti ini memerlukan satu tindakan yang tegas diambil terhadap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Sesuai dengan peraturan-peraturan yang sedia ada, demi untuk menjaga kehormatan Dewan yang mulia ini dan bagi mengelakkan daripada suatu suasana haru-biru di dalam Dewan yang mulia ini, maka usul yang dibawa untuk mengeluarkan beliau dari Dewan ini adalah tindakan yang wajar dan munasabah sekali.

Sebenarnya kita sungguh bertimbang-rasa, tetapi malangnya sikap baik kita ini nampaknya telah membuat pihak Pembangkang "naik kepala" dan menganggap kita lemah.

Perilaku Pembangkang di dalam Dewan ini adalah merupakan satu "budaya bankrap" yang sememangnya menjadi amalan mereka. "Budaya bankrap" ini terbukti jelas dengan keengganan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menjelaskan bayaran tol, seolah-olah beliau mengatasi undang-undang. Tindakan angkuh Yang Berhormat dari Tanjong ini terserlah pada setiap masa. Tindakan ini merupakan satu lagi pencabulan undang-undang. Apakah ini merupakan tindakan seorang ketua yang menghormati kemuliaan Dewan dan kedaulatan undang-undang? Kalau rakyat terbanyak boleh bersedia dan mampu menjelaskan bayaran tol, mengapa pula seorang yang bergelar ketua atau pemimpin enggan berbuat demikian? Yang jelas, Ahli Yang Berhormat hanya mencari publisiti murah, sebab itulah dia sanggup "mengamuk" di Lebuhraya Utara-Selatan semata-mata kerana tidak mahu membayar \$5.80.

Adalah sesuatu yang amat tidak munasabah apabila dicadangkan Yang Berhormat dari Ampang Jaya dipecat. Tidak ada satupun undang-undang dalam mana-mana negara di dunia ini di mana orang lain yang buat salah dan orang lain pula yang dihukum.

Tetapi pada kejadian 14.5.1992, kita dapat saksikan niat jahat yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Dan kita juga dapat lihat niat baik Yang Berhormat dari Ampang Jaya. Malangnya, niat baik telah dibalas dengan niat yang jahat.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah diberikan kesempatan dan peluang yang seluas-luasnya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya pada hari yang berkenaan. Malangnya peluang dan kesempatan itu digunakan untuk tujuan yang jahat. Tindak-tanduk Yang Berhormat dari Tanjong adalah amat keterlaluan sehingga tidak mengendahkan arahan dan keputusan Yang di-Pertua. Tindakan beliau yang tidak demokratik telah membangkitkan suasana haru-biru di dalam Dewan ini dan hal ini telah menyebabkan beliau digantung keahlian hingga 31hb. Disember, 1992, yang mana beliau sendiri tahu akan kesan dan akibat daripada perbuatannya itu. Jadi, soal pemecatan Yang Berhormat dari Ampang Jaya tidak timbul sama sekali, malah jika tidak kerana ketegasan beliau, mungkin keadaan akan bertambah buruk lagi.

Saya telah melaksanakan peruntukan peraturan Majlis Mesyuarat dan keputusan yang telah dibuat itu adalah wajar dan munasabah, seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang. Dengan itu, cadangan untuk menarik balik keputusan yang dibuat oleh Dewan itu tidak timbul sama sekali.

Nasihat saya kepada parti Pembangkang ialah hormatilah peraturan-peraturan di dalam Dewan yang mulia

ini, walaupun tidak bersetuju dengan peraturan itu. Sukalah juga saya menasihatkan Yang Berhormat dari Tanjong agar menulis surat meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini, tentang kesalahan yang telah dilakukan olehnya pada 14.5.1992, dan berjanji tidak akan melakukannya lagi di masa-masa yang akan datang demi untuk menjaga keharmonian dan martabat Dewan yang mulia ini.

Akhir sekali, sukalah saya nyatakan di sini bahawa tindakan yang diambil terhadap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong adalah satu tindakan yang demokratik yang merupakan sebahagian daripada proses demokrasi. Tindakan itu diambil demi untuk mempertahankan kehormatan Dewan ini. Dan suka saya mengingatkan pihak Pembangkang bahawa demokrasi bukanlah suatu passport untuk mereka melakukan sesuka hati sama ada di dalam atau di luar Dewan. Tindakan yang tegas akan dikenakan kepada mereka yang tidak menghormati undang-undang dan demokrasi, yang boleh mencetuskan suasana huru-hara. Nasihat saya kepada parti DAP agar mereka mengubah sikap menjadi manusia yang matang dan bertamadun dan memberhentikan pementasan sandiwara politik Pembangkang yang sudah lapuk dan membosankan. Sekian.

#### HAKISAN PANTAI—LANGKAH MENGATASI

14. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sejauh manakah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berjaya mengatasi masalah hakisan pantai di seluruh negara;
- (b) nyatakan jumlah pantai-pantai yang terlibat dan jumlah kes yang terbabit; dan

- (c) apakah tindakan Kementerian dan JPS untuk mengatasi masalah hakisan pantai di Kampung Tepi Sungai Kuala Sungai Muda, Kota Kuala Muda, Kedah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Bagi menjawab soalan (a) dan (b):

Berikutan dari kajian Hakisan Pantai Negara yang disiapkan pada awal 1986, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja pengawalan hakisan pantai di tempat-tempat yang mengalami hakisan yang kritikal.

Berpandukan kepada kadar hakisan, kepentingan dan nilai aktiviti-aktiviti yang terlibat, kawasan-kawasan pantai yang mengalami hakisan telah dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- (a) *Kategori 1: Kawasan Hakisan Genting (Critical):*

Pada masa ini, terdapat 60 kawasan melibatkan pantai sepanjang pantai sepanjang 196 km telah dikenalpasti mengalami hakisan yang kritikal dan memerlukan tindakan segera.

- (b) *Kategori 2: Kawasan Hakisan Bererti (Significant):*

Sejumlah 70 kawasan yang melibatkan pantai sepanjang 234.5 Km sedang mengalami hakisan dan di mana hakisan dijangka akan menjadi lebih serius dalam masa 5-10 tahun akan datang.

- (c) *Kategori 3: Kawasan Hakisan Yang Belum Serius:*

Kawasan-kawasan ini sedang mengalami hakisan tetapi tidak didiami atau

dibangunkan dan tidak memerlukan apa-apa tindakan pada masa ini. Panjang pantai yang terlibat adalah 954 Km melibatkan 76 kawasan pantai.

Kos untuk mengatasi masalah hakisan pantai di 60 kawasan yang kritikal dianggarkan sebanyak \$350 juta. Dari jumlah ini sebanyak \$159 juta telah diperuntukkan di bawah RM6. Sehingga kini kerja telah siap di 17 kawasan (melibatkan pantai sepanjang 32.4 Km) manakala 8 kawasan lagi (melibatkan pantai sepanjang 20.1 Km) sedang dalam pembinaan.

Ringkasan status pelaksanaan kerja-kerja pengawalan hakisan bagi 60 kawasan hakisan kritikal tersebut adalah seperti berikut:

Pembinaan siap	17 kawasan
Dalam pembinaan	8 kawasan
Dalam Rekabentuk	10 kawasan
Dalam Kajian Kemungkinan/ Penyiasatan	17 kawasan
Belum mula	8 kawasan

Selain dari itu, JPS juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal dan ulasan ke atas cadangan-cadangan pembangunan dalam kawasan pantai. Tindakan yang diambil adalah dengan cara menggalakkan strategi pembangunan secara bersepadu (integrated) dalam perancangan projek-projek pembangunan yang melibatkan kawasan pantai, di mana kesan-kesan dan risiko proses hakisan ke atas pembangunan yang dicadangkan hendaklah diambil-kira supaya mengurangkan kesan buruk hakisan pantai di masa hadapan.

Bagi menjawab soalan (c):

Kawasan pantai di Kg. Tepi Sungai, Kuala Sungai Muda, Kota Kuala Muda, Kedah telah

dikenalpasti sebagai kawasan yang menghadapi masalah hakisan yang kritikal. Pihak Majlis Kawalan Hakisan Pantai Negara telah memberi persetujuan bahawa projek pengawalan hakisan pantai di sini dilaksanakan mulai tahun 1992 dan peruntukan sejumlah \$1.0 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam telah pun diluluskan untuk tujuan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan projek ini. Pada masa ini, rekabentuk bagi kerja-kerja perlindungan hakisan sedang dijalankan dan tawaran bagi kerja-kerja pembinaan dijangka akan dipanggil pada September/Oktober, 1992.

#### PENGIMPORAN KERETA LAMBORGHINI OLEH DYMM SULTAN KELANTAN

**15. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Kewangan menyatakan secara jelas bagaimanakah pihak Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja dan Kementerian Kewangan telah menyelesaikan kes pengimportan kereta Lamborghini oleh DYMM al-Sultan Kelantan dan pihak manakah yang telah melakukan kecuaiian dan kesilapan sehingga kes yang mudah itu telah menjadi hangat dan dibesar-besarkan oleh media massa.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Kes pengimportan kereta Lamborghini oleh DYMM Sultan Kelantan telah diselesaikan di mana pihak Kastam berpuashati kerana peraturan Kastam telah dipatuhi.

#### SEKOLAH MENENGAH ZON TIMUR DAERAH KOTA BELUD

**16. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang cadangan pembinaan bangunan Sekolah Menengah Kerajaan bagi Zon Timur

bertempat di daerah Kota Belud yang dikatakan ketika menjawab soalan mulut saya di suatu masa dulu telah pun diluluskan untuk perlaksanaan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Kini kita sudah berada dalam tempoh Rancangan tersebut. Bilakah kerja pembinaan bagi sekolah tersebut dijangka bermula.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Fong Chan Onn):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil penilaian semula terhadap senarai cadangan pembinaan sekolah-sekolah dalam Rancangan Malaysia Keenam didapati bahawa keperluan mendirikan sebuah sekolah menengah di Zon Timur Daerah Kota Belud belum begitu mendesak. Ini adalah kerana di Zon ini terdapat 15 buah sekolah yang mudah dihubungi serta 3 buah sekolah menengah yang walaupun tidak berada di Zon Timur tetapi masih dianggap berdekatan dan tidak menjadi kesulitan kepada murid-murid dari sekolah-sekolah rendah di Zon Timur untuk belajar pada peringkat menengah di sekolah-sekolah tersebut. Ketiga-tiga sekolah menengah berkenaan iaitu SMK Usukan, SMK Taun Guji dan SMK Pekan Kota Belud dan juga masih dapat menampung segala aspek persekolahan yang diperlukan.

#### **CUKAI IMPORT ATAS PEMBELIAN KENDERAAN OLEH KERAJAAN**

**17. Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar bahawa cukai import telah dikenakan terhadap kenderaan-kenderaan yang dibeli oleh Kerajaan Sabah sejak tahun 1990. Kalau benar, sila jelaskan apakah sebab-sebabnya.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Kerajaan telah mengenakan cukai import ke atas pembelian kereta-kereta import oleh Kerajaan Persekutuan, semua Kerajaan Negeri dan agensi-agensi

Kerajaan sejak tahun 1985. Ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan yang melarang Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan membeli kereta import untuk kegunaan rasmi. Larangan ini adalah bertujuan untuk menjimatkan pertukaran wang asing dan juga membantu industri kereta-kereta buatan tempatan atau dipasang dalam negeri ini.

#### **PEPERIKSAAN STPM—KESAN KEGAGALAN PELAJAR**

**18. Datuk Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pendidikan Tingkatan Enam tidak mendatangkan kesan yang memuaskan terutama bagi sebahagian besar pelajar-pelajarnya kerana lebih ramai yang gagal dalam peperiksaan STPM, dari yang lulus;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa kepada sebahagian besar pelajar-pelajar Tingkatan Enam, dua tahun yang mereka lalui untuk menduduki peperiksaan merupakan pembaziran masa sedangkan peluang untuk lulus amat rendah dan nilai komersial sijil STPM juga hampir tidak berbeza dengan SPM; dan
- (c) sama ada Kementerian bercadang untuk menghapuskan sistem STPM dan menggantikannya dengan sistem matrikulasi.

**Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapat bahawa sebahagian besar pelajar Tingkatan Enam telah gagal dalam peperiksaan STPM adalah tidak tepat. Sebenarnya sejak peperiksaan Sijil Terbuka STPM dilaksanakan, calon yang lulus dengan mendapat sijil tidak

pernah kurang daripada 80%. Peratusan ini membuktikan tercapainya matlamat pendidikan Tingkatan Enam.

- (b) Dari segi pendidikan, setiap masa yang digunakan untuk mendapat ilmu adalah satu kebaikan kepada diri seseorang itu. Masa dua tahun seseorang pelajar berada dalam Tingkatan Enam bukan sahaja memberi manfaat dari segi peningkatan ilmu pengetahuannya tetapi juga kematangan berfikir dan kesediaan diri untuk mengikuti pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Dari segi nilai komersil, lulusan STPM pasti mempunyai peluang-peluang yang lebih baik berbanding dengan lulusan SPM, misalnya:

- peluang yang lebih luas untuk melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi sama ada di dalam atau di luar negeri;
- peluang yang lebih baik untuk mendapat pekerjaan. Adalah jelas, pihak majikan memberi keutamaan calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam pengambilan kakitangannya misalnya dalam pemilihan calon-calon guru dan inspektor polis.

- (c) Setakat ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menghapuskan peperiksaan STPM. Sebaliknya dan selari dengan langkah-langkah reformasi pendidikan melalui KBSR dan KBSM, kandungan pendidikan Tingkatan Enam sentiasa diperkukuh dan diubahsuai. Misalnya, sukatan-sukatan mata-pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Ekonomi sudah diperbaharui, dan menjelang tahun 1993, sukatan baru matematik akan dimulakan.

## **BONUS KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN—PEMBAYARAN**

**19. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kerajaan akan menimbang pembayaran bonus kepada kakitangan Kerajaan kerana sejak 1986 ekonomi negara terus berkembang. Pembayaran bonus akan menunjukkan penghargaan Kerajaan terhadap sumbangan kakitangan Kerajaan ke arah pembangunan negara serta menggalakkan mereka berusaha dengan lebih baik.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Kerajaan telah melaksanakan Sistem Saraan Baru (SSB) berkuatkuasa mulai 1-1-1992. Di bawah SSB ini, ada peruntukan pembayaran bonus.

Pada tahun 1992, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$2.9 billion untuk melaksanakan Sistem Saraan Baru dan pembayaran tunggakan 8% bagi kakitangan Kerajaan. Oleh itu, pada tahun 1992 Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pembayaran bonus tersebut.

Walau bagaimanapun, pada masa hadapan Kerajaan akan menimbang pembayaran bonus itu tertakluk kepada keadaan ekonomi negara dan kedudukan kewangan Kerajaan.

## **TRAGEDI LETUPAN KAPAL CHOON HONG III—KEPUTUSAN SIASATAN**

**20. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya Kabinet telah menolak cadangannya untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyiasat tragedi letupan dan kebakaran kapal Chong Hong III dan loji kimia Shell di Pelabuhan Kelang seperti diumumkan oleh beliau sendiri pada 21-6-92 dan adakah Kerajaan bercadang mengumumkan keputusan siasatan.

**44. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tragedi letupan kapal Choon Hong III dan kebakaran depot bahan kimia Shell di Pelabuhan Klang pada 20-6-1992:

- (a) mengapa Kabinet mengambil keputusan tidak mahu menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyiasat tragedi dan membuat rekomendasi;
- (b) apakah hasil siasatan Pasukan Penyiasat Khas untuk menyiasat tragedi;
- (c) apakah langkah-langkah keselamatan yang sudah diambil untuk memastikan kejadian tidak berulang lagi;
- (d) adakah cadangan untuk memindahkan depot bahan kimia dan mudah meletup dari kawasan pelabuhan;
- (e) berapakah jumlah pampasan yang sudah dikeluarkan untuk mangsa tragedi; dan
- (f) apakah langkah-langkah keselamatan di pelabuhan-pelabuhan lain seluruh negara telah diambil supaya pelabuhan lain juga dijamin terselamat.

23-7-92

**27. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pemilik kapal yang terbakar baru-baru ini di Pelabuhan Kelang telah melanggar sebarang peraturan. Jika ada, apakah denda dan kerosakan yang harus dibayar oleh pemilik kapal tersebut.

**28. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak bersedia untuk menubuhkan Suruhanjaya DiRaja Penyiasat ke atas tragedi yang meragut 13 nyawa di Pelabuhan Kelang bulan lalu.

27-7-92

**10. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kenapakah pada 21hb. Jun, 1992 beliau telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan menubuhkan satu "Royal Commission of Inquiry" untuk menyiasat dalam letupan/kebakaran gedung simpanan minyak di Port Klang di mana lebih daripada lima (5) orang telah terbunuh dan beberapa hari kemudian Menteri Pengangkutan mengumumkan bahawa satu "Royal Commission of Inquiry" tidak akan ditubuhkan;
- (b) apakah sebab-sebab permulaan yang menyebabkan letupan/kebakaran di gedung simpanan minyak di Port Klang dan sama ada jika keselamatan dan tindakan-tindakan untuk mencegah disediakan untuk mencegah letupan/kebakaran tersebut;
- (c) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Menteri Pengangkutan untuk mencegah tragedi tersebut daripada berlaku pada masa yang akan datang; dan
- (d) adakah Kerajaan bertujuan untuk membayar wang pampasan kepada keluarga si mati. Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya kenapa tidak.

**25. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan secara terperinci mengenai:

- (a) kejadian letupan kapal tangki minyak di Pelabuhan Klang baru-baru ini yang telah mengorbankan banyak nyawa;
- (b) tahap keselamatan di pelabuhan-pelabuhan lain yang ada sekarang; dan

- (c) sekiranya Kementerian belum berpuashati dengan tahap keselamatan di pelabuhan-pelabuhan sekarang, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil agar kejadian yang tidak diingini dapat dihindari.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab sekaligus pertanyaan-pertanyaan mulut yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Kerk Kim Hock, Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun, Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew, Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh, Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong dan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar mengenai kejadian letupan kapal Choon Hong III di Pelabuhan Kelang pada 20hb. Jun, 1992 yang lalu.

Izinkan saya terlebih dahulu memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini detik-detik peristiwa tragedi letupan kapal Choon Hong III daripada hasil siasatan awal yang telah dibuat.

- 20-6-92 — Jam 2102 (9.02 malam) (Sabtu) Balai Bomba Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah menerima laporan letupan dan kebakaran. Pada masa yang sama Ketua Pegawai Laut, Lembaga Pelabuhan Kelang dan juga Pusat Penyelarasan Mencari dan Menyelamat Kelautan telah juga dimaklumkan akan kajadian ini.
- Jam 2103 (9.03 malam) Jentera Bomba dengan anggota seramai 8 orang keluar ke tempat kebakaran di kawasan Tiram Kimia Sdn. Bhd.
  - Jam 2115 (9.15 malam) Ketua Pegawai Laut LPK telah mengarahkan 4 buah

kapal tunda kepunyaan LPK untuk bersedia dan seterusnya melawan kebakaran.

- Jam 2120 (9.20 malam) Jentera Bomba dari Daerah Kelang dan lain-lain cawangan Negeri Selangor tiba untuk turut mengambil bahagian mencegah dan melawan kebakaran.
  - Jam 2230 (10.30 malam) pihak Bomba berjaya mengawal kebakaran daripada merebak. Tindakan juga diambil oleh pihak Bomba untuk menyejukkan semua tangki-tangki dan bahan-bahan mudah terbakar yang berhampiran dengan kawasan tersebut.
- 21-6-92 — Jam 1000 (10.00 pagi) (Ahad) kapal Choon Hong III ini mula senget dengan teruknya. Keputusan diambil untuk mengarahkan penghuni-penghuni di persekitaran kawasan bersiap sedia untuk dipindahkan.
- Lebih kurang jam 1500 (3.00 petang) tumpahan minyak bercampur dengan bahan kimia dari kapal yang terbakar menyebabkan api dari kapal merebak ke kawasan sekitaran mengakibatkan sebahagian dari Royal Selangor Yacht Club yang berhampiran terbakar. Walau bagaimanapun, kapal tunda LPK yang sedang bertugas bersama pihak Bomba berjaya memadamkan kebakaran tersebut.
  - Jam 1800 (6.00 petang) pihak polis mengarahkan penduduk di sekitar kawasan kebakaran supaya berpindah kerana bimbang

api akan merebak melalui minyak yang tumpah di atas permukaan air.

- Jam 2050 (8.50 malam) kebakaran dapat dipadamkan sepenuhnya.
- Jam 0500 (5.00 pagi) kapal Choon Hong III tenggelam sepenuhnya.

Pihak Jabatan Laut telah mengambil tindakan untuk membanteras pencemaran air oleh minyak daripada kapal ini dengan memasang "oil booms" di sekitar kawasan kejadian untuk mengelakkan minyak di permukaan air daripada mengalir ke tempat lain. Di samping itu, "absorbent sheets" telah diletakkan di permukaan air untuk menyerap dan membersihkan tumpuk-tumpuk minyak. Dispersant juga telah disembur untuk memecahkan tumpuk-tumpuk minyak ini di sekitar kawasan perairan berhampiran tempat kejadian.

Tragedi letupan kebakaran kapal Choon Hong III telah mengorbankan 13 orang. Tiga daripada mayat ini telah dijumpai di kawasan darat manakala sepuluh lagi mayat telah dijumpai di dalam air.

Berkenaan dengan punca kejadian kebakaran pula, pihak Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia sedang menyiasat tentang perkara ini dan setakat ini masih belum ada keputusan mengenainya.

- (a) Kerajaan mengambil keputusan untuk tidak menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja demi untuk menjalankan penyiasatan dengan secepat mungkin dengan mengelakkan dari proses prosedur yang berpanjangan. Kerajaan ingin mengetahui fakta-fakta yang menyebabkan kejadian ini berlaku supaya tindakan "remedial" boleh diambil dengan serta-merta. Agensi-agensi

Kerajaan mempunyai kuasa penuh di bawah Akta-akta yang berkaitan untuk menjalankan penyiasatan secara mendalam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu badan penyiasat yang telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menjalankan penyiasatan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Di samping itu, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia juga sedang menjalankan penyiasatan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

- (b) Adalah terlalu awal untuk Kerajaan mengumumkan sebarang hasil siasatan oleh kerana penyiasatan masih lagi sedang dijalankan.
- (c) Langkah-langkah awal yang diambil bagi memastikan keselamatan-keselamatan pemungahan kargo merbahaya di pelabuhan lain adalah:
  - (i) Memerlukan supaya agen perkapalan membuat pengisytiharan awal 48 jam sebelum tarikh ketibaan kapal tentang jenis kargo yang diangkut oleh kapal berkenaan bagi membolehkan langkah-langkah keselamatan diambil lebih awal.
  - (ii) Pasukan Bomba Pelabuhan berada di dalam keadaan "standby" di dermaga semasa pemungahan kargo pukat bahaya.
  - (iii) Memperketatkan lagi pelaksanaan peraturan-peraturan dan prosedur mengendali kargo.

- (d) Depot-depot bahan kimia yang merbahaya dan mudah meletup akan dipindahkan operasinya ke tempat yang selamat. Di Pelabuhan Kelang depot-depot merbahaya akan dipindahkan ke Pulau Lumut apabila ianya siap nanti di dalam tahun 1994. Notis pemindahan telahpun dikeluarkan kepada pihak-pihak berkenaan.
- (e) Setakat ini soalan bayaran pampasan oleh Kerajaan tidak timbul. Kejadian ini berlaku di Terminal yang dimiliki oleh pihak swasta dan operasinya adalah dikendalikan oleh pihak swasta.
- (f) Beberapa langkah telah diambil dengan serta-merta pada masa ini. Semua pelabuhan dikehendaki untuk diperketatkan dan mengikuti peraturan-peraturan dan prosedur pengendalian kargo merbahaya berdasarkan dokumen-dokumen Pertubuhan Kelautan Antarabangsa ataupun International Maritime Organisation iaitu sebuah pertubuhan di Bangsa-bangsa Bersatu.

*(Soalan No. 21—Sila lihat Jawapan kepada Soalan No. 3)*

#### **SKIM PINJAMAN MEMBELI TANAH/DUSUN KAKITANGAN KERAJAAN**

**22. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengadakan Skim Pinjaman membeli tanah/dusun bagi semua pegawai Kerajaan.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Kerajaan telahpun menyediakan Skim Pinjaman membeli tanah bagi tujuan membina rumah. Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan skim membeli tanah dusun bagi pegawai Kerajaan.

#### **KEGELINCIRAN KERETAPI— LANGKAH MENGATASI TRAGEDI**

**23. Dato' Haji Mohamed Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa kemalangan, kegelinciran keretapi telah berlaku begitu kerap sekali sehingga orang ramai mulai ragu keselamatan mereka dan hilang kepercayaan kepada kenderaan keretapi;
- (b) apakah hasil penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan dan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan keretapi; dan
- (c) adakah benar sesetengah kemalangan keretapi adalah daripada tindakan-tindakan khianat. Sila beri penjelasan dan sebab-sebab perkara ini berlaku dengan buktibuktinya sekali.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan keretapi masih lagi tinggi. Ini dapat dibuktikan di mana setiap hari banyak tempahan-tempahan dibuat melalui perkhidmatan tren-tren Ekspres mahupun tren mel siang atau malam. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memastikan keselamatan penumpang terus terjamin.
- (b) Kegelinciran-kegelinciran keretapi berlaku kerana beberapa sebab utama iaitu:
- (i) kerosakan pada rel atau keadaan landasan yang kurang memuaskan;
  - (ii) stokereta iaitu gerabak dan koc atau peralatannya rosak; dan

- (iii) kecuaiian kakitangan dalam pengawasan operasi atau penyelewengan yang kurang memuaskan.

Kerja-kerja yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kemalangan keretapi adalah seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja pembaik-pulihan landasan sedang dilaksanakan dan ini akan mengukuhkan tapak landasan yang dikenal-pastikan sebagai kurang memuaskan.
- (ii) Gerabak dan kos yang telah lanjut usianya atau prestasi mekanismanya tidak memuaskan akan dihapuskan secara berperingkat. Selain dari itu, pengawasan rapi terhadap penyelenggaraan yang lebih bersistematik dijalankan supaya kegelinciran gerabak dan kos dapat dikawal.
- (iii) Bagi mengatasi kecuaiian kakitangan, KTM sentiasa mengadakan latihan untuk menambah kemahiran serta membentuk semangat bertanggung-jawab di kalangan para pegawai dan kakitangan.
- (iv) Membuat rondaan di kawasan-kawasan yang disyaki khususnya di waktu malam sehingga pagi.
- (c) Hasil penyiasatan mengenai kemalangan-kemalangan yang lalu tidak menunjukkan berpunca daripada perbuatan khianat. Sebab-sebab utama berlaku adalah seperti yang dinyatakan tadi.

### TENTERA PERTAHANAN DIRI JEPUN (SDF)—PENYERTAAN SEBAGAI PASUKAN PENGAMAN

24. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap Kerajaan Malaysia terhadap tindakan Parlimen Jepun yang meluluskan Rang Undang-undang bagi menghantar tenteranya untuk menyertai sebarang penyelesaian sesuatu konflik di peringkat antarabangsa.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Malaysia tiada mempunyai halangan terhadap kelulusan Parlimen Jepun ke atas undang-undang PKO (Peacekeeping Operations) yang membolehkan Pasukan Tentera Pertahanan-Diri Jepun (SDF) untuk mengambil bahagian secara terhad dalam aktiviti-aktiviti sebagai pasukan pengaman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Walau bagaimanapun, Malaysia telahpun menyuarakan agar Jepun tidak mempunyai hasrat untuk menjadi sebuah kuasa tentera memandangkan latar-belakang sejarah ketenteraannya di rantau Asia.

### PENGILANG BERAS DI KEDAH—PERTEMUAN DENGAN MENTERI

25. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pertanian menyatakan perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam pertemuan antara Yang Berhormat Menteri dengan pengilang-pengilang beras pada 18hb. Jun, 1992 di Anak Bukit, Kedah dan apakah hasil ekoran dari pertemuan tersebut.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Perkara-perkara yang dibincangkan dalam pertemuan tersebut ialah berkaitan dengan masalah yang dihadapi

oleh industri padi dan beras pada masa ini. Antaranya ialah masalah lebihan keupayaan kilang akibat dari bekalan padi tidak mencukupi, permohonan pengilang-pengilang bukan bumiputera untuk menyertai Skim Pusat Belian yang dilaksanakan oleh LPN dan rayuan persatuan supaya LPN membenarkan pemindahan padi di antara Negeri Perlis dan Kedah.

Beberapa cadangan juga telah dibincangkan. Antaranya supaya pihak pengilang mempelbagai kegiatan perniagaan mereka termasuk kemungkinan melabur di Vietnam dalam industri padi. Mengenai permohonan Pengilang-pengilang Bukan Bumiputera untuk menyertai Skim Pusat Belian. Kementerian berpendapat cadangan ini tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi kerana masalah utama ialah kekurangan bekalan padi. Walau bagaimanapun, dicadangkan peranan LPN dalam Skim tersebut diambil alih oleh syarikat-syarikat besar melalui penyertaan mereka dalam kilang berkenaan. Pengilang juga telah dimaklumkan bahawa pemindahan padi di kawasan Sempadan Kedah/Perlis adalah dibenarkan. Sungguhpun begitu, pemindahan bagi kawasan di luar sempadan negeri tersebut perlu mengambilkira kesan ke atas Pengilang Padi di Perlis yang dikhuatir menyebabkan masalah kekurangan padi di negeri tersebut.

Hasil dari perbincangan tersebut semua pihak yang terlibat telah dapat mengetahui dan memahami dengan jelas masalah dan kedudukan sebenar yang dihadapi oleh industri berkenaan.

**PEMBINAAN SEKOLAH  
BERASRAMA PENUH  
DI BAWAH RM6—JUMLAH**

26. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan sekolah-sekolah menengah berasrama

penuh setakat hari ini dan bilangan yang akan diwujudkan sehingga akhir Rancangan Malaysia Keenam mengikut negeri-negeri; dan

- (b) apakah Kerajaan telah menjalankan kajian semula secara terperinci ke atas KBSR dan KBSM. Jika sudah, apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kedua-dua program tersebut dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

**Dr Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan sekolah berasrama penuh (SBP) yang sedang beroperasi sehingga kini ialah 32 buah. Sebuah sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Sains Kuching sedang dalam pembinaan, manakala 4 buah sekolah berasrama penuh akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Bilangan sekolah berasrama penuh mengikut negeri ialah: Wilayah Persekutuan (3), Selangor (2), Perlis (1), Pulau Pinang (1), Kedah (2), Perak (4), Kelantan (2), Terengganu (2), Pahang (3), Johor (3), Negeri Sembilan (4), Melaka (1), Sabah (3) dan Sarawak (1).
- (b) Pada tahun 1988, KBSR telah dilaksanakan sepenuhnya dari Tahun I hingga Tahun VI. Kajian yang menyeluruh dan terperinci ke atas KBSR pula telah diselesaikan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 1990. Pada tahun 1991, Laporan Kajian ini telah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan. Laporan ini telahpun diteliti oleh Kementerian Pendidikan.

Pada amnya, kelemahan yang ketara wujud di tahap pelaksanaan di sekolah, terutamanya di segi pengajaran-pembelajaran. Guru-guru tidak dapat mengikuti sepenuhnya pendekatan dan teknik pengajaran yang disarankan untuk KBSR. Murid-murid belum dapat dilibatkan secara aktif dalam proses pembelajaran. Bahan-bahan kurikulum, termasuk bahan-bahan pukat tidak dapat digunakan ke tahap yang memuaskan.

Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk memperbaiki perkara ini. Semua pihak, terutamanya Bahagian Pendidikan Guru dan Jabatan Pendidikan Negeri dikehendaki meningkatkan kemampuan dan kemahiran guru-guru. Di samping itu, penyeliaan dan bimbingan akan ditingkatkan, misalnya melalui pembentukan "guru bantu" untuk membantu guru-guru di bilik-bilik darjah.

Di samping aspek guru dan faktor pengajaran-pembelajaran, Kementerian Pendidikan sedang mengemaskini dan meningkatkan lagi mutu kurikulum dan bahan-bahan kurikulum. Buku-buku teks juga akan ditulis semula sebaik sahaja kurikulum berkenaan dimuktamadkan.

Bagi KBSM pula, Kementerian Pendidikan telahpun memutuskan satu kajian yang menyeluruh akan dilakukan ke atas KBSM dan tindakan awal baginya telahpun dimulakan. Peruntukan masa bagi kajian ini ialah tiga tahun.

#### **PBB—USAHA KE ARAH PEMANSUHAN KUASA VETO**

**27. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan

apakah usaha-usaha susulan yang akan dijalankan oleh Malaysia untuk memansuhkan kuasa-kuasa pembatal (veto powers) Amerika Syarikat, Britain, Russia, Perancis dan Republik Rakyat China di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sebagai sebuah negara membangun yang kecil, Malaysia tidak berkeupayaan melakukan sendiri untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh kuasa-kuasa besar. Bagaimanapun, dengan kerjasama dan sokongan dari negara-negara membangun yang lain, Malaysia berusaha mewujudkan satu sistem yang lebih demokratik di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu agar ianya menjadi forum yang boleh melaksanakan tanggungjawab dengan adil dan tidak membiarkan negara-negara tertentu mencapai kepentingan mereka sendiri.

Langkah awal yang harus diambil ialah dengan meneliti dan mengkaji semula keahlian tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menjamin agar forum ini dapat memelihara kepentingan semua negara-negara ahli yang lain.

#### **TERNAKAN UNTUK IBADAT KORBAN—PROGRAM BEKALAN MENCUKUPI**

**28. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan binatang korban mengikut jenis seperti lembu, kerbau, kambing dan biri-biri di seluruh negara dan butirkan mengikut tahun bagi tiga tahun yang lalu;
- (b) memandangkan ibadat korban kian dihayati, apakah persiapan Kementerian untuk memastikan

bekalan binatang korban sentiasa mencukupi di masa yang akan datang;

- (c) apakah jaminan bahawa binatang korban yang dibekalkan kepada pelanggan baik oleh penternak bebas atau mana-mana pihak juga memenuhi syarat yang ditentukan oleh syarak seperti genap umur dan sebagainya; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang Kementerian akan fikirkan bagi mendapatkan binatang yang lebih murah supaya lebih ramai orang Islam dapat melaksanakan ibadat ini.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:**

- (a) Pada tahun 1989 sebanyak 11,768 ekor ternakan korban disembelih di mana yang terbanyak ialah lembu iaitu 7,448 ekor (63.3%) dan bakinya ialah kerbau (1,195 ekor), bebiri (1,465 ekor) dan kambing (1,660 ekor). Pada tahun 1990, jumlah ternakan korban disembelih ialah 11,895 ekor terdiri dari lembu (7,524 ekor), kerbau (1,208 ekor), bebiri (1,480 ekor) dan kambing (1,683 ekor). Pada tahun lepas (1991), jumlah korban telah meningkat kepada 12,131 ekor dengan lembu masih merupakan yang terbanyak disembelih iaitu 7,660 ekor atau 63.1%, diikuti dengan kambing (1,703 ekor), bebiri (1,543 ekor) dan kambing (1,225 ekor).
- (b) Bekalan ternakan untuk ibadat korban untuk tahun-tahun yang lepas adalah sentiasa mencukupi dan jangkaan Kementerian bahawa bekalan itu akan dapat memenuhi permintaan di masa-masa hadapan. Program jangka panjang Jabatan agar bekalan ternakan sentiasa mencukupi adalah dengan mempercepatkan penternakan komersil oleh

penternak-penternak melalui penggunaan baka ternakan yang produktif. Andainya dijangkakan terdapat kekurangan ternakan untuk korban untuk tahun berkenaan, maka langkah jangka pendek yang diambil oleh Kementerian ialah dengan mengimport ternakan yang sesuai untuk korban.

- (c) Jaminan bahawa binatang korban yang dibekalkan kepada pelanggan adalah baik dan bersesuaian untuk dikorbankan ialah dengan memastikan pihak pembekal ternakan ini mendapat penerangan yang jelas daripada Pejabat Agama Islam tentang syarat-syarat yang diperlukan oleh ternakan untuk dikorbankan. Pihak Jabatan juga membuat lawatan dan penerangan kepada pembekal-pembekal tersebut untuk menentukan ternakan tersebut bersesuaian untuk korban.
- (d) Untuk mendapatkan harga ternakan yang lebih rendah, maka beberapa kos yang terlibat di dalam industri ini terpaksa dikurangkan. Antara kos penting adalah kos makanan ternakan. Menyedari hakikat ini, pihak Kementerian telah dan sedang mencari sumber makanan ternakan baru yang murah dan bermutu melalui penyelidikan. Penyelidikan juga dijalankan ke atas sisa buangan pertanian agar dapat dijadikan makanan ternakan. Perladangan secara integrasi juga digalakkan.

#### **KEROSAKAN RUMAH ANGKATAN TENTERA DI IPOH—TINDAKAN ATAS PEMAJU**

**29. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) 8 dari 198 unit rumah Angkatan Tentera Malaysia di Ipoh yang

dibeli pada tahun 1981 didapati rosak dan tidak boleh digunakan. Sila nyatakan kerosakan itu dan mengapa Kementerian tidak menuntut supaya rumah tersebut diganti dengan yang lain atau apakah tindakan yang diambil sebagai gantirugi;

- (b) dalam tahun 1986 Kementerian menandatangani lagi perjanjian dengan syarikat yang sama untuk membeli 97 unit rumah yang kediamannya 2 didapati rosak juga dan tidak digunakan. Mengapa Kementerian masih bersedia membuat ikat kontrak dengan syarikat yang sama sedangkan syarikat itu gagal membaiki 8 unit rumah sebelumnya. Adakah rumah 2 unit itu sudah diganti dan apakah tindakan yang akan diambil.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):**

- (a) Kerosakan yang dihadapi ke atas 8 unit rumah Angkatan Tentera Malaysia di Ipoh telah dapat dipasti semasa tempoh kecacatan dan kerosakan (15-9-1984 hingga 14-3-1985) dan Pemaju telah membaiki beberapa kali di atas arahan KEMENTAH. Pihak KEMENTAH telah melantik Juruperunding untuk mengkaji keadaan tanah di mana rumah-rumah berkenaan didirikan dan kerosakan-kerosakan yang dihadapi oleh 8 unit rumah ialah retak disebabkan tanah ini menadap. Keadaan ini berlaku kerana rumah-rumah yang dibina adalah di atas tanah bekas lombong. Rundingan di antara KEMENTAH dengan Pemaju juga telah diadakan untuk menggantikan rumah-rumah yang rosak dan Pemaju menawarkan bahawa rumah-rumah yang rosak ini akan diroboh dan dibina

semula dengan kos ditanggung oleh Pemaju dan Kerajaan. Pemaju juga telah mengemukakan cadangan alternatif iaitu tapak tanah 4 lot diberikan kepada Kerajaan sebagai gantian tetapi cadangan tersebut belum diputuskan kerana masih lagi dalam kajian dan pertimbangan Kementerian ini.

- (b) KEMENTAH telah meneruskan tindakan menandatangani Perjanjian Kedua pada bulan November 1986 untuk membeli 97 unit rumah lagi oleh kerana keputusan untuk pembelian ini telahpun dibuat dan diberitahu kepada pemaju pada tahun 1985 lagi. Pada masa itu, kerosakan yang terdapat di rumah-rumah berkenaan dijangka dapat diperbaiki. Dua unit rumah yang didapati rosak di antara 97 unit rumah yang dibeli sedang diperbaiki oleh Pemaju berkenaan.

#### **ARTIS LELAKI BERAMPUT PANJANG—DISIPLIN RTM**

**30. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Penerangan menyatakan bahawa Kementerian telah mengeluarkan arahan melarang persembahan artis-artis lelaki berambut panjang mengadakan persembahan, mengapakah larangan ini tidak meliputi persembahan seorang artis lelaki berambut panjang dari Indonesia yang mengadakan persembahannya di Stadium Negara baru-baru ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman):** Kementerian Penerangan telahpun melaksanakan garis panduan tertentu dalam mendisiplinkan para artis yang akan melibatkan diri dalam program-program television dan radio.

Berkenaan dengan pendisiplinan artis-artis di tempat-tempat tertentu, umpamanya di Stadium Negara, adalah tidak tertakluk kepada bidangkuasa Kementerian Penerangan. Namun, Kementerian akan berusaha menyelaraskan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dengan lain-lain agensi, Jabatan dan Kementerian.

### **KEBAKARAN HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR—LANGKAH MENGELAKKAN**

**31. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa begitu ketara kelemahan yang terserlah berikutan dengan peristiwa kebakaran di Hospital Besar Kuala Lumpur baru-baru ini, apakah langkah Kerajaan untuk mengelakkan daripada berlaku lagi dan sejauh manakah tindakan Kerajaan terhadap kecuaiannya kakitangan hospital itu dalam mengambil tindakan segera terhadap aduan awal kebakaran tersebut.

**Tuan Mohd. Farid bin Ariffin:** Kementerian Kesihatan sentiasa menitikberatkan dan berusaha mengamalkan prosedur-prosedur kawalan dan pencegahan kebakaran di hospital-hospitalnya. Dalam tahun 1987, hospital-hospital diarah mengamal langkah-langkah kawalan dan pencegahan kebakaran seperti berikut:

- (a) Berhubung dengan Jabatan Bomba tempatan untuk memastikan bahawa bangunan-bangunan di hospital mempunyai kemudahan mencegah kebakaran yang cukup.
- (b) Membeli alat kelengkapan untuk mencegah kebakaran.
- (c) Menyediakan rancangan kontingensi untuk kebakaran.
- (d) Melatih (menerusi penerangan/ceramah) kakitangan hospital

langkah-langkah mencegah kebakaran dan cara-cara melawan kebakaran dengan kerjasama Jabatan Bomba.

Dalam tahun ini pula, Kementerian telah mengedarkan kepada semua hospital garis panduan “Keselamatan Kebakaran di Hospital” yang disediakan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia.

Pihak Hospital Besar Kuala Lumpur telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengkaji tentang punca kebakaran dan juga langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kejadian seperti ini tidak akan berulang lagi.

*(Soalan No. 32—Sila lihat Jawapan kepada Soalan No. 3)*

### **PENCEROBOHAN RUANG UDARA DI JOHOR— KAWALAN**

**33. Tuan Wee Cho Keong** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar bahawa dalam masa duapuluh empat tahun yang lalu kapal terbang tentera udara negara asing telah terhempas di Johor dan baru-baru ini terdapat juga dua buah kapal terbang tentera udara terhempas di Johor. Adakah Menteri Pertahanan bercadang untuk menghadkan kegunaan kawasan udara untuk kapal terbang komersil sahaja untuk melindungi kepentingan nyawa dan harta benda rakyat Malaysia.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Buat masa ini, Kerajaan belum mengambil sebarang keputusan menimbang untuk menghadkan kegunaan kawasan udara untuk kapal terbang komersil sahaja.

*(Soalan No. 34—Sila lihat Jawapan kepada Soalan No. 3)*

**MAJLIS PELINDUNG PENGGUNA  
KEBANGSAAN—FUNGSI  
DAN BIDANGKUASA**

**35. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan peranan, fungsi dan bidangkuasa Majlis Kebangsaan Pelindungan Pengguna, dan juga nyatakan secara terperinci:

- (a) senarai ahli-ahli Majlis tersebut;
- (b) cara-cara dan kriteria-kriteria untuk melantik ahli-ahli Majlis;
- (c) jenis dan kadar elaun yang dinikmati oleh ahli-ahli Majlis; dan
- (d) tarikh dan sebab-sebab Majlis tersebut ditubuhkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Majlis yang wujud di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ialah Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Majlis ini ditubuhkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan keahliannya terdiri dari wakil-wakil persatuan-persatuan pengguna, sektor perniagaan (seperti Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, Balai Ikhtisas Malaysia dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia), pertubuhan-pertubuhan sukarela (seperti NCWO), wakil-wakil universiti-universiti dan individu-individu tertentu. Bagi Sesi 1992/93 ini, Pengerusi Majlis ini ialah Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Alwi Jantan, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

Ahli-ahli Majlis adalah dilantik berdasarkan beberapa kriteria tertentu. Perlantikan ahli dari kalangan persatuan pengguna adalah didasarkan kepada keaktifan mereka di dalam persatuan pengguna. Manakala ahli-ahli yang

mewakili sektor-sektor perniagaan dan badan-badan sukarela, pemilihan adalah dibuat oleh badan-badan itu sendiri berdasarkan kepada keupayaan untuk menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada Majlis khasnya dan dunia kepenggunaannya amnya. Perlantikan ahli sekarang adalah bagi tempoh selama dua tahun iaitu mulai 1hb Januari, 1992.

Ahli-ahli Majlis dari kalangan bukan Pegawai Kerajaan adalah dibayar elaun-elaun berikut:

- (i) Elaun Menghadiri Mesyuarat di atas kadar \$75 sehari;
- (ii) Elaun Perjalanan iaitu 55 sen bagi 500 kilometer pertama;
- (iii) Elaun Penginapan Sewa Hotel tidak melebihi \$100 semalam; dan
- (iv) Elaun Belanja Hidup sebanyak \$40 sehari.

**KAKITANGAN KERAJAAN—  
TEGURAN PERDANA MENTERI  
DI KONVENSYEN CUEPACS**

**36. Tuan Lau Dak Kee** minta Perdana Menteri menyatakan di dalam Konvensyen CUEPACS baru-baru ini, bahawa beliau tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan sekumpulan kakitangan Kerajaan:

- (a) adakah sikap kakitangan Kerajaan berkenaan bercanggah dengan slogan beliau "Cekap, Bersih dan Amanah";
- (b) sejauhmanakah, slogan beliau "Cekap, Bersih, Amanah" telah dicapai setakat hari ini;
- (c) adakah beliau ingin menukarkan slogan "Cekap, Bersih dan Amanah" kepada slogan yang lebih baik, jika ya, apanya;
- (d) apakah tindakan Kerajaan yang diambil atas kakitangan yang kurang giat dalam perkhidmatan;

- (e) sebutkan langkah-langkah yang berkesan Kerajaan akan mengambil untuk meninggikan taraf perkhidmatan kakitangan Kerajaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):**

- (a) Pada masa ini terdapat kira-kira 880,000 pengkhidmat awam di Malaysia. Jumlah tersebut adalah besar jika dibandingkan dengan segelintir kecil golongan pengkhidmat awam yang tidak menjalankan tugas dengan baik dan sempurna, seperti yang ditimbulkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam Konvensyen CUEPACS pada 22.6.92 yang lalu.
- (b) Mengenai pencapaian slogan "Bersih, Cekap dan Amanah", Kerajaan mendapati dari pemerhatian dan penilaian yang dibuat, pada umumnya slogan itu telah mencapai matlamatnya. Ini terbukti melalui sikap tekun bekerja yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan di samping amalan etika kerja yang tinggi. Keberkesanan penyampaian perkhidmatan kaunter, peningkatan perkhidmatan di Pejabat-pejabat Daerah, bilangan kecil peratus penyelewengan adalah antara indikator-indikator kepada kejayaan slogan tersebut.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk menukar slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" kerana ianya merupakan suatu konsep murni yang sesuai untuk sepanjang zaman.
- (d) Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan baru melancarkan Sistem Saraan Baru dalam Perkhidmatan Awam. Di bawah sistem ini, pegawai-

pegawai Kerajaan yang tidak menunjukkan prestasi yang baik tidak akan diberi pergerakan gaji (statik). Di bawah Perintah Am Bab "D" 1980, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas kakitangan yang "kurang kecekapan atau keusahaan", termasuk mengenakan hukuman "buang kerja". Di samping itu, Kerajaan juga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai sekiranya prestasinya tidak memuaskan.

- (e) Berbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan mutu dan taraf perkhidmatan serta etika kerja yang baik di kalangan anggota Perkhidmatan Awam. Di antaranya ialah mengadakan Etika Perkhidmatan Awam, Konsep Perkhidmatan Cemerlang, Penerapan Nilai-nilai Murni, Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, Peningkatan Produktiviti, Kualiti dan Program Motivasi. Di samping itu, usaha-usaha telah dan sedang dibuat bagi meningkatkan perkhidmatan kaunter di Jabatan-jabatan Kerajaan dan menambah penggunaan komputer untuk meningkatkan kecekapan dalam Perkhidmatan Awam. Tambahan juga, telah menyediakan kemudahan wang pinjaman di bawah Skim Saraan Baru (SSB) bagi membolehkan pegawai Kerajaan membeli komputer supaya mereka fasih dalam penggunaan komputer dan meningkatkan mutu perkhidmatan mereka. Di samping itu, Biro Pengaduan Awam ditubuhkan untuk melayani pengaduan dari pihak awam yang berkaitan dengan perkhidmatan jabatan atau agensi Kerajaan

**TAMAN LAUT DI PULAU  
SEMBILAN—FAEDAH  
KEPADA NELAYAN**

37. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kesan baik dan buruk terhadap kaum nelayan sekiranya cadangan pembinaan sebuah Taman Laut di Pulau Sembilan itu dilaksanakan. Sama ada kesan alam sekitar itu dijalankan atas projek tersebut.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:**  
Penubuhan Taman Laut di perairan Pulau Sembilan akan dapat membaik-pulih sumber perikanan dan terumbu karang yang mana telah mengalami kemusnahan akibat berbagai aktiviti seperti melabuh sauh dan pembuangan bahan kotor. Hasrat ini bertujuan untuk memastikan stok ikan yang membiak di kawasan terumbu karang tidak mengalami kemerosotan dan dengan ini, nelayan-nelayan akan mendapat faedah dengan adanya stok ikan yang berterusan. Dengan pemuliharaan habitat terumbu karang, pertambahan stok ikan boleh menyumbang kepada peningkatan pendapatan nelayan-nelayan tempatan.

Di bawah peraturan Taman Laut, nelayan tempatan yang berpangkalan di pulau yang dikelilingi oleh perairan taman Laut dan mempunyai lesen akan dibenarkan untuk menangkap ikan dengan menggunakan pukat tradisional di luar kawasan perairan satu batu notika dari pantai. Walau bagaimanapun, nelayan-nelayan dibenarkan berlindung di pulau-pulau Taman Laut dengan berlabuh pada boya-boya yang disediakan.

**LAWATAN KE NEGERI  
CHINA TANPA PERMIT  
SAH—TAHANAN PASPORT**

38. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa lamakah seseorang pemohon yang telah melawat ke

Negara China tanpa permit yang sah menanti pasport baru; bahawa ada di antara mereka telah menanti bertahun-tahun lamanya dan masih belum boleh mendapatkan pasport serta Jabatan Imigresen pula hanya memberi jawapan bahawa permohonan mereka untuk pasport baru tidak dapat diluluskan tanpa memberi sebarang sebab ataupun nasihat tentang prosedur untuk menghantar semula permohonan untuk dipertimbangkan semula; dan

- (b) adakah boleh sekiranya kuasa untuk mengeluarkan pasport baru bagi kes (a) di atas diwakilkan kepada Pengarah Imigresen Negeri untuk mempercepatkan masa memproses.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Orang yang melawat negara China tanpa kebenaran akan ditahan pasport mereka selama tiga (3) tahun. Pasport akan dikembalikan kepada mereka selepas tempoh tersebut. Sekiranya pemohon menghadapi masalah untuk mendapatkan kembali pasport selepas tempoh di atas, mereka bolehlah membuat rayuan kepada Kementerian Dalam Negeri.
- (b) Urusan menyimpan pasport yang ditahan dibuat oleh Ibu Pejabat Imigresen, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan kembali pasport tersebut selepas tempoh tahanan boleh dibuat sama ada di Ibu Pejabat Imigresen, Kuala Lumpur atau di mana-mana pejabat Imigresen.

**SIASATAN BPR—SAHAM  
\$10 JUTA TELEKOM MALAYSIA  
KEPADA MAIKA HOLDINGS**

39. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan mengenai tentang perkembangan di dalam

penyiasatan oleh BPR ke dalam pembahagian saham \$10 juta Telekom Malaysia Berhad kepada MAIKA Holdings Berhad.

21.7.92

**14. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan penyiasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap skandal saham yang melibatkan MAIKA Holdings.

**42. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan terbaru dan hasilnya berkenaan dengan siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap:

- (a) MIC dan MAIKA Holdings tentang kes pengagihan saham Syarikat Telekom Malaysia; dan
- (b) Kementerian Penerangan tentang kes yang disyaki terlibat rasuah.

22.7.92

**47. Tuan Fong Kui Lun** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas para pemimpin MIC, MAIKA Holdings, 3 syarikat (Advance Personal Computers Sdn. Bhd., S.B. Management Sdn. Bhd. dan Clearway Sdn. Bhd.) yang menerima saham Telekom bernilai \$9 juta yang ditawarkan pada MAIKA termasuk siasatan ke atas tuduhan Ketua Pembangkang berhubung tindakan Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu memasukkan saham \$9 juta itu kepada 3 syarikat di atas.

23.7.92

**18. Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam isu saham Telekom kepada MAIKA sudah dibuat dan berapa bilangan orang yang sudah disiasat dan siapakah mereka.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya memohon untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan bersekali dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

1. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada 21.7.92;
2. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai pada 21.7.92;
3. Ahli Yang Berhormat dari Kelang pada 22.7.92; dan
4. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 23.7.92.

Ini adalah kerana soalan yang dikemukakan itu didapati sama.

Kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan masih lagi dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah. Oleh yang demikian, ianya belum lagi dapat dimaklumkan di dalam Dewan ini.

#### CUKAI PENDAPATAN—CARA MEMUDAHKAN BAYARAN

**40. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pungutan dan bilangan pembayar cukai perseorangan dan syarikat yang membayar cukai pendapatan bagi tahun 1986-1991 yang dikenakan kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia;
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi memudahkan pembayar cukai menjalankan urusan pembayaran; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil bagi menentukan supaya pendatang tanpa izin dikenakan membayar cukai pendapatan dan berapakah jumlah pendatang tanpa izin yang telah berbuat demikian.

**Timbalan Menteri Kewangan  
(Tuan Abdul Ghani bin Othman):**

- (a) Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak membezakan antara warga-negara dan bukan warganegara berhubung dengan pengenaan cukai. Oleh itu, maklumat yang diminta tidak dapat diberi.
- (b) Bagi memudahkan pembayar cukai menjalankan urusan pembayaran, langkah-langkah berikut telah diambil:
  - (i) mengenakan potongan daripada gaji atau pencen bagi maksud cukai pendapatan untuk tiap-tiap tahun taksiran ke atas pembayaran cukai;
  - (ii) bayaran cukai secara ansuran oleh syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga;
  - (iii) mengenakan potongan cukai dari dividen (at source) yang dibayar oleh sesebuah syarikat kepada pemegang-pemegang sahamnya.
- (c) Tindakan yang sama diambil terhadap semua pembayar cukai atau bakal pembayar cukai. Tidak ada tindakan khusus bagi pendatang tanpa izin.

**KILANG PAPAN—PELUPUSAN  
SISA KAYU-KAYAN**

**41. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian telah menetapkan bahawa semua kilang papan (besar atau kecil) dikehendaki membina insinerator-insinerator untuk membakar sampah kayu-kayan. Tetapi tidak memberi contoh insinerator yang standard

kepada mereka menyebabkan mereka senantiasia didenda oleh pihak Kementerian;

- (b) pengusaha-pengusaha kilang tersebut setakat ini masih belum mengetahui cara-cara untuk mengatasi masalah ini. Apakah langkah-langkah oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan
- (c) sama ada Kementerian akan memberi kelonggaran kepada mereka supaya tidak didenda dalam masa mereka sedang membina "insinerator standard".

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam  
Sekitar (Tuan Lau Hieng Ding):**

- (a) Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak menetapkan bahawa semua kilang papan (besar dan kecil) dikehendaki membina insinerator untuk membakar sisa kayu-kayan. Pembinaan insinerator bagi membakar sisa kayu-kayan adalah merupakan salah satu pilihan bagi cara pelupusan, dan terpulanglah kepada pihak kilang untuk memilih pelbagai jenis insinerator yang terdapat dalam pasaran asalkan ia dapat mematuhi syarat-syarat pelepasan yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 serta memenuhi spesifikasi teknikal dan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
- (b) Memang terdapat beberapa cara untuk mengatasi masalah pelupusan sisa-sisa kayu-kayan selain daripada penggunaan insinerator dan terpulanglah kepada pihak kilang untuk memilih cara yang dianggap berkesan dan lebih ekonomi. Walau bagaimanapun, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam

Sekitar bersedia untuk memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak yang memerlukannya.

(c) Ya.

(Soalan No. 42—Sila lihat Jawapan kepada Soalan No. 3)

#### PERSARAAN LEBIH AWAL—JUMLAH

**43. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah kakitangan Kerajaan yang memohon untuk persaraan lebih awal sebelum tempohnya. Sila nyatakan bilangannya mengikut kaum dan jantina.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan telah menurunkan umur persaraan pilihan sendiri kepada 40 tahun mulai 12hb. April, 1991. Setakat 30hb. Jun, 1992, seramai 1,018 kakitangan Kerajaan telah memohon bersara awal pada umur 40 tahun. Daripada jumlah ini, seramai 807 adalah kakitangan lelaki, manakala 211 ialah kakitangan perempuan. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

(i) Melayu	474
(ii) Cina	416
(iii) India	89
(iv) Keturunan lain	39
Jumlah:	<u>1,018</u>

(Soalan No. 44—Sila lihat Jawapan kepada Soalan No. 20)

#### PENDAPATAN PER KAPITA WARGANEGARA

**45. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- per kapita rakyat Malaysia yang terkini; dan
- per kapita mengikut negeri.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Jumlah pendapatan negara bagi tahun 1992 dianggarkan sebanyak \$138.6 ribu juta dalam nilai semasa. Dengan jangkaan bilangan penduduk seramai 18.6 juta orang, maka pendapatan per kapita rakyat Malaysia dalam tahun 1992 adalah berjumlah sebanyak \$7,452 dalam nilai semasa.

Perangkaan yang terkini bagi pendapatan per kapita mengikut negeri adalah untuk tahun 1990 sahaja, iaitu yang digunakan dalam Laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua Tahun 1991-2000 dan diukur dalam nilai sebenar sahaja. Pendapatan Keluaran Dalam Negeri Kasar per kapita sebenar bagi tahun 1990 adalah seperti berikut:

Negeri:	Per Kapita (\$)
Wilayah Persekutuan	7,608
Terengganu	7,124
Selangor	6,558
Pulau Pinang	4,934
Sabah	4,500
Johor	3,983
Sarawak	3,883
Negeri Sembilan	3,824
Melaka	3,587
Perak	3,357
Pahang	3,278
Perlis	2,973
Kedah	2,600
Kelantan	1,739

Berasaskan kepada perangkaan tersebut, negeri Kelantan merupakan negeri yang mempunyai pendapatan per kapita yang terendah sekali.

**PEMILIKAN TANAH OLEH  
PELABUR ASING—GARIS  
PANDUAN**

**46. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) kesan daripada cadangan Malaysia terhadap Tabung Kebangsaan bagi melindungi alam sekitar (International Fund for Protecting Environment) di "Earth Summit" di Rio de Janeiro; dan
- (b) kenapa Malaysia masih dianggap sebagai kawasan alam sekitar yang ke empat paling teruk di dunia;
- (c) sejauh manakah delegasi kita berjaya memberitahu cerita daripada bahagian kita akan pengurusan hutan di Malaysia, terutama sekali di negeri Sarawak di "Earth Summit" di Rio de Janeiro; dan
- (d) adakah benar ada di antara rakyat Malaysia kita yang ke seberang laut digunakan oleh pencinta alam untuk berkempen menentang negara mereka sendiri, Malaysia, terutama sekali terhadap kempen anti-kayu tropika. Kalau benar, siapakah mereka itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):**

- (a) Saya harap isu yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Persidangan Kedua Peringkat Menteri Negara-negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Kuala Lumpur yang lalu, untuk menubuhkan satu Tabung Hijau Dunia (Global Green Fund). Tabung yang dimaksudkan itu adalah bagi tujuan penghijauan dunia.

Di UNCED Rio, terdapat kata sepakat mengenai perlunya sumber kewangan tambahan antara lain untuk kegiatan-kegiatan yang akan menyumbang kepada penghijauan. Walau bagaimanapun, tidak ada komitmen yang spesifik mengenai sumber-sumber kewangan dari negara-negara maju.

Mekanisme kewangan yang dicadangkan juga memersetujui supaya Global Environmental Facility (GEF) yang dikendalikan bersama oleh Bank Dunia, United Nations Development Programme (UNDP) dan United Nations Environment Programme (UNEP) akan dijadikan salah satu mekanisme kewangan tersebut. Perundingan berkaitan dengan butir-butir mengenai mekanisme kewangan yang lain akan diteruskan.

- (b) Anggapan bahawa Malaysia sebagai kawasan alam sekitar keempat paling teruk di dunia adalah tidak tepat dan tidak berasas sama sekali.
- (c) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain Menteri Kabinet termasuk Menteri Perusahaan Utama dan Ketua Menteri Sarawak telah mengadakan pertemuan-pertemuan dan perbincangan-perbincangan dengan semua pihak yang berminat untuk memaklumkan kedudukan sebenar berhubung dengan pengurusan hutan di Malaysia.
- (d) Memang terdapat laporan-laporan mengenai perkara-perkara seperti ini dan Kerajaan sedang menyiasat mengenai kes-kes yang ada. Perkara ini ada berlaku terutama di dalam kes Anderson Mutang Urud yang telah memberikan maklumat-maklumat yang tidak benar

mengenai Malaysia kepada pengarang sebuah akhbar semasa di Rio.

**LAWATAN PERDANA  
MENTERI KE LUAR NEGERI  
BAGI TEMPOH 1986-1992—  
JUMLAH HARI DAN  
PERBELANJAAN**

**47. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) bilangan hari Y.A.B. Perdana Menteri berada di luar negeri sejak tahun 1986 hingga tahun 1992 mengikut pecahan tahun; dan
- (b) amaun belanjawan Y.A.B. Perdana Menteri berada di luar negeri sejak tahun 1986 hingga tahun 1992 mengikut pecahan tahun.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Antara tahun 1986 hingga tahun 1992 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berada di luar negeri selama 184 hari kerana melakukan lawatan rasmi. Bilangan hari mengikut pecahan tahun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di luar negeri adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Hari</i>
1986	19
1987	52
1988	38
1989	13
1990	9
1991	38
1992	15
<b>Jumlah:</b>	<b>184</b>

- (b) Bagi tempoh tersebut, perbelanjaan yang telah dilakukan adalah sebanyak \$18,074,187.00 dan pecahan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Perbelanjaan</i>
1986	\$442,916.00
1987	2,623,607.00
1988	1,645,679.00
1989	374,789.00
1990	776,511.00
1991	8,795,490.00
1992	3,415,195.00
<b>Jumlah:</b>	<b>\$18,074,187.00</b>

**KOLEJ SWASTA—  
PENYELARASAN FALSAFAH  
PENDIDIKAN NEGARA**

**48. Tuan Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kolej-kolej/sistem pendidikan tinggi swasta yang terdapat di negara ini dan juga bilangan pelajar-pelajar berdasarkan ras;
- (b) apakah sistem pendidikan tinggi swasta ini mampu menyemai dan memupuk lulusan yang berjiwa Malaysia seperti yang dibuat oleh Pusat-pusat Pengajian yang dibiayai oleh Kerajaan; dan
- (c) bagaimana kerajaan dapat mengawal institusi pendidikan swasta agar tidak menyimpang daripada Falsafah Pendidikan Negara.

**Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan institusi pendidikan tinggi swasta yang terdapat di negara ini seperti pada bulan Mei, 1992 adalah 156 buah dan bilangan pelajar adalah

berjumlah 55,111 orang iaitu secara keseluruhannya kira-kira 10% bumiputera dan 90% bukan bumiputera.

(b) Pada asasnya semangat kesetia-negaraan seharusnya telah disemai dan dipupuk semasa pelajar-pelajar menuntut di sekolah rendah dan menengah. Semangat ini dapat diperkukuhkan lagi dengan mengenakan syara-syarat tertentu supaya institusi pendidikan tinggi swasta mengaturkan aktiviti-aktiviti:

- (i) mewujudkan ciri-ciri keMalaysiaan di institusi-institusi tersebut;
- (ii) menjalankan aktiviti-aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum sepertimana yang ditetapkan bagi memupuk semangat cintakan negara dan mereka juga perlu sama sedar akan komitmen bersama mencapai matlamat Wawasan 2020.

(c) Kementerian Pendidikan dapat mengawal pendidikan swasta agar tidak menyimpang daripada Falsafah Pendidikan Negara melalui langkah-langkah berikut:

- (i) Penubuhan sekolah-sekolah swasta di peringkat rendah dan menengah dibenarkan hanya dengan syarat-syarat tertentu misalnya di peringkat rendah dan menengah ia mengikuti kurikulum kebangsaan, Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan menyediakan pelajar-pelajar untuk peperiksaan awam seperti SRP, SPM dan STPM.

(ii) Penubuhan institusi pendidikan swasta di peringkat pos—SPM dibenarkan dengan syarat antara lain:

- kurikulum kursus hendaklah disesuaikan dengan keperluan tempatan.
- institusi wajib menyediakan mata pelajaran Bahasa Malaysia kepada pelajar-pelajar mereka.
- memberi kemudahan bagi pelajar-pelajar Islam mengikuti pendidikan Islam sementara pelajar-pelajar bukan Islam diasuh dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

(iii) Lawatan pemeriksaan oleh pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri dilakukan dari masa ke semasa bagi menentukan segala peraturan dan syarat-syarat yang berkenaan dipatuhi.

#### **PUSAT PEMBUANGAN SISA BERACUN—KAJIAN RISIKO**

49. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan berpuas hati dengan kajian analisis risiko atas penempatan pusat pembuangan sisa-sisa beracun di Bukit Nanas, Negeri Sembilan;
- (b) apakah kemungkinan berlakunya pemancaran gas-gas merbahaya ke dalam udara serta pembocoran ke dalam air bawah tanah di kawasan tersebut;

- (c) apakah jaminan yang telah diberikan kepada penternak-penternak babi di sekitar kawasan tersebut yang mengeksportkan hasil ternakan mereka ke Singapura dan lain-lain tempat. Mereka dijangka akan menanggung akibat buruk penempatan pusat pembuangan sisa-sisa beracun di Bukit Nanas ini; dan
- (d) apakah yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa organisasi-organisasi yang menghasilkan sisa-sisa beracun ini akan mula memperhentikan pengeluaran sisa-sisa beracun mereka.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:**

- (a) Kajian risiko ke atas penempatan pusat pembuangan sisa-sisa beracun di Bt. Nanas, Negeri Sembilan yang disediakan oleh pihak pencadang sedang dikaji oleh panel EIA. Jabatan Alam Sekitar akan membuat ketetapan terhadap laporan tersebut setelah ulasan diterima dari ahli panel EIA.
- (b) & (c) Kajian EIA ke atas tapak pelupusan adalah bertujuan untuk mengkaji risiko yang akan berpunca dari pengendalian/pengurusan yang akan diambil untuk mengatasi masalah pencemaran yang akan timbul. Kesan-kesan ke atas alam sekitar dan penternakan khinzir akan dapat dinilai setelah laporan EIA selesai dikaji.
- (d) Pengeluaran buangan dari kilang-kilang tidak dapat diberhentikan sama sekali. Walaupun begitu, sisa-sisa tersebut dapat dikurangkan sekiranya pihak-pihak kilang mengambil tindakan

tertentu seperti menggunakan semula buangan, memperoleh kembali bahan-bahan bernilai dan sebagainya. Langkah-langkah penguatkuasaan peraturan-peraturan berhubung dengan buangan terjadual sedang dikuatkuasakan untuk mengawal pengeluaran buangan toksid.

**PENDATANG HARAM—  
KEJAYAAN “OPERASI  
NYAH II”**

**50. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang kejayaan operasi pihak polis terhadap pendatang haram selepas 30hb. Jun, 1992:

- (a) jumlah anggota polis yang terlibat dan kos operasi setakat ini, termasuk menanggung kos menyara hidup mereka yang ditahan;
- (b) sama ada pihak kerajaan bercadang menambah peruntukan sebanyak \$10 juta yang ditetapkan dan kalau tidak mengapa;
- (c) bilangan yang ditahan dan diberikan pecahan mengikut negara asal; dan
- (d) jumlah majikan yang didakwa kerana mengambil pendatang haram sebagai pekerja.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) “Operasi Nyah II” telah melibatkan semua peringkat Polis DiRaja Malaysia khususnya Pasukan Polis Hutan yang bertanggungjawab di dalam tugas penguatkuasaan iaitu penangkapan dan kawalan di Pusat-pusat Tahanan. Mereka yang terlibat adalah menjalankan tugas harian/rasmi mereka. Oleh itu, adalah

sukar untuk menentukan jumlah sebenar anggota Polis yang terlibat dan juga kos operasi.

Mengenai kos menyara hidup Pendetang Tanpa Izin (PATI) perbelanjaan sebanyak \$2.90 sehari diperuntukkan bagi seorang PATI. Jumlah perbelanjaan sebenar adalah bergantung kepada bilangan PATI yang ditahan.

- (b) Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak \$17.6 juta untuk kerja-kerja pemulihan dan pengubahsuaian 9 buah Kem Unit Kawalan Keselamatan (UKK) untuk dijadikan depot Imigresen.
- (c) Sehingga 17.7.1992 seramai 1,720 orang PATI telahpun berjaya ditahan di depot-depot Imigresen di seluruh Semenanjung Malaysia. Mereka terdiri dari warganegara-warganegara berikut:

<i>Negara Asal</i>	<i>Jumlah</i>
(i) Bangladesh	398
(ii) India	141
(iii) Indonesia	893
(iv) Myanmar	154
(v) Nigeria	4
(vi) Pakistan	67
(vii) Filipina	1
(viii) Sri Lanka	35
(ix) Thailand	26
(x) Vietnam	1
Jumlah:	1,720

- (d) Setakat ini belum ada lagi majikan yang didakwa kerana mengambil pendatang haram sebagai pekerja.

### PELAJAR WANITA MELAYU MENUKAR AGAMA DI ENGLAND

**51. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan kes 41 orang wanita Islam yang dilaporkan murtad di England baru-baru ini.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Melalui Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri termasuk Jabatan Penuntut Malaysia di London, Kementerian Pendidikan telah membuat siasatan yang rapi berkaitan dengan laporan mengenai pelajar-pelajar wanita Melayu yang menukar agama.

Hasil daripada siasatan itu, didapati tidak ada maklumat yang mengesahkan adanya mana-mana pelajar Melayu Malaysia yang menukar agama Islam kepada agama-agama lain.

### TENAGA PENGAJAR PROFESIONAL BIDANG PENDIDIKAN—PROGRAM

**52. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah Kementerian bagi melahirkan tenaga pengajar yang lebih profesional dalam bidang pendidikan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah Universiti Pendidikan di negara ini;

**Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang dan akan terus menjalankan program-program

bagi melahirkan tenaga pengajar yang lebih profesional dalam bidang pendidikan ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020. Di antara langkah yang diambil ialah dengan menjalankan program-program Kemajuan Staf terutama sekali dengan mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan di peringkat Bahagian dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Kursus-kursus ini adalah bertujuan untuk:

- (i) memberi pendedahan kepada staf ikhtisas dan staf sokongan terhadap segala perubahan yang berlaku dalam pendidikan.
  - (ii) memberi pengetahuan dan kemahiran baru dalam berbagai aspek pengajaran pembelajaran.
  - (iii) memberi semangat baru (refresher course) kepada staf ikhtisas dan staf sokongan.
  - (iv) melahirkan kakitangan sumber yang dapat menyebarkan dan memperluaskan pengetahuan dan kemahiran yang didapati dalam kursus.
- (b) Buat masa ini, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mewujudkan Universiti Pendidikan di negara ini. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menambahkan bilangan guru-guru siswazah, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan program kembar antara maktab-maktab perguruan dengan universiti-universiti tempatan dan juga luar negeri.

### KEGELINCIRAN KERETAPI— TINDAKAN MENGATASI MASALAH

**53. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah berkesan yang telah, sedang dan akan diambil memandangkan 'derailment' dan 'sabotage' lintasan keretapi untuk keselamatan dan memulihkan kepercayaan penumpang-penumpangnyanya;
- (b) sebutkan sebab-sebabnya kemalangan keretapi di Kuang yang berlaku pada 19hb. Jun 1992 di mana seorang penumpang terkorban.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Kerja-kerja yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kemalangan keretapi adalah seperti berikut:
  - (i) Kerja-kerja pembaik-pulihan landasan sedang dilaksanakan dan ini akan mengukuhkan tapak landasan yang dikenalpasti sebagai kurang memuaskan.
  - (ii) Gerabak dan kos yang telah lanjut usianya atau prestasi mekanismenya tidak memuaskan akan dihapuskan secara berperingkat. Selain dari itu, pengawasan rapi terhadap penyelenggaraan yang lebih bersistematik dijalankan supaya kegelinciran gerabak dan koc dapat dikawal.
  - (iii) Mengadakan latihan untuk menambah kemahiran serta membentuk semangat bertanggungjawab di kalangan para pegawai dan kakitangannya.

Berhubung dengan perbuatan khianat di Johor, ingin saya memaklumkan bahawa pada masa ini, pasukan petugas KTM yang telah ditubuhkan di peringkat Wilayah Johor Bahru dengan bantuan pihak Polis DiRaja Malaysia sedang menyelenggarakan operasinya 24 jam di stesyen Johor Bahru. Rondaan-rondaan khusus di waktu malam sehingga pagi di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti diadakan juga sekerap mungkin. Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa memastikan keselamatan penumpang keretapi terjamin walaupun ada kes-kes yang tidak diingini ini.

- (b) Mengenai kemalangan keretapi yang telah berlaku di Kuang pada 20hbJun, 1992, ingin saya menyatakan bahawa siasatan terhadap punca kemalangan ini masih diteruskan.

#### **KEBAKARAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG—LAPORAN**

**54. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada laporan penyiasatan ke atas kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada bulan April, 1992 akan diketahui awam. Jika tidak, beri sebab-sebabnya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Lembaga Penyiasatan Kebakaran di Bangunan Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang telahpun menyiapkan laporan awalnya dan laporan tersebut sedang dikaji oleh Kementerian Pengangkutan. Keputusan sama ada laporan tersebut akan dilepaskan untuk pengetahuan umum atau tidak akan diketahui selepas kajian dibuat oleh Kerajaan terhadap laporan tersebut.

#### **SISTEM BERKONGSI KERETA KE PEJABAT—KERUMITAN**

**55. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, memandangkan pelaksanaan sistem berkongsi kereta secara paksa ke atas kakitangan Kerajaan akan membawa pelbagai kerumitan, adakah beliau bercadang menarik balik cadangannya untuk mewajibkan kakitangan Kerajaan untuk berkongsi kereta.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pelaksanaan sistem berkongsi kereta yang sedang dilaksanakan sekarang bukanlah merupakan satu paksaan kepada kakitangan Kerajaan. Sebaliknya perkara ini adalah lebih merupakan penglibatan secara sukarela. Dengan demikian, persoalan untuk menarik balik cadangan sistem berkongsi kereta tidaklah berbangkit.

#### **KESESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR—LANGKAH MENGATASI**

**56. Tuan Wee Choo Keong** minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah keadaan trafik di Kuala Lumpur begitu sesak dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meringankan kesesakan trafik dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam masa yang akan datang. Sila berikan butir-butir, pelan-pelan dan tindakan-tindakannya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):** Punca utama kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur adalah kerana terdapat terlalu banyak kereta persendirian yang bermuatan rendah di jalanraya-jalanraya. Ini bermakna jalan-jalan penuh dengan kenderaan tetapi bilangan pengguna jalan adalah rendah.

(1) Langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas ini ialah seperti berikut:

(i) *Pembinaan Jejambat (Flyover)*

5 buah bulatan yang menjadi punca kesesakan lalulintas telahpun dipertingkatkan dengan membina jejambat. Bulatan-bulatan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Bulatan Jalan Cheras
- (b) Bulatan KM 5 1/2 Jalan Cheras
- (c) Bulatan Jalan Kg. Pandan/Jalan Tun Razak
- (d) Bulatan Jalan Tun Razak/Jalan Pahang
- (e) Bulatan Edinburgh.

(ii) *Melebar dan Memperbaiki Jalan-jalan Yang Sedia Ada*

Beberapa jalan-jalan utama seperti Jalan Raja Chulan, Jalan Ampang, Jalan Gombak telah dilebar dan dibaiki untuk memudahkan pergerakan lalulintas di dalam Kuala Lumpur.

(iii) *Memperbaiki Persimpangan-persimpangan Jalan*

Beberapa persimpangan-persimpangan jalan seperti persimpangan Jalan Ipoh/Jalan Perhentian, Persimpangan Jalan Damansara/Jalan Kepong telah dilebar untuk memperbaiki pengaliran lalulintas.

(2) Langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas adalah seperti berikut:

(a) *Pembinaan Jalanraya Baru Untuk Menyalurkan Perkhidmatan Kepada Kawasan Pertumbuhan Baru*

Di antara cadangan-cadangan jalanraya baru yang telah dikenalpasti ialah:

- (i) Jalan 'Eastern Route' dari Jalan Imbi ke Jalan Genting Kelang di sebelah Timur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- (ii) Jalan Lingkaran Tengah II di sekeliling sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(b) *Cadangan Projek-projek Pengangkutan Awam*

Beberapa projek-projek sistem pengangkutan awam telahpun dicadangkan bagi Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur. Antara projek-projek yang utama adalah seperti berikut:

- (i) Sistem Transit Laju Ringan (LRT).
- (ii) Sistem Monorel.
- (iii) Sistem Rel Komuter (KTM Double Tracking).
- (iv) Memperbaiki mutu perkhidmatan sistem bas.

### ISU KEPULAUAN SPRATLY— PENCEROBOHAN CHINA KOMUNIS DAN AMERIKA

57. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian dan reaksi Kerajaan berhubung dengan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan China Komunis dengan kerjasama sebuah syarikat Amerika untuk mencarigali minyak di Kepulauan Spratly dan bagaimanakah tindakan China itu tidak menjejaskan tuntutan Malaysia ke atas kepulauan tersebut.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kawasan konsesi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri China kepada Syarikat Crestone Energy dari Amerika Syarikat dalam bulan Mei, 1992 itu adalah di luar sempadan pelantar benua Malaysia yang diisytiharkan dalam tahun 1979.

Malaysia bagaimanapun khuatir dengan tindakan itu termasuk tindakan negeri China meluluskan undang-undang Laut Wilayah dan Laut Berdampingan bagi menegaskan tuntutan ke atas kepulauan di Laut China Selatan. Tindakan-tindakan sedemikian mungkin akan menjejaskan keamanan dan keselamatan di Laut China Selatan.

Oleh itu, Malaysia menyeru agar negeri China dan negara-negara lain yang menuntut kawasan di Laut China Selatan tidak menggunakan kekerasan, sebaliknya berusaha mencari penyelesaian secara damai melalui rundingan.

### KONVENSI BIO-DIVERSITI DAN AGENDA 21—SIDANG KEMUNCAK BUMI DI RIO DE JANEIRO

58. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan perubahan yang konkrit di dalam polisi Kerajaan sejak Kerajaan menandatangani konvensi Bio-diversiti dan Agenda 21 di Rio.

Tuan Law Hieng Ding: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan sedang merangka dan mengkaji program yang akan dilaksanakan seperti yang digariskan dalam konvensi Bio-diversiti dan Agenda 21 di Rio de Janeiro, Brazil.

### KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR—TINDAKAN TEGAS

59. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sudah mengadakan penghebahan standard mutu alam sekitar dan pengawalan dan keperluannya dan keperluan penguatkuasaan yang lebih ketat; dan
- (b) jumlah luas kawasan mengikut negeri-negeri yang dikenalpasti sebagai kawasan tadahan hujan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal daripada berlakunya pencerobohan pembalok haram di kawasan yang berkenaan.

Tuan Law Hieng Ding:

- (a) Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan standard-standard bagi pelepasan pencemar ke alam sekitar dan dikuatkuasakan melalui beberapa peraturan yang dibuat di bawah Akta Alam Sekeliling 1974. Pihak penggerak projek, pihak kilang dan lain-lain pihak yang berkepentingan dari semasa ke semasa telah diberitahu tentang keperluan untuk mematuhi standard yang berkenaan. Di samping itu, orang ramai juga telah dimaklumkan tentang peranan mereka untuk mengemukakan aduan-aduan apabila kilang-kilang menyebabkan pencemaran iaitu

tidak mematuhi standard yang ditetapkan. Kerajaan memang bertindak tegas ke atas pihak-pihak kilang yang tidak dapat mematuhi standard-standard tersebut seperti mengenakan kompaun dan tindakan mahkamah. Walau bagaimanapun, kerjasama pihak swasta dan orang ramai adalah penting untuk keberkesanan penguatkuasaan yang dijalankan. Kerajaan juga telah mengadakan standard mutu alam sekitar untuk diguna bagi merancang projek-projek pembangunan. Standard mutu alam sekitar ini merupakan matlamat kualiti alam sekitar yang diperlukan dan ianya tidak dikuatkuasakan oleh undang-undang.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan kawasan tadahan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang 1.37 hektar dengan 0.50 juta hektar terletak di dalam kawasan Hutan Perlindungan yang mana pembalakan tidak dibenarkan sama sekali sementara bakinya 0.87 juta hektar pula adalah terletak di dalam kawasan hutan pengeluaran. Pecahan kawasan tadahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri:</i>	<i>Keluasan (Hektar)</i>
Johor	21,108
Kedah	49,380
Kelantan	29,130
Melaka	6,546
Negeri Sembilan	123,213
Pahang	416,748
Perak	121,717
Perlis	3,782
Pulau Pinang	975
Selangor	154,152
Terengganu	444,511
Wilayah Persekutuan	62
<b>Jumlah:</b>	<b>1,371,324 hektar</b>

Berbagai langkah telah, sedang dan akan diambil untuk mengawal daripada berlakunya pembalakan haram di kawasan tadahan, antaranya menerusi pindaan ke atas seksyen berkaitan dengan penalti di dalam Akta Perhutanan Negara 1984 bertujuan untuk memperketatkan hukuman/penalti yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah hutan, tindakan menyenaraihitamkan kontraktor/pengusaha yang terlibat, mempertingkatkan kawalan/pengawasan hutan dengan menggunakan pesawat udara dan teknik remote sensing serta pemberian imbuhan sewajarnya kepada pemberi maklumat. Di samping itu, kemudahan kenderaan dan alat-alat perhubungan yang moden juga digunakan dalam usaha mengatasi masalah pembalakan haram ini. Pemberian lesen membalak juga diperketatkan dengan syarat-syarat tambahan seperti menghadkan bilangan jentera dan jenisnya, bilangan pekerja, larangan membalak semasa musim hujan dan menetapkan bilangan hari kering sebelum kerja disambung semula. Kaedah dan operasi pengusahasilan menggunakan alat-alat yang moden juga dikaji untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (1991-95) selaras dengan usaha untuk mengurangkan kerosakan dan pencemaran alam sekitar. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri sedang menganjurkan kegiatan menanam semula kawasan yang dicerobohi dengan spesies yang cepat membesar dan kegiatan pemuliharaan lainnya, di mana perlu.

### LOJI LEBUR ALUMINIUM BINTULU—CADANGAN

60. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Loji Lebur Aluminium Bintulu yang dicadangkan itu akan dibina atau tidak;

- (b) jika akan dibina, adakah loji ini akan mendatangkan pencemaran alam sekitar atau tidak; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan mendengar dan mengambil kira pandangan penduduk-penduduk Bintulu sebelum keputusan pembinaan loji tersebut dibuat.

**Tuan Law Hieng Ding:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar masih belum menerima apa-apa permohonan mengenai projek ini.

*(Soalan No.61—Sila lihat Jawapan kepada Soalan No.3)*

#### PELABURAN DI VIETNAM— GALAKAN DAN BANTUAN

**62. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat ini sudahkah persiapan-persiapan dibuat untuk pelaburan oleh usahawan tempatan ke Vietnam. Kalau ya, dalam bahagian manakah Vietnam memberi keutamaan kepada Malaysia.

22.7.92

**1. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelabur Malaysia di Vietnam, Kampuchea dan Laos dan bagaimana Kerajaan Malaysia boleh membantu para pelabur kita mengatasi masalah-masalah tersebut dalam ketiga-tiga negara tersebut.

28.7.92

**1. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia untuk melabur di

dalam negara Vietnam. Sebutkan peluang-peluang dan bidang-bidang ekonomi yang sesuai untuk pelabur Malaysia melabur. Sebutkan jumlah pelaburan dari Malaysia ke negara Vietnam setakat hari ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):** Saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Besi pada 22hb Julai, 1992 dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ipoh pada 28hb Julai, 1992 kerana soalan-soalan ini adalah berhubung dengan perkara yang sama.

Setakat ini laporan mengenai masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur di Vietnam adalah berhubung dengan masalah mendapat tanah dengan harga dan tempoh pajakan yang berpatutan dan masalah mengguna tanah sebagai 'collateral', dengan izin, untuk mendapat pinjaman. Namun demikian, pihak kerajaan Vietnam sedang mengambil langkah-langkah untuk mengkaji semula semua undang-undang termasuk undang-undang tanah dan prosedur-prosedur pelaburan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit. Bagi negara-negara Kampuchea dan Laos, Kerajaan belum lagi menerima laporan mengenai masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur di sana.

Pelabur-pelabur Malaysia yang menghadapi sebarang masalah di Vietnam bolehlah membangkitkan perkara-perkara ini dengan MITI atau di Pejabat Suruhanjaya Perdagangan MITI di Vietnam untuk bantuan.

Jumlah pelaburan Malaysia di Vietnam pada ketika ini adalah dianggarkan sebanyak 180 juta dalam bidang petroleum, telekomunikasi, bank, perhotelan, makanan dan sebagainya.

Kerajaan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan serta memudahkan urusannya dengan Vietnam. Beberapa langkah telahpun diambil untuk mencapai tujuan ini. Di antaranya ialah:

- (i) menghapuskan sekatan lawatan ke atas rakyat untuk melawat Vietnam dan sebaliknya;
- (ii) menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di Bandar Ho Chi Minh untuk membantu ahli-ahli perniagaan Malaysia yang ingin berurusniaga di Vietnam;
- (iii) menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan, Perjanjian Kerjasama Pos dan Telekomunikasi, Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal;
- (iv) menggalakkan penubuhan projek-projek usahasama antara sektor swasta Malaysia dengan pihak berkuasa Vietnam, khususnya dalam sektor perlombongan, pembinaan, perkhidmatan institusi kewangan, pengeluaran minyak mentah, perkhidmatan telekomunikasi dan perhotelan; dan
- (v) pemberian galakan cukai seperti diumumkan dalam Belanjawan 1991 bagi pelaburan Malaysia di luar negeri yang diluluskan.

Di sebelah pihak swasta juga, berbagai langkah telahpun diambil oleh mereka untuk melabur di Vietnam. Di antara ini adalah:

- (i) Missi pelaburan dan perdagangan ke Vietnam yang telah dianjurkan oleh pihak swasta seperti FMM dan Dewan-dewan Perniagaan;
- (ii) Penubuhan pejabat-pejabat perwakilan (representative offices) oleh pihak swasta di bandar Ho Chi Minh;
- (iii) Penglibatan pihak swasta dalam satu konsortium untuk mengkaji

dengan lebih mendalam, pembinaan zone pemerosesan eksport atau export processing zone, dengan izin, di Vietnam; dan

- (iv) Penubuhan satu Persatuan di kalangan pihak swasta bagi mengkaji peluang-peluang pelaburan di negara-negara Selatan.

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**Siasatan BPR Ke atas Y.B.  
Dato' Seri S. Samy Vellu**

*3.36 ptg.*

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, Usul Penangguhan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18 berhubung dengan perkara siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah ke atas Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk meminta izin di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan satu perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan Usul saya adalah seperti berikut:

“Bahawa Majlis Mesyuarat mengizinkan Ahli Parlimen Bayan Baru, Tuan Ahmad bin Nor, di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai dan yang berkehendak disegerakan, iaitu berhubung dengan siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah ke atas Menteri Tenaga, Telekom dan

Pos, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, Ahli Parlimen dari Sungai Siput, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos yang juga Presiden MIC dan seorang Menteri Kanan di dalam Jawatankuasa Kabinet Kerajaan Persekutuan."

Perkara berhubung dengan siasatan BPR ke atas Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, adalah merupakan satu perkara tertentu yang amat serius, melibatkan seorang Menteri Kanan di dalam Kerajaan Persekutuan.

Penglibatan Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, dalam kes 10 juta saham Telekom MAIKA Holdings adalah bukan perkara peribadi, sebaliknya kes ini telah melibatkan kepentingan orang ramai, khususnya telah melibatkan kepentingan 66,000 ahli MAIKA Holdings Berhad dan 1.7 juta rakyat Malaysia keturunan India yang mempunyai kepentingan dengan 10 juta saham Telekom yang diperuntukkan untuk membantu kaum India di negara ini.

Perkara ini perlu disegerakan oleh Majlis Mesyuarat sebab ia melibatkan kredibiliti Kerajaan dan imej negara. Siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah ke atas Yang Berhormat Dato' Sri Samy Vellu mungkin akan mengambil masa yang panjang dan kedudukan beliau sebagai Menteri boleh menjejaskan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Baru pada 18hb. Julai, 1992. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah

berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendakkan di segerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa ini adalah perkara tertentu dan ia juga adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi saya tidak bersetuju bahawa perkara ini perlu disegerakan. Pada fikiran saya perkara serupa ini tidaklah perlu disegerakan hingga hendak menangguhkan mesyuarat pada hari ini.

Sepertimana yang kita telah sedia maklum, pihak Badan Pencegah Rasuah telah dan sedang membuat tindakan mengenai perkara ini. Oleh itu adalah tidak sesuai kalau apa-apa tindakan diambil oleh mana-mana pihak buat masa ini kerana perbuatan itu boleh menjejaskan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan oleh pihak BPR. Oleh yang demikian, saya menolak Usul Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 dan 1992) (No. 2).

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (No. 2) bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; di baca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DADAH BERBAHAYA  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
SYARIKAT (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.45 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi melicinkan lagi jentera pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Syarikat 1965 di samping memperketatkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada bagi melindungi pelabur-pelabur dan pihak yang mempunyai kepentingan kerana masih banyak lagi penyelewengan diamalkan oleh pegawai-pegawai syarikat dan orang-orang yang menceburkan diri di dalam dunia korporat yang canggih ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta Syarikat mula dikuatkuasakan pada tahun 1965, beberapa pindaan telah dibuat selaras dengan perkembangan dunia korporat yang semakin canggih

dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya juga didapati bertambah kompleks.

Seperti pindaan yang lalu, Rang Undang-undang ini mengambil kira cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan dan badan-badan lain melalui beberapa perjumpaan yang telah diadakan di antara Pejabat Pendaftar Syarikat dengan badan-badan tersebut.

Selain daripada itu, Kementerian ini juga dari semasa ke semasa menerima maklum balas dari orang ramai mengenai penguatkuasaan Akta Syarikat 1965 di mana semuanya dimasukkan ke dalam pertimbangan. Pada keseluruhannya, Rang Undang-undang pada kali ini mencadangkan 40 pindaan kepada Akta Syarikat 1965. Izinkan saya untuk menghuraikan beberapa pindaan utama yang dicadangkan untuk kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan sektor korporat yang begitu pesat telah menyebabkan berbagai salah laku dilakukan oleh mereka yang berkecimpung di dalamnya. Walaupun Akta Syarikat 1965 menetapkan berbagai penalti bagi kesalahan yang dilakukan oleh syarikat dan pegawai-pegawainya, banyak penyelewengan yang kerap diamalkan oleh pegawai-pegawai syarikat, namun mereka terlepas begitu sahaja. Ini disebabkan peruntukan-peruntukan yang ada sekarang, bagi Pendaftar memeriksa dan mendapatkan maklumat tidak memadai. Adalah dicadangkan supaya Pendaftar Syarikat diberi kuasa untuk terus memasuki semua kawasan bangunan atau mana-mana tempat rekod-rekod syarikat disimpan dan boleh memeriksa, membuat salinan atau cubutan daripada buku-buku atau dokumen-dokumen tersebut.

Di bawah peruntukan-peruntukan yang dicadangkan ini, walaupun menghendaki Pendaftar memohon waran gelidah terlebih dahulu sebelum memasuki tempat di mana buku-buku atau dokumen-dokumen disimpan, Pendaftar boleh terus mengambil dan menyimpan mana-mana buku atau dokumen yang mungkin dan perlu diperolehi sebagai keterangan atau bukti dalam mana-mana prosiding di bawah atau berkaitan dengan Akta Syarikat, jikalau Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah bahawa kelewatan untuk mendapatkan waran gelidah itu boleh menyebabkan buku-buku atau dokumen yang boleh dijadikan bukti itu dimusnahkan, dipindahkan ke tempat lain atau dipinda.

Selanjutnya, Peruntukan baru ini juga memberi kuasa kepada Pendaftar untuk merekod kenyataan dari mana-mana orang yang ditentukan dan kenyataan sedemikian boleh digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding perundangan. Selama ini hanya anggota Polis yang dipinjamkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat yang jumlahnya terhad boleh berbuat demikian dengan kuasanya di bawah Kanun Acara Jenayah. Peruntukan baru yang dicadangkan di atas adalah bertujuan bagi menambahkan lagi kuasa Pendaftar Syarikat agar penguatkuasaan Akta Syarikat dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan cepat bagi melindungi pelabur-pelabur dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang utama seterusnya adalah terhadap Seksyen 67, yang melarang sesebuah Syarikat daripada memberi bantuan kewangan kepada sesuatu pihak untuk memberi syernya sendiri atau syer di dalam syarikat induknya. Larangan ini sangat meluas dan pelarangan kepada peruntukan ini boleh menyebabkan transaksi-transaksi pinjaman-pinjaman dan security tidak sah di sisi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan

oleh pihak ketiga yang memberi pinjaman. Adalah perlu pihak ketiga yang tidak bersalah diberi perlindungan daripada syarikat-syarikat yang cuba memperdayakan peminjam-peminjam dan dalam masa yang sama dapat perlindungan di bawah Seksyen 67(6). Seksyen ini membolehkan peminjam-peminjam yang tidak bertanggungjawab untuk melepaskan diri dengan sepenuhnya dari obligasi kontraktual dengan berselindung di sebalik perkara-perkara teknikal mengenai undang-undang. Oleh itu, adalah perlu dipinda Seksyen 67 untuk memberi suatu cara kepada pihak ketiga yang tidak bersalah bagi mendapat balik jumlah pinjaman yang diberikan bercanggahan dengan seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amat memandang berat terhadap perkembangan akhir-akhir ini mengenai penjualan syer atau kepentingan di dalam skim kongsi-masa (time-sharing scheme) dan keanggotaan di dalam sesuatu kelab golf atau rekreasi. Ianya telah diberi perhatian yang berat, terutamanya dari sudut perlindungan kepada pelabur dan pengguna. Kedua-dua skim kongsi-masa dan keanggotaan dalam kelab tersebut merupakan projek bernilai juta-juta ringgit dan penganjuranya dapat mengumpul berjuta-juta ringgit daripada penjualan kepentingan dan keanggotaan. Hampir semua skim kongsi-masa dan kelab golf atau rekreasi yang didapati di Malaysia dimiliki oleh penganjur sesuatu projek itu. Keadaan sedemikian akan menyebabkan pembeli-pembeli kepentingan atau interest dan keanggotaan di dalam keadaan yang tidak menentu jika penganjur-penganjur skim atau kelab tersebut menjadi mufliis kerana pelaburan mereka mungkin lesap begitu sahaja. Oleh yang demikian, Kerajaan mendapati adalah perlu penjualan skim kongsi-masa dan keanggotaan sesuatu kelab dikawal bagi melindungi kepentingan pelabur-pelabur. Oleh itu, untuk mengelakkan

kekeliruan dan untuk menerangkan lagi maksud Seksyen 84 secara khusus, maka adalah dicadangkan Seksyen 84 dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini skim kongsi-masa (time-sharing scheme) dan juga penjualan keanggotaan lesen sesebuah kelab yang membolehkan pembeli menggunakan kemudahan-kemudahan kelab tersebut pada suatu jangka masa begitu popular. Sesuatu skim kongsi-masa atau penjualan keanggotaan seumpama itu adalah termasuk di dalam definisi kepentingan atau interest mengikut Seksyen 84 Akta ini di mana pelawaan untuk membeli atau menyertainya memerlukan prospektus dan surat ikatan amanah.

Untuk mengelakkan kekeliruan dan untuk menerangkan lagi maksud Seksyen 84 secara khusus maka adalah dicadangkan Seksyen 84 dipinda supaya ditunjukkan secara nyata bahawa skim kongsi-masa dan penjualan keanggotaan sesuatu kelab seperti kelab golf atau kelab rekreasi dan sebagainya adalah termasuk di dalam skop Seksyen 84. Pelaksanaan dan penguatkuasaan pindaan ini adalah untuk melindungi kepentingan pelabur-pelabur tanpa menjejaskan pertumbuhan industrinya secara sihat di negara ini. Untuk melicinkan pelaksanaan kelab, satu garis panduan yang saksama dan berkesan sedang digubal oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Pendaftar Syarikat dengan kerjasama wakil-wakil dari penganjur-penganjur skim kongsi-masa dan kelab-kelab golf dan rekreasi.

Tuan Yang di-Pertua, pengarah merupakan agen ataupun pemegang amanah kepada sesebuah syarikat, justeru itu, keputusan-keputusan yang dibuat adalah penting dalam menentukan arah sesuatu syarikat itu. Kegagalan prestasi syarikat-syarikat akan mengakibatkan kerugian besar kepada orang ramai yang menjadi pelabur-pelabur dan juga para pemiutang. Ini menggambar-

kan betapa perlunya penyeliaan yang lebih rapi ke atas hal ehwal korporat, terutamanya bagi mengawasi tindak-tanduk pengarah syarikat. Atas sebab-sebab, inilah beberapa peruntukan mengenai pengarah dicadangkan supaya dipinda bagi memperketatkan lagi syarat-syarat menjadi pengarah agar menjadikan mereka lebih bertanggung-jawab.

Di bawah peruntukan Seksyen 122 yang ada sekarang, had umur seseorang yang boleh dilantik sebagai orang pengarah tidak dinyatakan dengan jelas. Seseorang yang menjadi pengarah sebuah syarikat juga boleh meletakkan jawatannya bila-bila masa, walaupun perletakan jawatannya menjadikan bilangan pengarah di dalam syarikat itu di bawah had minima, iaitu dua orang, dan mengakibatkan syarikat melakukan kesalahan di bawah undang-undang. Dengan cadangan pindaan terhadap Seksyen 122, had umur seseorang yang boleh dilantik sebagai pengarah dinyatakan dengan jelas, iaitu ia mestilah cukup umur 18 tahun dan ke atas. Ini bersesuaian dengan perundangan lain yang bersangkutan di mana seseorang yang di bawah umur 18 tahun tidak layak menandatangani sesuatu kontrak.

Pindaan ini juga bertujuan untuk mencegah pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dari menggunakan orang-orang yang belum cukup umur sebagai satu alat untuk melepaskan diri dari tanggungjawab mereka yang tidak jujur. Pindaan dicadangkan juga bagi melarang seseorang pengarah syarikat meletakkan jawatannya di dalam sesebuah syarikat. Jika dengan perletakan jawatannya, bilangan pengarah di dalam syarikat itu menjadi kurang dari jumlah minimum yang ditetapkan, iaitu dua orang pada setiap masa. Walau bagaimanapun, larangan di atas ini tidak terpakai jika seseorang pengarah itu hilang kelayakan menjadi pengarah syarikat disebabkan peruntukan-peruntukan lain dalam Akta ini atau undang-undang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada kali ini juga memperkenalkan seksyen baru 130(A) bagi memberi kuasa kepada pendaftar atau pegawai penerima untuk memohon kepada mahkamah bagi menghalang mana-mana orang daripada menjadi pengarah syarikat jika ia sedang atau pernah menjadi pengarah di dalam lebih dari sebuah syarikat yang insolvent dan kelakuannya di dalam pengurusan syarikat-syarikat tersebut membuatnya tidak layak untuk mengurus sesebuah syarikat.

Telah terdapat banyak kes di mana seseorang menggunakan konsep entiti undang-undang yang berasingan bagi mengelakkan liabilitinya kepada para pemiutang. Ini dilakukan dengan memindahkan aset sesuatu syarikat yang mempunyai banyak liabiliti kepada suatu syarikat lain. Oleh kerana syarikat lain itu mempunyai entiti undang-undang yang berasingan, para pemiutang tidak dapat membuat apa-apa bagi mendapatkan semula pinjaman yang telah diberikan kepada syarikat yang menanggung liabiliti tadi. Pengarah-pengarah seperti ini perlu disekat dari terus mengambil bahagian di dalam pengurusan sebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seterusnya mencadangkan pengenalan seksyen-seksyen baru 132F dan 132G. Pengenalan seksyen baru 132F adalah bagi menyatakan jenis-jenis transaksi yang dikecualikan dari kehendak-kehendak seksyen 132E. Pindaan ini juga bertujuan memberi definisi "non-cash asset" dan menerangkan lagi maksud acquisition or disposal of non-cash asset, dengan izin, yang digunakan di dalam seksyen 132E. Pindaan ini didapati perlu bagi memudahkan mereka yang berkecimpung dalam dunia korporat mematuhi kehendak-kehendak seksyen tersebut kerana sebelum ini terdapat banyak pertanyaan yang diterima mengenai tafsiran seksyen tersebut.

Pengenalan seksyen baru 132G pula adalah bertujuan melarang perolehan dari sesuatu syarikat syer atau aset sesuatu syarikat yang lain di mana seseorang pengarah atau pemegang syer substantial syarikat itu mempunyai pegangan syer substantial di dalam syarikat yang lain itu kecuali jika syer di dalam syarikat yang lain itu telah dipegang oleh pengarah atau pemegang syer itu atau aset telah dipegang untuk tempoh lebih daripada tiga tahun. Adalah perlu perbuatan sedemikian dikawal bagi melindungi kepentingan pemegang saham minoriti serta untuk mewujudkan suasana pembangunan korporat yang lebih sihat dan saksama. Larangan di bawah seksyen ini hanyalah melibatkan seseorang pengarah atau pemegang syer substantial syarikat yang berkenaan atau orang-orang yang ada kaitan dengan mereka sahaja. Ianya tidak akan menjejaskan sebarang tindakan corporate rationalization and reorganization, dengan izin, yang dibuat secara teratur di kalangan syarikat-syarikat subsidiary ataupun syarikat-syarikat di dalam kumpulan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat yang diperbadankan dengan begitu banyak telah menyebabkan permintaan terhadap perkhidmatan kesetiausahaan bertambah. Akta Syarikat meletakkan berbagai tanggungjawab terhadap sesuatu syarikat di mana pematuhan sebahagian besarnya terletak di atas bahu setiausahanya. Walau bagaimanapun, seksyen 139 yang ada sekarang tidak mengenakan apa-apa kelayakan bagi mereka yang ingin menawarkan perkhidmatan sebagai seorang setiausaha. Akibatnya sesiapa sahaja boleh menjadi setiausaha sesebuah syarikat tanpa mengira pengalaman dan kelayakannya.

Adalah didapati salah satu daripada punca yang menyebabkan bertambahnya beban kerja di pejabat Pendaftar Syarikat sejak beberapa tahun yang lalu ialah semakan dan pembetulan ke atas

dokumen-dokumen syarikat disediakan oleh setiausaha-setiausaha syarikat yang kurang berkelayakan dan berpengalaman. Oleh yang demikian, pindaan adalah dicadangkan dengan menambah seksyen-seksyen baru iaitu 139A, 139B, 139C dan 139D. Untuk memperkenalkan konsep baru di mana hanya seseorang yang mempunyai kelayakan-kelayakan tertentu umpamanya kelayakan kesetiausahaan profesional, akauntan ataupun perundangan akan dibenarkan untuk dilantik sebagai setiausaha sesebuah syarikat seperti yang terdapat di dalam cadangan seksyen baru 139A. Memandangkan ramai daripada setiausaha-setiausaha syarikat yang sedia ada terdiri dari mereka yang tidak mempunyai kelayakan yang disebutkan, kebajikan mereka diambil kira.

Konsep baru yang dicadangkan ini juga akan memperkenalkan suatu mekanisme perlesenan di mana seseorang yang tergolong di dalam kategori yang sedemikian boleh memohon lesen daripada Pendaftar Syarikat untuk melayakkan diri menjadi setiausaha sesebuah syarikat. Suatu tempoh peralihan selama 12 bulan akan diperuntukkan bagi membolehkan mereka yang terlibat memperolehi lesen yang diperlukan.

Seksyen-seksyen baru yang dicadangkan ini juga membatalkan kelayakan seseorang untuk menjadi setiausaha syarikat jika ia seorang muflis yang belum dilepaskan atau disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 132A atau 303(3) tersebut untuk berhenti dari menjadi ahli badan-badan yang ditetapkan oleh Menteri ataupun tidak memegang lesen yang sah. Pendaftar juga diberi kuasa untuk membatalkan kelayakan seseorang dari bertindak sebagai setiausaha syarikat jika berpendapat bahawa seseorang itu semasa menjalankan tugasnya tidak bertindak dengan jujur atau bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang ada pada masa ini hanya membenarkan Pendaftar Syarikat mengenakan denda tanpa mengambil tindakan prosiding ke atas kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman denda sahaja. Bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen lain yang membawa hukuman penjara dan denda, prosiding mahkamah hendaklah dibawa. Bagi tujuan melicinkan lagi kerja-kerja administrative adalah dicadangkan supaya diperkenalkan seksyen baru 371A bagi memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengkompaun apa jua kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Syarikat. Dengan pindaan ini tindakan ke atas sesebuah syarikat dapat diambil dengan cepat memandangkan syarikat-syarikat yang melakukan kesalahan begitu banyak dan membawa prosiding ke mahkamah akan memakan masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan sektor korporat yang pesat pada masa ini menjadikan sektor tersebut suatu sektor yang kompleks dan rumit. Perkembangan ini juga telah menunjukkan penglibatan yang meluas oleh setiap lapisan rakyat terutamanya dari segi pemegang saham. Perhubungan yang kompleks ini telah menyebabkan berbagai bentuk kesalahan dan salah-laku oleh mereka yang berkecimpung di dalam dunia korporat. Menyedari hakikat bahawa orang ramai sepatutnya dilindungi dengan sewajarnya kerana mereka telah mula melibatkan diri di dalam dunia ini. Adalah dicadangkan hukuman-hukuman ke atas berbagai kesalahan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini ditambahkan bagi menghalang, dengan izin, deterrent berlakunya kesalahan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan denda-denda di dalam beberapa seksyen di dalam Akta dinaikkan ke satu tahap yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan utama yang saya sebutkan di atas, pindaan-pindaan kecil

juga perlu dibuat untuk mengawasi dan menyelaras peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Syarikat pada keseluruhannya. Pindaan-pindaan kecil yang dicadangkan ini sama ada untuk memudahkan kerja administrative di pejabat Pendaftar Syarikat, bagi mempercepatkan proses sesuatu kerja ataupun dibuat kerana berturutan dengan pindaan kepada seksyen-seksyen yang terlibat dengan pindaan-pindaan utama. Secara keseluruhannya pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan melicinkan lagi pentadbiran di samping mengadakan sekatan kepada pengarah-pengarah daripada melakukan apa-apa salah-laku serta melindungi orang ramai yang telah mula menceburkan diri di dalam dunia korporat sebagai pemegang saham minoriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Siapa menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato K. Kumaran):** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Pasir Mas.

4.09 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan meminda Akta Syarikat 1965 yang telah dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengalu-alukan pindaan Akta ini yang bukan sahaja tepat pada masanya tetapi sepatutnya telah dibuat daripada dahulu lagi.

Walau bagaimanapun, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kerana pada keseluruhannya pindaan-pindaan yang dibawa melalui Akta Syarikat yang hendak dipinda ini kebanyakannya mengambilkira pandangan-pandangan ahli-ahli daripada Dewan yang mulia ini di waktu perbahasan baik di peringkat Belanjawan Negara ataupun perbahasan Titah Ucapan DiRaja sebelum ini. Banyak perkara telah diambilkira sehingga pindaan ini mengandungi sebanyak 40 perkara yang meliputi semua aspek yang bertujuan untuk membendung terutamanya daripada penyelewengan yang berlaku dalam dunia perniagaan.

Saya mengalu-alukan juga apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sewaktu membentangkan Akta pindaan ini menyatakan bahawa segala pandangan pindaan terhadap Akta ini diambilkira daripada pandangan-pandangan badan-badan profesional, dewan perniagaan dan seumpamanya yang sekaligus memperlihatkan bahawa Akta ini mewakili seluruh sektor golongan perniagaan yang sama-sama berhasrat untuk melihat bahawa dunia perniagaan kita akan bertambah kukuh dan bertambah bersih dalam semua aspek. Kerana yang paling utama pindaan ini dibuat ialah untuk membendung perkara masalah penyelewengan.

Persoalan penyelewengan ataupun penyalahgunaan kuasa ataupun seumpamanya dalam syarikat-syarikat, baik syarikat awam ataupun syarikat terhad ataupun syarikat sendirian berhad memang banyak kali kita dengar sering berlaku. Masalah penyelewengan ini pada saya secara reservationnya juga

tidak mungkin dapat diatasi dengan undang-undang. Undang-undang sahaja tidak dapat mengawal masalah penyelewengan yang berlaku sekarang ini. Pokok pangkal tunjangnya ialah masalah tanggungjawab moral ataupun dalam perspektif Islam dari segi soal keimanan seseorang individu ataupun manusia itu sendiri. Sebab apa pun undang-undang yang kita kemukakan, betapa ketat sekalipun, tetapi kalau manusia ini tidak ada iman, tidak ada moral dan akhlak, walau betapa banyak undang-undang yang kita kemukakan, sudah barang tentu mereka ini dapat mencari jalan untuk melakukan penyelewengan kerana masalah tamak dan sebagai. Tetapi walau apapun, kita mesti hadapi realiti dunia, kita perlu hidup dalam satu masyarakat, dalam satu negara yang sekurang-kurangnya boleh diatur melalui undang-undang. Dengan adanya undang-undang walaupun ada sesiapa yang ingin mengambil kesempatan untuk melakukan penyelewengan, tetapi melalui undang-undang mungkin dapat kita membendung perkara ini daripada berlaku.

Jadi sekaligus, Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi amat gembira dan ucap tahniah sebab ini menunjukkan bahawa Kerajaan bersungguh-sungguh untuk membanteraskan penyelewengan. Segala tohmahan yang menyatakan sebelum ini bahawa Kerajaan tidak mengambil berat dalam soal penyelewengan, nyata sekali meleset sesudah pindaan Akta ini dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Saya percaya seluruh rakyat di negara kita ini akan merasa gembira, sudah tentu bergembira melihat pindaan Akta yang dikemukakan ini kerana ianya jelas memperlihatkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan untuk membanteraskan penyelewengan.

Hal ini harus diakui dan dihormati oleh semua pihak, termasuk parti Pembangkang. Saya percaya mereka juga akan menyokong kuat pindaan Akta ini kerana melalui pindaan seumpama

inilah kita berharap ianya tidak wujud lagi penyelewengan-penyelewengan yang berlaku sebelum ini. Saya percaya Pembangkang tidak akan melepaskan peluang dalam membahas pindaan ini dengan membangkitkan isu-isu lama kerana Akta ini membolehkan mereka membangkitkan isu-isu yang sebelum ini. Tetapi pada saya, apabila pindaan ini dibawa dan dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen tadi banyak seksyen baru telah dikemuka dan dimasukkan dalam pindaan ini yang sudah barang tentu saya percaya sesiapa sahaja yang melakukan penyelewengan pada masa akan datang ataupun pada masa selepas pindaan ini dibuat, sudah barang tentu mereka akan menerima risikonya.

Cuma yang saya ingin mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, dalam pada 40 pindaan yang telah dibawa ini apakah Pejabat Pendaftar Syarikat sudah dalam keadaan bersiap sedia ataupun sudah cukup dari segi kakitangannya untuk melaksanakan segala pindaan yang telah dikemukakan ini. Apakah kakitangannya cukup dari segi yang terlatih pegawai-pegawai enforcementnya dan dari segi persediaan-persediaan yang perlu oleh kerana pada hemah saya kakitangan Pejabat Pendaftar Syarikat tidaklah begitu ramai, tetapi melibatkan dalam dunia perniagaan yang begini besar, apakah pihak Pendaftar Syarikat ataupun pihak Kementerian sudah mengambilkira semua aspek dari segi pelaksanaannya nanti.

Saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada satu perkara yang saya ingin memberi teguran kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri bersabit dengan kedudukan Pejabat Pendaftar Syarikat, iaitu kelewatan mengesahkan dokumen-dokumen oleh ahli-ahli perniagaan ataupun oleh syarikat-syarikat tertentu. Sebagai contoh, sekarang ini mana-mana syarikat yang ingin membuka akaun dengan mana-mana bank, mereka mestilah mendapat pengesahan daripada

Pejabat Pendaftar Syarikat, tidak cukup dengan pengesahan daripada badan-badan profesional, baik peguam ataupun pihak akauntan bertauliah dan seumpamanya. Sekarang ini ada terganggu sehingga saya dimaklumkan oleh setengah-setengah ahli perniagaan, mereka hendak membuka akaun baru dengan sesebuah bank mengambil masa hampir satu bulan baru mendapat pengesahan daripada Pejabat Pendaftar Syarikat.

Kita bersetuju dan saya mengalu-alukan segala ketelitian yang dibuat oleh Pendaftar Syarikat sebelum mengesahkan sesuatu dokumen, tetapi melambatkan pengesahan ini juga boleh membantutkan urusan perniagaan orang ramai. Saya tidak tahu macam manakah corak ataupun sistem ataupun apakah pihak Kementerian telah menggunakan sistem komputer. Kalau menggunakan sistem komputer, kenapakah perkara ini berlaku? Saya percaya kalau sistemnya digunakan secara sistem komputer, saya percaya pengesahan boleh dibuat dalam tempoh 48 jam, kenapa boleh sampai dua minggu ataupun sehingga satu bulan perkara ini tidak dapat diselesaikan?

Ini banyak menimbulkan masalah dan rungutan di kalangan ahli-ahli perniagaan. Kalau ini juga tidak dapat ditunjuk dari segi kecekapannya, dari segi kelicinan pentadbirannya, maka soalan saya ialah bagaimana janji Kementerian boleh melaksanakan segala pindaan ini. Walaupun tujuannya baik, tetapi kalau pelaksanaannya tidak dapat dilaksanakan dengan secara berkesan, maka segala objektif tidak akan tercapai. Kerana untuk melaksanakan segala pindaan ini, ianya memerlukan tahap professionalism yang begitu tinggi, terutamanya hendak mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat korporat.

Syarikat-syarikat korporat adalah syarikat-syarikat gergasi yang secara terus-terang saya menyatakan, Tuan

Yang di-Pertua, kebanyakan mereka ini adalah orang-orang yang berpengaruh. Saya bimbang nanti apabila kita ada pindaan seumpama ini Pendaftar Syarikat tidak mampu walaupun mereka melakukan kesalahan tetapi gentar dengan kedudukan mereka yang berpengaruh ini, sebab kita tahu mereka yang dalam syarikat korporat ini ada macam-macam pangkat dan gelaran. Saya percaya undang-undang tetap undang-undang, tidak mengenal sesiapa dari segi kedudukan, pangkat ataupun apa-apa gelaran tetapi mereka ini berpengaruh. Apabila kita sebut berpengaruh, pengaruh mereka ini banyak cara, banyak alatnya yang menyebabkan akhir sekali mereka terlepas walaupun kita ada undang-undang seumpama ini.

Ini yang saya hendak tahu dari segi persediaannya dan saya ingin mencadangkan juga supaya apabila ianya dilaksanakan jangan mengenal bulu, jangan mengenal kedudukan, jangan mengenal pangkat, kalau tidak, undang-undang ini tidak menjadi apa-apa erti sekalipun sebab mereka ini, saya hendak ingatkan awal-awal, sebab katakanlah sebagai contoh dalam soal pindaan mengenai dengan kedudukan pengarah, masalah pembelian saham, masalah skim kongsi masa dan seumpamanya ini. Pada awal-awal lagi saya ingin menekankan jika didapati mereka ini melakukan kesalahan, kita menghantar pegawai-pegawai enforcement dan sebagainya. Kalau di jalan raya ada Polis, ada JPJ dan sebagainya, kalau lori yang membawa muatan lebihpun kadang-kadang boleh lepas, tidak diambil tindakan, apa fasal? Walaupun banyak yang terlepas, saya tidak hendak sebut contoh, tetapi saya beri imbasan sahaja, bagaimana syarikat besar ini kalau pegawai-pegawai pergi nanti, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "Come on, don't worry, I have 30 lots reserved for you, macamana? You just ignore all the documents, macamana? I have reserved 50 lots for you". Saya tidak tuduh siapa-siapa pun rasuah atau menyalahgunakan kuasa.

Saya bimbang sebab umpannya banyak. Sebab itulah saya tanya tadi dari segi persediaan supaya tidak ada siapa yang boleh dipengaruhi dalam melaksanakan peraturan dan undang-undang ini. Sebab hendak menyerbu masuk syarikat-syarikat gergasi ini bukan sahaja dari segi undang-undang kita perlu, tetapi dari segi iman di kalangan kakitangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri terutamanya di Pejabat Pendaftar Syarikat. Kalau tidak saya percaya nanti ada yang mereka ambil tindakan dan ada yang terlepas, bimbangannya nanti akan jadi sungutan orang ramai, akan jadi isu pula nanti; ada pihak kena, ada pihak tidak kena, seperti orang kata: ikan kecil kena, ikan jerung tidak kena, yang pernah kita dengar selalu diulang kononnya orang-orang tertentu sahaja kena, manakala orang-orang tertentu terlepas daripada tindakan undang-undang.

Saya ingin mencadangkan apabila pindaan ini dibuat dapat diberi perhatian dengan lebih tegas dan ianya tidak mengira siapa sekalipun, supaya dunia perniagaan ini akan benar-benar menjadi bersih, terutamanya dalam sektor korporat. Sektor korporat ini penting kerana ianya melibatkan orang ramai.

Saya tidak mengatakan bahawa syarikat lain tidak penting, Tuan Yang di-Pertua, syarikat sendirian berhad pun penting, syarikat perkongsian pun penting, malah syarikat individu pun penting kalau dia berurusan dengan pihak-pihak lain, yang ada melibatkan kepentingan orang ramai, tetapi di peringkat syarikat awam, syarikat korporat ia melibatkan saham-saham yang dimiliki oleh orang ramai, maka memang kita tahu selama ini bagaimana wujud cerita insider trading, bagaimana mereka melakukan perubahan jualan saham, swapped shares dan macam-macam lagi usaha dibuat untuk meningkatkan lagi saham sesatu syarikat yang akhirnya, yang menanggungnya ialah di kalangan orang ramai. Orang

ramai yang menanggung kerugian ini, maka sebab itu segala usaha ini telah dibuat memang saya alu-alukan, cuma saya reserve tadi, kerana saya bimbang walaupun cantik dokumen ini, tetapi saya bimbang jika ianya tidak dapat dilaksanakan secara berkesan, persediaan mesti cukup.

Saya percaya sudah barang tentu rakyat seluruhnya akan mengalu-alukan kalau kita dapat membuktikan bahawa perlaksanaannya benar-benar dapat memenuhi dan mencapai matlamat, seperti contoh yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bersabit dengan kedudukan Pengarah, kedudukan Setiausahanya dari segi pindaan seksyen 67 bersabit dengan mendapat balik pinjaman daripada pihak ketiga. Ini adalah perkara-perkara yang sentiasa kita dengar berlaku di dalam manipulasi syarikat-syarikat awam. Cuma yang saya ingin mendapat penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah bersabit dengan had umur Ahli-ahli Lembaga Pengarah.

Saya bersetuju diletakkan had umur sebab mestilah orang itu cukup balighnya, maknanya takkanlah hendak lantik budak-budak mestilah umur 18 tahun ke atas. Saya hendak tanya kenapakah tidak dimasukkan juga pindaan selain daripada had umur, mesti umur itu lebih (cukup umur), tetapi mesti juga ada hadnya, jangan terlalu muda—tidak boleh, mesti 18 tahun ke atas, dari segi lebih umurpun tidak boleh. Kenapa tidak dimasukkan lebih umur? Maksud saya lebih umur begini, Tuan Yang di-Pertua, ada juga di kalangan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang memang betul kalau disebut dari segi pengalaman, tetapi umurnya mungkin teruk sangat, ada 70 tahun itu sihat, ada umur 80 tahun itu sihat, tetapi kalau matanya rabun macamana? Matanya rabun, Ahli-ahli Lembaga Pengarah lain pergi waktu tengah malam, waktu dia mengantuk suruh sains cek, dia sains, sains borang-borang pertukaran saham dia

sain, dia nyanyuk, jadi kena ambil kira juga dari segi soal umur lebih ini. Satu lagi yang pernah saya mengusulkan, saya hendak mengulangi cadangan saya ini kenapa tidak dia mengambilkira dari segi jumlah had seseorang itu boleh menjadi Pengarah.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tumpat bangun....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Dia bukan tahu berniaga, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak minta apa?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Hendak minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, sila.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, tentang umur. Yang dikatakan umur lebih itu berapa, setaraf dengan umur Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri atau macamana? Terima kasih.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri sihat, saya kira umur yang tidak sihat—macam Menteri Besar Kelantanlah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut dari segi bilangan had seseorang itu boleh menjadi Pengarah, kenapakah Kementerian tidak mengambil kira, memang kita mengamalkan demokrasi, tetapi ada waktu kita menentukan undang-undang.

Saya ingin mencadangkan kalau boleh dipertimbangkan setiap orang hanya layak menjadi Pengarah badan-badan korporat tidak lebih daripada tiga Ahli Lembaga, maknanya tiga sahaja dia boleh duduk di dalam sesuatu syarikat berhad, jangan sampai 10-15-20, sebab kalau sudah terlalu banyak, dia tahu dalam syarikat itu ada apa, dalam syarikat ini ada apa, inilah mula manipulasi ini, conflict of interest, begitu juga dalam syarikat sendirian berhad, kalau boleh dihadkan, tidaklah kata tidak boleh pegang banyak 5-6 jawatan, katakanlah 7 Pengarah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau seminggu 7 hari, tiap-tiap satu hari mesyuarat bermakna 7 kali mesyuarat, apatah lagi kalau pegang sampai 10-15 termasuk dalam syarikat-syarikat Kerajaan yang dimiliki atau yang ditaja oleh Kerajaan, sampai ada di kalangan mereka yang memegang jawatan saya difahamkan hingga berbelas-belas jawatan, di syarikat yang diwujudkan oleh badan-badan berkanun yang diwakili oleh Pengarah-pengarah Kanan, Ketua Pengarah, KSU ataupun mereka yang sudah bersara, tolong beri jawatan ini biar ramai orang boleh bertanggungjawab.

Sebab itu saya hendak cadangkan sama ada dalam sektor awam atau syarikat-syarikat berhad termasuk syarikat-syarikat Kerajaan lebih-lebih lagi, kerana syarikat-syarikat Kerajaan yang ditaja oleh Kerajaan harus menjadi contoh kepada orang ramai. Kalau dalam syarikat Kerajaan yang ditaja oleh Kerajaan yang mana Kerajaan ada kepentingan tidak boleh mencari keuntungan, berlaku penyelewengan, macamana kita hendak memberitahu masyarakat, orang ramai. Kita harus melakukan sesuatu yang baik, kalau kita mengendalikan kerja ini tidak boleh menjadikan contoh kepada orang ramai, maka sebab itu saya ingin mencadangkan supaya ditimbang jawatan Pengarah ini dihadkan kepada jumlah yang tertentu.

Saya cadangkan tadi jumlahnya dalam syarikat awam berhad tidak lebih dari 3 syarikat menjadi Pengarah, manakala dalam syarikat yang mempunyai kepentingan Kerajaan, kalau boleh tidak lebih dari 2—itu cadangan saya, tidak lebih dari dua, ramai kakitangan Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan boleh diberi kesempatan, tidak semestinya Pengarah, Ketua Pengarah sahaja jadi Lembaga Pengarah, pegawai-pegawai bawah pun boleh, pegawai-pegawai yang baru masuk dalam training pun boleh—apa susah sangat jadi Lembaga Pengarah ini? Jangan dibolot oleh sesuatu kumpulan, seseorang sahaja, diberi samarata dalam satu-satu Kementerian, dalam satu badan berkanun itu ramai kakitangan Kerajaan yang boleh diangkat untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah, tidak semestinya seorang dua ini sahaja, maka mereka ini habis masa dengan bermesyuarat, mesyuarat ini belum habis lagi sudah hendak berkejar satu mesyuarat lagi, jadi terlalu banyak komitmen. Begitu juga saya tengok trend, ini teguran saya yang ikhlas, kecenderungan kita melantik Pengarah-pengarah atau Pengerusi-pengerusi di kalangan the retired, orang-orang yang sudah bersara.

Saya mengalu-alukan untuk kita melantik tokoh-tokoh Kerajaan ataupun tokoh-tokoh politik dalam jawatan-jawatan penting sebab pengalaman mereka, tetapi biar munasabah, jangan tidak munasabah pula, maknanya sampai ada dua tiga jawatan, betul kita hendak beri pengiktirafan sebenarnya tidak lebih daripada itu, tetapi jangan 2-3 jawatan pegang, pegang pula jawatan besar-besar yang memerlukan komitmen atau perhatian yang begitu serius terhadap tanggungjawab beliau kepada kepentingan syarikat atau kepada kepentingan orang ramai, dan perkara ini pernah ditimbulkan sebelum ini, tetapi belum lagi mendapat perhatian.

Saya harap perkara ini pun diberi perhatian oleh pihak Kementerian supaya apabila kita meminda Akta ini atau pindaan ini ianya betul-betul menyeluruh dan lengkap, kalau tidak dia masih ada lubang lagi, kerana selain daripada tidak diizin itu, tidak diizin ini, had itu, had ini, tetapi kalau orang itu bebas berlegar dan mencari kepentingan di merata tempat akhirnya pindaan ini juga tidak akan menjadi makna, akan menjadi sia-sia juga. Teguran saya ini memang betul-betul ikhlas sebab kita mahu menjadikan Malaysia ini sebagai pusat perdagangan bukan sahaja yang bertumbuh sihat, tetapi menjadi pusat perdagangan yang nombor satu, nombor wahid, bukan sahaja di kalangan negara-negara ASEAN.

Sekarang ini kita sudah ada nama di peringkat antarabangsa, dalam isu-isu politik, dalam isu-isu antarabangsa. Dari segi business centrenya, perkara ini sedang diuji. Kita dengar kalau orang hendak berniaga di Indonesia macam-macam cerita. Kalau orang hendak bukan perniagaan di Thailand macam-macam cerita. Orang hendak buka perniagaan di Jepun macam-macam cerita. Di Korea macam-macam cerita. Manipulasinya, ada macam-macam ceritalah. Begitulah maksudnya. Tetapi bila mereka datang ke sini mereka rasa dari segi birokrasinya kurang, bersihnya, cekapnya dan mereka tidak rasa bimbang dengan penyelewengan, tekanan dan seumpamanya. Dan saya percaya kita boleh menjadi pusat perdagangan yang terkemuka dalam rantau ini. Kita mesti bersaing dengan Singapura.

Ahli-ahli perniagaan tidak perlu bimbang dengan Akta ini. Sebab saya mendapat tahu peraturan Akta Syarikat di Singapura jauh lebih tegas daripada kita. Sebab itu jarang kita dengar walaupun ada juga penyelewengan yang berlaku di Singapura, umumnya ada tetapi tidaklah menjadi buah mulut perbualan yang ditimbulkan oleh masyarakat orang ramai dari segi

credibility kita dalam melaksanakan undang-undang supaya apabila berlaku apa juga penyelewengan, maka cepat kita mengambil tindakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin menarik perhatian; ini perkara khusus mengenai dengan Setiausaha iaitu seseorang itu mestilah yang layak boleh dilantik sebagai Setiausaha ataupun boleh hilang kedudukannya.

Yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kita banyak syarikat-syarikat yang bertaraf "Sendirian Berhad" atau Private Limited Company, dengan izin. Ini berpuluh ribu kalau saya tidak salah. Mungkin dulu saya tanya dalam Dewan Rakyat, saya tidak ingatlah berapa puluh ribu banyaknya dan sebahagian besar ini adalah juga syarikat-syarikat bumiputera. Penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tidak mencukupi, apakah kesan kepada syarikat-syarikat ini nanti. Apabila kita kenakan syarat atau memohon lesen seumpamanya, syarikat-syarikat kecil seumpama ini akan ada kesannya terhadap perlaksanaan undang-undang ini.

Saya bersetuju tetapi bahawa perlaksanaannya biarlah sesuai dengan keadaan supaya, saya tahu banyak syarikat-syarikat management company. Management Company ertinya syarikat-syarikat yang mengendalikan penubuhan syarikat. Banyaknya ialah di kalangan non-bumiputera. Dengan secara ikhlas saya mengatakan kebanyakannya bukan bumiputera terutamanya akauntan-akauntan. Nanti kalau diperlukan pohon lesen ini kelak, mereka ini sahaja yang layak, ertinya berpuluh ribu syarikat ini yang menjadi Setiausahanya ialah golongan-golongan ini sahaja. Bererti segalanya tertumpu di situ, bukan sahaja mereka akan mendapat pendapatan yang lumayan manakala orang-orang yang tidak layak yang didenied dari segi

penyertaan mereka ini oleh kerana tidak cukup syarat ataupun tidak layak boleh terjejas, maka saya harap perkara ini diberi perhatian. Ini kerana ada kenamengena dengan kepentingan bumiputera supaya memastikan jangan kita dalam soal permohonan lesen itu nanti dari segi syarat-syarat itu tidak dijelaskan. Adakah dia mesti lulus Diploma in Accountancy, ada sijil perakaunan ataupun perlu pada Akauntan Bertauliah seperti Chartered Accountant seumpamanya. Apakah levelnya saya hendak tahu. Mesti specify dengan jelas, peraturan yang hendak dicadangkan ini. Kalaupun ada kelulusan, kelulusan peringkat mana? Jangan terlalu tinggi sangat sebab dia ini merekodkan minit mesyuarat, buat filing dan sebagainya. Setiausaha ini betullah kalau tidak bertanggungjawab, boleh juga orang ini turut terlibat dengan pengarah yang lain yang boleh melakukan penyelewengan dalam satu-satu syarikat. Manipulasi mesti datang daripada pentadbiran syarikat. Betul. Tetapi yang lebih penting yang mengarah Setiausaha ini ialah Pengarah-Pengarah. Dengan sebab itu Pengarah-Pengarah itu lebih penting daripada Setiausaha Syarikat, sebab mereka ini makan upah sahaja ataupun dibayar gaji atau dibayar di atas perkhidmatan mereka.

Jadi, sebab itu saya harap Seksyen 139A yang hendak dipinda mengenai dengan Setiausaha ini lebih berhati-hati dan saya minta penjelasan diberi takrif dan jawapan yang jelas tentang qualification yang dikehendaki kepada satu-satu orang yang layak menjadi Setiausaha Syarikat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menentuhkan Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan Skim Kongsi-Masa dan Golf Club yang bercadang untuk dipinda Seksyen 84 yang menetapkan supaya pihak ketiga yang telah memberi pinjaman atau sumbangan mendapat balik pinjaman.

Ini betul, tepat. Saya cukup bersetuju. Sebab perniagaan kongsi-masa ataupun dengan bahasa Inggeris disebut "time-sharing", dengan izin, cukup popular sekarang dengan Kelab Golf sampai di bukit-bukau dalam hutan belantara sekarang ini pun dibuka Kelab Golf. Satu kemajuan yang cukup menggalakkan dari segi pertumbuhan ekonomi. Saya tidak persoalkan dari segi baiknya program atau bentuk jenis perniagaan ini. Cuma dari segi manipulasi dan kepentingan orang ramai. Betul kata Setiausaha Parlimen tadi.

Saya hendak beri satu contoh. Kelab Taman Melawati Ulu Kelang, sebagai contoh. Kalau kita baca dalam suratkhbar sebelum ini timbul kontroversi di mana dulunya kelab ini milik orang ramai atas dasar sistem kelab. Akhir sekali Lembaga Pengarah mengatakan mereka mengalami kerugian dan ahlinya tidak cukup, maka terpaksa kelab itu diserahkan kepada mereka yang memberi pinjaman untuk mendirikan kelab tersebut. Akhirnya kelab itu sekarang ini diambil alih oleh MBf iaitu salah satu gergasi perniagaan di negara kita sekarang ini dan akhirnya ditukar nama ke Kelab Century yang ahli-ahlinya lucut daripada keistimewaannya di mana ianya menjadi seolah-olah macam hotel walaupun belum ada hotel lagi. Bukan sahaja ahli-ahli sahaja menikmati kemudahan tersebut tetapi orang ramai pun boleh guna kemudahan kelab tersebut kerana dia bukan lagi eksklusif. Tetapi yang saya hendak bangkit di sini, saya yakin inilah tujuannya manipulasi tadi. Manipulasi mungkin di mana sesudah kelab itu dibuat dan nampak potensinya, maka mungkin Lembaga Pengarah memikirkan inilah masa buat untung cepat, maka diberitahu tidak boleh bayar hutang bank dan sebagainya, hutang pinjaman finance company, maka terpaksa kena serah segala harta ini kepada pihak si peminjam. Akhir sekali apa jadi? Dapat kepada pihak gergasilah. Pihak gergasi ini tahu pula buat duit,

buat wang sahaja. Yang Berhormat Ahli Parlimen dari kawasan Ampang Jaya tahu akan kes ini sehingga sesudah bertukar taraf daripada Kelab Eksklusif menjadi milik MBf maka akhir sekali mereka sekarang ini dalam rancangan hendak membina perhotelan ataupun tempat tinggal kongsi masa "time-sharing" iaitu rangkaian leisure holiday ini, dalam kawasan perumahan.

Jadi, apa yang dibangkit oleh Setiausaha Parlimen tadi betul. Saya menyokong kerana apabila satu-satu kelab tadi hendak dibentuk, hendak dibuka Tuan Yang di-Pertua, kita tengok advertisement, tengok iklan dalam suratkhbar cukup besar, dengan iklannya bermacam-macam nama, cukup cantilah dari segi advertisingnya. Ini orang pengiklanan tahulah. Tahulah kerja mereka ini. Dengan memberi gambaran seolah-olah kalau menjadi ahli kelab tersebut boleh duduk di tepi bukit yang nyaman, ada lakenya, ada sungainya manakala kita tahu ada tempat-tempat itu sejengkal air pun tidak ada. Propaganda! Tetapi itu orang berniaga biasalah. Siapa beli dia tanggunglah. Sebab itu hak kebebasan masing-masing. Tetapi kita tidak hendak mereka mengambil kesempatan menipu orang ramai dimana apabila mereka mengemukakan cadangan untuk mendirikan kelab seumpama ini, kerja belum buat lagi, infrastruktur pun belum ada lagi tetapi mereka sudah dapat memungut wang ataupun dapat menjual keahlian itu, katalah \$50,000 seorang, mereka dapat kumpul 1,000 orang ahli, \$50,000x1,000, berapa juta? Duit itu dimiliki dan saya percaya dimasukkan dalam fix deposit, mereka sudah dapat untunglah. Itu berniaga juga, tidak apalah asalkan orang-orang yang membeli keahlian ini tidak didenykan dari segi janji mereka dalam S&P atau Sales dan Purchase atau perjanjian tadi. Saya tidak tahu setakat ini sudah ada atau tidak kelab-kelab yang menjual keahlian tetapi sudah abandoned kita tidak tahu, tetapi sudah mula ada

rungutan di kalangan orang ramai yang harus diawasi dan saya percaya seksyen 17 yang dicadangkan ini boleh mengawal, sehingga mesti memikirkan sama ada perlu atau wajar tidak mereka diizinkan menjual keahlian kelab ini sebelum kelab berkenaan dibina. Sudah ada cadangan daripada Kementerian Perumahan—dahulu kalau kita hendak beli rumah, boleh kita beli rumah walaupun rumah belum dibuat, dibayar dahulu mengikut progress payment. Akhir sekali rumah tidak siap, maka sudah ada cadangan balik supaya mereka tidak diizinkan mengambil apa-apa wang kecuali wang pertaruhan katakan 10% dan dibayar sesudah rumah itu diberi kuncinya. Sama juga apply dengan prinsip konsep kelab ini. Kalau tidak, banyaklah orang akan menjadi mangsa nanti. Bila mereka menjadi mangsa mereka tidak menyalahkan tuannya kelab, orang tidak salahkan housing developers walaupun housing developers tidak kena-mengena dengan Kerajaan. Penganjur kelab tidak kena-mengena dengan Kerajaan. Tetapi yang salah ialah UMNO dan Barisan Nasional. Yang salah ialah Kerajaan, Barisan Nasional tidak tegas, UMNO tidak tegas, parti pemerintah tidak tegas. Bila sampai ke peringkat itu, maka Kerajaanlah yang patut disalahkan bukan pemilik-pemilik ataupun penganjur-penganjur kepada syarikat tersebut, in the final analysis, dengan izin, yang dipertanggungjawabkan ialah Kerajaan, bukan lagi mereka yang mengejar kekayaan secara cepat ini. Maka sebab itu saya mengalu-alukan cadangan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah menyentuh perkara-perkara yang saya rasa perlu disentuh dan saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sokongan saya yang kuat terhadap pindaan Akta syarikat ini mudah-mudahan Malaysia kita akan menjadi satu tempat perniagaan yang dihormati oleh dunia antarabangsa. Sekian, saya menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jelutong.

4.43 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, tadi Setiausaha Parlimen apabila membentangkan Akta ini untuk meminda peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat Tahun 1965, di dalam ucapannya tadi, Setiausaha Parlimen ini di antara lain ada menyentuh prestasi hal ehwal, tindak-tanduk pengarah-pengarah dalam syarikat-syarikat dalam negara kita ini. Adakah pengarah-pengarah ini bertanggungjawab? Adakah peruntukan-peruntukan dalam undang-undang yang wujud sekarang mencukupi?

Tuan Speaker, tadi Setiausaha Parlimen ini ada menyentuh mengenai korporat-korporat dalam negara kita dan beliau ada menyatakan kesalahan-kesalahan untuk mendapatkan hukuman-hukuman deterrent. Di dalam DAP, itu kami setuju dan sokong. Tetapi adakah dalam syarikat-syarikat yang wujud sekarang orang-orang yang beriman, orang-orang yang bertanggungjawab?

Tuan Speaker, MAIKA Holdings is a curse to the Indian community brought about by the leaders in the MIC, dengan izin (*Tepuk*)....

**Dr. T. Marimuthu:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat,....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak mahu beri jalan, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya teruskan, oleh kerana....

**Dr. T. Marimuthu:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order? Nanti dahulu. Point of order atau penjelasan?

**Dr. T. Marimuthu:** Point of order.

**Seorang Ahli:** Point of order. Duduklah!

**Dr. T. Marimuthu:** 36(1)...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila duduk. Saya akan buat keputusan. Duduk dahulu. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Kemang itu, saya rasa tidak kena. Yang Berhormat yang lain jangan mencelahlah, bagi dia peluang...

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ingat orang ini adalah penyokong Vijandran barangkali. (*Ketawa*)

Tuan Speaker, Vijandran pada masa sekarang ada seorang pengarah dan dalam masa yang sama ialah Pengerusi MAIKA Holdings. Apa yang saya katakan tadi, MAIKA Holdings has been cursed by leaders of the MIC. Vijandran—apa tindak-tanduk dia? Apakah beriman bagi “binatang” ini? Tuan Yang di-Pertua,....

**Dr. T. Marimuthu:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Teluk Kemang bangun lagi. Hendak apa?

**Dr. T. Marimuthu:** Point of order 36(1)—seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, baiklah Yang Berhormat duduk. Saya faham perkara itu. Nampaknya

Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan itu sama juga dengan apa yang disebutkan tadi. Yang Berhormat Jelutong, sila teruskan dan jangan pergi jauh sangat. Kalau sekadar bagi contoh.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam perkara ini, Tuan Speaker,....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Sekadar memberi contoh, itu memang diizinkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, contoh! Contoh—Vijandran. (*Ketawa*) Oleh kerana, Tuan Speaker.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu...

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Bagi kerusi Tuan Speaker juga....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti, Yang Berhormat, Jerai bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order atau penjelasan?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendakkan penjelasan. Adakah ini mahkamah atau Parlimen?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia tidak bagi.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau Parlimen, dia kena arah kepada...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, ini adalah Parlimen bukan mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak apalah, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi apa yang perlu ialah seorang pengarah sekarang dan pengerusi dalam tahun 1986—Pengerusi MAIKA Holdings—ini Parlimen—tetapi orang ini sepatutnya dihadapkan ke mahkamah oleh kerana ada perlakuan dalam video-video lucu. Saya ada video itu (*Tepuk*)—(*menyerahkan pita video kepada Tuan Yang di-Pertua*) (*Tepuk*).

Tuan Speaker, video itu bolehkah itu menjadi exhibit dalam *Hansard*? (*Tepuk*). Dalam video itu apa yang ada, Tuan Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Saya tidak nampak ada...

**Tuan R. Karpal Singh:** Nampak, barangkali boleh ditunjuk kepada semua di sini sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dulu, Yang Berhormat, saya tidak nampak apa hubung kaitnya Akta Syarikat dengan pita yang diserahkan tadi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah pengarah ini bertanggungjawab? Di dalam video itu, D. P. Vijandran dengan perempuan (*Tepuk*)—bukan kakitangan MAIKA tetapi kakitangan perempuan—video lucu D.P. Vijandran di dalam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila ringkaskan, kembali kepada tajuk, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Yang Berhormat, ini tajuk. Bolehkah dengan izin Tuan Speaker, pita video itu menjadi exhibit di dalam *Hansard* sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ini saya rasa tidak kena pada tempatnya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini, oleh kerana di luar Parlimen polis tidak mengambil apa-apa tindakan...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat boleh serahkan apa sahaja kepada.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya serahkan kepada Dewan yang mulia ini, bukan kepada Polis. Polis tidak bertanggungjawab, tidak boleh bertanggjawab, tidak boleh dipercayai. Oleh itu sekarang hari ini saya....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat bertenang dahulu. Ini Jerai bangun pula.

**Tuan R. Karpal Singh:** Hendak apa?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya ingin penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Untuk penjelasan, saya tidak ada masa....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita sekarang berbahas tentang usul Akta Syarikat, bukan tentang individu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau dia hendak buat apa, dia punya fasal.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu bai kalau hendak pergi tunggang-langgang, dia punya fasal. *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk, bertenang.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini bukan pindaan Akta Syarikat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat dari Jelutong tidak beri jalan. Jangan mencelah. Yang Berhormat Jelutong, balik kepada tajuk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, balik pada tajuk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dan saya rasa sekarang ini apa yang saya sudah terima itu saya akan uruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah itu jadi exhibit?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Tuan Wee Choo Keong:** Akan uruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan uruskan mengikut ... *(Disampuk)* tengokkah atau tidak, itu tak timbul.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ingat Ahli-ahli Dalam Dewan yang mulia ini ada hak untuk tengok. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu tidak dibenarkan. Sekarang ini bukan sesi hendak tengok. *(Ketawa)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan sesi....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam satu masa dia duduk dalam Kerusi itu. Lebih baik bakar Kerusi itu! *(Ketawa)* Orang seperti itu tak boleh duduk di sana! Jangan lari.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah. Sebenarnya kalau Yang Berhormat menyebut sesuatu...

**Tuan R. Karpal Singh:** Video lucu, bukan video biasa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** ....sesuatu yang menghinakan Kerusi saya rasa itu tidak diizinkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu satu. Ada 10 lagi dalam beg ini. 10 lagi video lucu dengan D.P. Vijandran dalam itu dengan perempuan India, perempuan Melayu, perempuan Cina. Binatang macam itu boleh wujud dan boleh duduk dalam Kerusi itu? Jangan.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Jerai bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bangun hendak apa?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Adakah Yang Berhormat ini sebagai video lucu collector?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *(Menyampuk)*  
*(Pembesar suara dimatikan)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan takut. Jikalau saya takut, video ini saya tidak berani untuk bawa ke Dewan yang mulia ini. *(Disampuk)*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Menyampuk)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam satu masa, Tuan Speaker, Perdana Menteri ada cabar saya, "Mana video, adakah pita video itu?" Hari ini video itu ada dalam Dewan ini. *(Disampuk)*.... D.P. Vijandran dalam itu. *(Ketawa)*

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu, Timbalan Menteri bangun pula.

**Dr Fong Chan Onn:** Ini Peraturan, point of order, 36(6)—seorang Ahli Yang Berhormat tidak boleh mempertingkatkan sangkaan jahat terhadap lain khususnya terhadap seorang yang bukanlah seorang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang tidak boleh mempertahankan dirinya. Ini tidak adil.

**Tuan R. Karpal Singh:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu. Yang Berhormat dari Jelutong, biar saya cakap dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh. Bukan cakap sahaja, tengok apa ada dalam video itu. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan saya rasa itu ialah mengenai sangkaan jahat terhadap mana-mana seorang Ahli. Tetapi nampaknya dalam keadaan ini pun tidak kena juga. Cuma saya hendak menasihatkan Yang Berhormat dari Jelutong kalaulah kita

betul-betul hendak membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, saya rasa eloklah balik pada tajuk, dan walaupun saya sudah terima pita ini di sini bagi pihak Kerusi, saya hendak nasihatkan Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli lain yang mungkin hendak tahu apakah isi kandungannya, saya rasa ini bukan masanya. Yang Berhormat, kita kena serius, balik kepada tajuk dan bahaskan apa yang wajar dengan sikap yang bersopan. Yang Berhormat, sila teruskan. Cakaplah sesuatu yang berkisar pada syarikat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Syarikat, prestasi syarikat, prestasi pengarah syarikat, prestasi pengarah dalam syarikat-syarikat, serta pengerusi dan setiausaha. Kalau itu bukan ada dalam tajuk, apa yang ada dalam tajuk itu? Apakah dalam video lucu itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu terpulang kepada Kerusi.

**Tuan R. Karpal Singh:** This animal, D.P. Vijandran dalam video itu, has destroyed so many women in this country. Tuan Speaker, we can't sit back. Peguam Negara berbohong, Perdana Menteri bohong. Mana ini Timbalan Menteri Dalam Negeri? Celaka ini, dia pun bohong. *(Ketawa)* Bolehkah Tuan Speaker dalam perkara seperti ini....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Perkataan....

**Tuan R. Karpal Singh:** This man has ravished women of this country and we sit back and cover up. Everybody.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Bangun)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order atau apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jerai bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order atau apa?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Adalah salah peraturan bagi seseorang ahli menggunakan bahasa-bahasa biadab, ada fahamkah! (*Ketawa*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Lakukan biadab dalam itu boleh diterima?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Keputusan belum dibuat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia kata perkataan "binatang".

**Tuan R. Karpal Singh:** Melakukan biadab atas perempuan dalam negara ini, Melayu, India, Cina boleh diterima?.... (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu. Saya sudah dengar tadi dan perkataan 'celaka' ini saya rasa ini memang unparliamentary yang kena ditarik balik, Yang Berhormat. Tadi pun saya terang-terang dengar itu ditujukan kepada salah seorang Menteri. Jadi, Yang Berhormat cuba elakkan diri daripada bercakap dengan sedemikian. Yang Berhormat tarik baliklah perkataan 'celaka' yang tidak senonoh itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu perkara kecil, boleh tarik balik. Perkara besar? (*Disampuk*) Boleh, itu dapat. Tetapi apa yang dalam video itu boleh ditarik balik?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya cuma minta Yang Berhormat tarik balik satu perkataan sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, ada 41 pindaan dalam, tetapi semua ini perkara-perkara kecil. Perkara pokok ialah prestasi dan....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:**....moral integrity of directors of companies in this country.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Oh, ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bahawa sama ada beliau ada nampak dalam video itu ada seorang pelakon iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu di dalam video tape itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan sebut nama.

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan Ahli dari Sungai Siput.

**Tuan S.S. Subramaniam:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak apa?

**Tuan S.S. Subramaniam:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, ini terpulang kepada Jelutong.

**Tuan S.S. Subramaniam:** Apa berkaitan dengan Dato' Seri Samy Vellu? (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Tuan S.S. Subramaniam:** Bukit Bintang ini sudah jadi 'mad'.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jelutong hendak beri jalan pada Setiausaha Parlimen?

**Tuan R. Karpal Singh:** Belum jawab sana.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jawab dahululah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang jahat D.P. Vijandran. Dalam video itu ialah D.P. Vijandran, bukan Samy Vellu. Saya beri jaminan, boleh tengok sekarang—bukan Samy Vellu. (*Ketawa*) Mahu tanya lagi penjelasan, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, tidak ada sesiapa yang bangun. Oh, ada.

**Tuan S.S. Subramaniam:** Yang Berhormat dari Jelutong sudah menjelaskan, cukuplah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kami dalam DAP jikalau buat satu tuduhan tentu ada bukti seperti itu. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Jerai bangun lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mengikut Akta Jenayah, seorang yang memiliki dan melihat filem-filem lucah, ia boleh ditahan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Lebih baik dapat nasihat daripada lawyer! (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tetapi Yang Berhormat bawa mari nanti keluar daripada Parlimen kita boleh peganglah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tahu undang-undang, boleh buat laporan, saya cabar awak, buat laporan Polis, tangkap saya. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Insyallah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh, buat sekarang.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Insyallah bai, insyallah bai.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh tangkap luar di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa berani tangkap seorang Ahli Dewan Rakyat ini.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Keluar dari Dewan, boleh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tanggungjawab saya untuk membongkarkan apa yang.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sudah biasa kena pun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang perlu ialah apa yang dapat dalam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sekarang ini bukan masa tayangan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah menanggungkan mesyuarat untuk menonton apa yang ada dalam video ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak, Yang Berhormat tidak boleh buat macam ini. Tidak akan Yang Berhormat sebagai orang lama pun tidak mengerti Peraturan Mesyuarat, teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah apa yang saya beri kepada Tuan Speaker tadi, exhibit dalam *Hansard*? Saya mahu dapat tahu. Point of order, adakah itu exhibit sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, tadi bila Yang Berhormat menyerahkan pita ini kepada saya, memanglah tindak-tanduk Yang Berhormat itu telahpun dimasukkan ke dalam *Hansard*. Itu sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi apa yang ada di dalam itu tidak dimasukkan ke dalam *Hansard*. (*Ketawa*) Bolehkah isi kandungan itu dimasukkan ke dalam *Hansard*?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa Yang Berhormat janganlah pergi jauh sangat, ghairah sangat nampaknya. Yang Berhormat, baliklah kepada tajuk.

**Dr. Kua Kia Soong:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini Petaling Jaya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Beri jalan.

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bila Ahli daripada Jelutong bentangkan exhibit pita itu kepada Tuan Yang di-Pertua, maknanya pita itu .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, soalan itu sepatutnya ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bukan kepada saya.

**Dr. Kua Kia Soong:** Bukan, saya mahu penjelasan dari Ahli dari Jelutong. Adakah ini bermakna exhibit ini macam di mahkamah atau di mana-mana pun ialah satu evidence yang perlu dikaji oleh Dewan, oleh mahkamah? Bolehkah saya dapat penjelasan ini? Apakah tujuan Ahli dari Jelutong untuk membentangkan exhibit itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, jikalau di dalam mahkamah, tentu dapat tahu isi kandungan atau apa yang ada dalam pita itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi di sini bukan mahkamah Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini lebih daripada mahkamah. (*Ketawa*) Bolehkah apa yang ada dalam pita itu ditunjuk kepada semua Ahli-ahli dalam Dewan ini, kepada semua, termasuk parti PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, keputusan saya telahpun dibuat, janganlah cakap berkisar kepada benda yang sama sahaja. Saya telah buat keputusan tadi. Yang Berhormat cakaplah mengenai Bill ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, jikalau itu jadi exhibit, tentu isi kandungannya pun masuk dalam *Hansard*, jikalau tidak, tidak ada bermakna. Bolehkah saya dapat satu ruling? Isi kandungannya jadi exhibit, bukan plastik itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya telah cakap tadi, Yang Berhormat teruskanlah dengan ucapan.

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Seremban bangun.

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya beri jalan kepada rakan saya di sini. Seremban duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri jalan. Bayan Baru, sila.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Kalaulah exhibit itu terbukti bahawa apa yang dituduh itu adalah benar, apakah Dewan yang mulia ini akan anggap Kerajaan Malaysia yang ada sekarang, Polis yang ada sekarang, mahkamah yang ada sekarang, yang selama ini cuba menutup kes yang begini besar. Kalau betul, apakah tindakan? Saya rasa Dewan Rakyat ini perlu ambil tindakan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, apa yang perlu dibuat adalah untuk menengok apa ada dalam video itu. Jikalau D.P. Vijandran bukan ada dalam video itu dengan perempuan melakukan zina—ada dalam itu—saya letak jawatan Ahli dari Jelutong. Saya beri jaminan, saya meletak jawatan dan balik ke Jelutong. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu Yang Berhormat, Jerai bangun kali ini, hendak apa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu cabaran saya, saya letak jawatan jikalau D.P. Vijandran bukan dalam video lucah itu. Lagi apa saya boleh buat?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** (*Kepada Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin*) Ya, apa dia?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 36(1)—“Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara-perkara yang dibincangkan itu”. Kita berbincang tentang Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan). Syarikat yang mengeluarkan filem pita video itu, dia punya fasallah. Jadi, baliklah kepada sini, kalau boleh minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, janganlah kita membazir wang rakyat, demi untuk kepentingan rakyat.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu. Saya buat keputusan dahulu Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Jelutong telahpun dinasihatkan berulang kali supaya menyentuh Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan), tetapi nampaknya Yang Berhormat tidak endahkan sangat apa yang saya nasihatkan. Jadi, Yang Berhormat, ini sebagai kata dua, saya hendak beri peluang kepada Yang Berhormat lagi supaya dapat menyambung ucapan Yang Berhormat mengenai Rang Undang-undang yang kita bahaskan. Dan sekiranya tidak, saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, Setiausaha Parlimen tadi menyentuh prestasi, hal ehwal dan tindak-tanduk pengarah-pengarah yang

patut lebih bertanggungjawab, mahu dapat denda yang lebih deterrant, bukannya tajuk itu yang mana saya cakap sekarang? Apa yang dia cakap, saya follow-up. Tetapi it is not the point now. What is the ruling on the video?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya telah cakap tadi Yang Berhormat. Cukup jelas.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah itu jadi exhibit dan isi kandungannya boleh ditunjuk dalam Dewan ini sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukan sekarang Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Hari lain boleh? Bila boleh? Tuan Speaker, saya mahu ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kita kena ikut perjalanan persidangan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau Tuan Speaker sudah terima itu, sekarang tugas Tuan Speaker ialah untuk tunjuk itu kepada semua Ahli-ahli dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak, keputusan talahpun dibuat iaitu tidak .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu diterima sebagai apa, exhibit?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat boleh menyerahkan sebarang notakah, ataupun pita seperti yang diserahkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Nota boleh nampak, gambar boleh nampak tetapi dalam video, jikalau tidak tengok apa yang ada dalam itu, tidak dapat nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Keputusan saya cukup jelas Yang Berhormat. Teruskan dengan apa yang hendak cakap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, ini apa yang penting, kelakuan Pengarah-pengarah, Pengerusi-pengerusi, Setiausaha-setiausaha Syarikat-syarikat dalam negara ini khasnya dalam MAIKA. Oleh itu, saya buat apa yang saya telah buat tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, boleh!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Jelutong. Seolah-olah pita video yang diserahkan tadi kepada Tuan Yang di-Pertua mengandungi adegan-adegan lucu yang melibatkan bekas Timbalan Yang di-Pertua, Tuan D.P. Vijandran. Bukankah ini bermakna bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Attorney-General, Tan Sri Abu Talib, telah mengelirukan Dewan ini apabila mereka menyatakan bahawa tidak ada pita video lucu. Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya masih ingat, telah menuduh bahawa Yang Berhormat dari Jelutong bertanggungjawab ke atas pita video lucu ini, dan bukannya ini bermakna bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak ada kredibiliti langsung kerana cuba menutup skandal seks ini? (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Peguam Negara, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Dato' Zaman Khan bukan mengelirukan penduduk-penduduk dalam negara ini, tetapi semua ini melakukan kesalahan oleh kerana semua subahat 'cover up'—itu jadi kesalahan di bawah undang-undang kita. Itu penjelasan yang saya beri kepada rakan saya di sana.

Jikalau saya tidak silap, pada bulan Mac 1990, Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini ada tuju kepada

saya dan ada menyatakan, "You are the mastermind behind the burglary in Vijandran's house." "You are mastermind, mana bukti"?, bertanya Perdana Menteri pada masa itu. Hari ini ada bukti itu. (*Tepuk*)

Tuan Speaker, oleh itu saya bawa pita video ini untuk menunjukkan kepada semua Ahli-ahli. Saya ingat itu penting, semua Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini ada hak sebagai Ahli untuk tengok apa yang ada dalam video lucu ini. Apa yang .....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu Yang Berhormat, Jerai bangun lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya ingin minta penjelasan, adakah kenyataan Perdana Menteri, Yang Berhormat sebagai pencuri itu disahkan hari ini, kerana dengan membawa pita itu ke sini bermakna Yang Berhormat telah mencuri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Waktu itu saya ada dalam tahanan. (*Ketawa*) Apabila Perdana Menteri cakap saya ada melakukan itu, saya ada dalam tahanan di Kemunting.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kena tahan kerana mencuri videokah? Saya hendak penjelasan itu sahaja.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ipoh bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh!

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya hendak menanya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sama ada dia sedar bahawa ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti memerintah yang selalu suka mengganggu Yang Berhormat tentang video lucu ini kerana mereka telah membuat beberapa kali dan menunjukkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, tanda-tanda lucu, termasuk seorang Timbalan Menteri Pendidikan. Dan telah menunjukkan tidak kurang daripada dua kali di Dewan ini dan beberapa Ahli Yang Berhormat daripada parti pemerintah juga menunjukkan tanda-tanda lucu seperti video lucu yang telah dibentangkan kepada Tuan Speaker itu. Perkara ini pun satu perkara yang sangat serius yang telah menjatuhkan maruah dan kredibiliti di Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan berucap ya?

**Tuan Lau Dak Kee:** Adakah Yang Berhormat dari kawasan Jelutong bersetuju dengan apa yang saya sebutkan tadi?

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bersetuju ada banyak Menteri-menteri MCA yang lucu di dalam Dewan ini. (*Tepuk*) Tetapi itu satu.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Dr. Fong Chan Onn:** (*Bangun*). Point of order, Tuan Speaker.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang dilakukan oleh Timbalan Menteri itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order, boleh.

**Dr. Fong Chan Onn:** Point of order, Tuan Speaker. 36(6). Tidak ada sesiapa yang boleh menaikkan perkara-perkara yang ada sangkaan jahat dan saya berharaplah Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan di mana Ahli Yang Berhormat tidak boleh keluar daripada tajuk. Saya haraplah Tuan Yang di-Pertua boleh mengekalkan keputusan ini.

**Seorang Ahli:** Sekarang MCA bersubabahat.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tidaklah. Jangan diperkecilkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kita di sini sekarang boleh tahan sedikit sahaja. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa sudah cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Barangkali ada penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Memang. (*Ketawa*) Kalau penjelasan itu ada berhubung-kait dengan Rang Undang-undang, maka itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Jelutong untuk layan atau tidak. Jadi, Yang Berhormat masa berjalan dan Yang Berhormat dinasihatkan supaya jangan terpesong sangat daripada tajuk. Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, it is very dry tajuk. Very dry. What is interesting is in there. (*Menunjuk kepada pita video*) (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu pandangan Yang Berhormat, itu terpulanglah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang saya kata tadi, Tuan Speaker.....

**Tuan Lau Dak Kee:** Point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kawasan Jelutong, bahawa nampaknya salah seorang Timbalan Menteri Pendidikan yang tugasnya untuk mendidik budak-budak tetapi di sini nampaknya telah keluar daripada bidangnya untuk mempertahankan perkara-perkara lucu seperti tanda-tanda lucu, video lucu dan saya tidak tahu sama ada Ahli Jelutong bersetuju atau tidak bahawa salah seorang daripada Timbalan Menteri Pendidikan kena pindah tugas atau pindah portfolionya untuk menjaga satu keadaan atau satu jabatan yang khas untuk perkara-perkara lucu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, kalau Yang Berhormat hendak layan itu terpulanglah kepada Yang Berhormat. Tetapi saya rasa, walaupun Yang Berhormat kata tajuknya "dry" sangat, tetapi kena juga membahaskan apa yang wajar. Itu bukan alasan, "dry or not is not the excuse".

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang dibangkitkan di sini...

**Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed:** Penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh, boleh.

**Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Jelutong. Wanita Melayu, Cina, India, seperti yang dimaksudkan di dalam tape itu, perbuatan itu dilakukan secara sukarela ataupun secara paksa iaitu rogol.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu adalah tanggungjawab Polis dan Perdana Menteri untuk menentukannya, tetapi bukan hari ini, itu dalam tahun 1988. Tetapi semua itu telah dipadamkan. Perempuan di dalam video lucu itu tidak

tahu apa yang dibuat oleh “binatang” ini pada masa itu. Bukan satu perempuan, tetapi ada banyak. Apa yang saya fahamkan ialah 64 orang.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu yang perempuan, jantannya ada berapa orang?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, diingatkan walaupun tajuk ini nampaknya ramai yang suka hendak tahu, tetapi saya nasihatkan Yang Berhormat, termasuk juga mereka yang hendak minta penjelasan, mintalah dapat penjelasan yang wajar dan bersabit dengan tajuk. Saya tidak akan mengingatkan lagi Yang Berhormat. Sudah cukuplah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya mengakhiri ucapan saya dengan rayuan ini....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Penjelasan. Saya rasa perkara ini agak perlu saya tahu. Bolehkah saya minta kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi kesempatan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk melihat video ini. (*Ketawa*)

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kok Lanas bangun lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Biar saya jawab dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia jawab dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang ada ditanyakan tadi adalah betul, tidak ada jalan lain. Hanya satu jalan juga, jalan ini adalah untuk tengok apa yang ada di dalam video lucu itu. (*Disampuk*) Bukan seperti itu Tuan Speaker. (*Ketawa*) Susah mahu melihat apa yang ada di dalam itu. Oleh itu, Tuan Speaker bolehkah saya dapat satu ruling sekarang daripada Tuan Speaker. Bolehkah apa yang ada di dalam video lucu itu ditunjukkan di dalam Dewan yang mulia ini sekarang. Saya boleh dapatkan satu video. Sekarang boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingat belum ada di dalam sejarah Parlimen kita tonton televisyen. Kedua, saya ingat perkara ini tidak berkaitan dengan Rang Undang-undang ini. Yang berkaitan ialah tentang academic qualification pegawai-pegawai, bukan tentang dia punya akhlak.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, moral qualification adalah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Moral qualification.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Moral qualification itu lebih daripada academic qualification.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, moral qualification.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika seorang itu tidak ada moral qualification, dia “binatang” seperti D.P. Vijandran.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Moral qualification itu, misalnya kalau dia pecah amanah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini “pecah” lain daripada amanah. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya mencadangkan kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menonton ini, kita boleh perbincangkan. Yang Berhormat sudah habis berucap?

**Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamad:** (*Bangun*).

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh, boleh. Di sana dahulu.

**Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan. Saya rasa Yang Berhormat dari Jelutong minta ruling daripada Dewan ini dalam rujukan. Betul, tidak? Tadi Yang Berhormat sudah kemukakan exhibit ini sebagai satu bahan di dalam ucapannya semasa membahaskan tentang perangai, moral seseorang Pengarah. Dalam masa ucapannya tadi, Yang Berhormat telah merujuk kepada tape ini. Adakah Yang Berhormat berkehendakkan supaya tape ini dijadikan sebahagian daripada barang kes dan dimasukkan ke dalam *Hansard* Parlimen ini? Adakah itu kehendak Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jikalau ini sudah diterima sebagai exhibit, tidaklah bermakna jikalau tidak tunjukkan apa yang ada di dalam exhibit itu.

Tuan Speaker, ini tidak ada berlaku di mana-mana Parlimen di dalam sejarah dunia. Oleh itu, apa yang ada di hadapan kita hari ini dan perbuatan "binatang" ini bolehkah dimaafkan. Tidakkah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mempunyai hak untuk melihat, menengok apa yang ada di dalam video lucah itu. Bolehkah saya dapat satu ruling. Jangan takut, Tuan Speaker, boleh melihat.

Tuan Speaker, ini sebagai kewajipan Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini dan saya ingat Islam tidak menghalang itu dan di dalam Mahkamah pun, Tuan Speaker, jikalau ada sesuatu video lucah yang ada dimasukkan sebagai exhibit—Hakim, Peguam dan Pendakwaraya, melihat apa yang ada di dalam itu, untuk menentukan apa yang dituduh adalah benar. Hari ini, Tuan Speaker, saya juga merayu kepada Tuan Speaker untuk memberi peluang kepada saya apa yang saya buat ini adalah benar. Video lucah itu adalah mengenai D.P. Vijandran dan perempuan, dan apa yang dibuat atas perempuan itu, Tuan Speaker, adalah zina bagi Islam dan bagi agama-agama lain pun, satu perbuatan haram (*Tepuk*) bolehkah kami dalam Dewan ini dalam keadaan ini tidak buat apa yang perlu dibuat? Apa yang perlu dibuat adalah untuk lihat di sini pada hari ini apa yang ada dalam video lucah itu. Barangkali Perdana Menteri pun yang ada membuat satu tuduhan palsu ke atas saya tidak berapa lama dahulu bahawa saya adalah mastermind behind the burglary itu. I was never the mastermind, Tuan Speaker. Apa yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri adalah tidak benar. Masa itu saya sudah cabar Perdana Menteri supaya sebut apa yang telah disebut dalam Dewan ini di luar daripada Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** ...tetapi dia tidak berani. Ini perkara besar, Tuan Speaker. Perkara yang maha besar, yang maha penting (*Tepuk*). Moral accountability lebih daripada academic accountability, jikalau tidak ada moral seseorang jadi binatang. Bolehkah keadaan itu dipertahankan oleh Dewan yang mulia ini? Bolehkah saya dapat satu ruling sekarang?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat....

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Minta penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini ruling.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Ia ada kena-mengena dengan ruling ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini buang masa. Tidak payah.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Buang masa macam mana?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Yang Berhormat bercakap meracau merata ceruk.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi saya tidak beri jalan, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tak apalah, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** ...tidak kena-mengena kerana pada pandangan saya.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Mengikut peraturan, saya tidak beri jalan. Adakah faham?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat kata tidak beri jalan, tidak apalah.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tape-tape ini bukan ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah faham?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Saya hendak bercakap dengan Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Dia berucap, dia tidak beri jalan. Tak apalah, saya buat ruling.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tetapi not fair ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak beri jalan. Sit down! Saya kata saya tidak beri jalan. Down, down, boy! Down! (*Ketawa*) Down!

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Itu bukan kerja awak memberikan...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak beri jalan.

**Beberapa Ahli DAP:** Duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** Duduk!

**Raja Dato' Ariffin bin Sulaiman:** Saya tidak duduk, kalau Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan R. Karpal Singh:** This is not a laughing matter, Tuan Speaker.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** No, this is not a laughing matter.

**Tuan R. Karpal Singh:** You sit down!

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** But you are making it a laughing matter.

**Tuan R. Karpal Singh:** You sit down!

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** It is ridiculous.

**Tuan R. Karpal Singh:** It is not. Nothing is ridiculous. Bolehkah saya dapat satu ruling?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tak apalah, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan. Tak apalah, saya buat ruling.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Okay, saya dengar ruling daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya akan duduk kerana Tuan Yang di-Pertua bercakap, bukan kerana....

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu tak kira, duduk!

**Seorang Ahli:** Buat rulinglah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya buat ruling. Kalau kita meninjau dari segi perbincangan pada hari ini, memang kita membincangkan Akta Syarikat. Sepertimana saya katakan tadi bahawa apa yang diutamakan ialah tentang academic qualifications. Ini tentang akhlak memang ada kaitan, tetapi saya rasa tentang exhibit video lucah ini tidak ada direct relevance kepada Akta yang ada sini. Jadi, saya tidak dapat menerima exhibit itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sudah terima exhibit itu, Tuan Speaker. Sudah terima!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat meminta satu ruling sama ada dijadikan satu exhibit.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, sudah diterima tadi sebagai....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar Yang Berhormat, kalau sudah diterima sebelum saya datang, tetapi Yang Berhormat bangkit sebentar tadi meminta satu ruling.

**Tuan R. Karpal Singh:** Untuk melihat. Ini sudah terima sekarang. Peringkat kedua—melihat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pada pendapat saya, saya tidak dapat benarkan untuk kita melihat kerana tidak ada direct relevance. Itu ruling saya. (*Tepuk*) Dan keputusan muktamad, Yang Berhormat.....

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada berkata precedent ini tidak pernah diexperience dalam Dewan yang mulia ini tetapi precedent ini ada berlaku di Dewan yang mulia di negara lain di mana demokrasi lebih matang seperti di Britain. Saya ada baca dulu dalam suratkhbar video yang ditayangkan dalam Parlimen di Britain. Dan barangkali ini adalah satu tanggungjawab yang berat sekali oleh sebab ia tidak pernah diexperience dalam Parlimen ini. Barangkali Dewan yang mulia ini pernah ditangguhkan untuk Tuan Yang di-Pertua berbincang dengan Tan Sri Speaker. Oleh sebab saya rasa Ahli dari Jelutong telah membangkitkan satu perkara yang terlalu mustahak.

**Dr. Fong Chan Onn:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Dr. Kua Kia Soong:** Saya belum habis lagi. Belum habis lagi.

**Dr. Fong Chan Onn:** Saya minta satu.....

**Dr. Kua Kia Soong:** Duduk! Duduk! Saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order atau apa?

**Dr. Kua Kia Soong:** Apa number?

**Dr. Fong Chan Onn:** 36(6)—  
sangkaan jahat kerana Ahli Yang  
Berhormat dari Petaling Jaya telah  
mempersoalkan kematangan sistem  
Parlimen kita ini dan kita tidak boleh  
membenarkan sesiapa sahaja yang  
mempersoalkan dan memperkecilkan  
sistem Parlimen yang kita amalkan di  
dalam negara kita ini. Saya harap dia  
tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat dari Petaling Jaya ini  
minta penjelasan atau apa?

**Dr. Kua Kia Soong:** Minta  
penjelasan daripada Ahli Yang  
Berhormat dari Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Pendeklah.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya  
ingat kalau ada orang yang  
mempersoalkan moral ini, orang yang  
macam inilah. Dia ambil kesempatan  
bawa video lucah kerana dia tidak boleh  
buat di luar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia belum  
habis. Apa yang dikatakan oleh Ahli  
Yang Berhormat dari Petaling Jaya.....

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Dia belum habis lagikah?  
Saya tengok dia duduk relax sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia  
belum habis lagi.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Dan menggunakan Dewan  
ini sebagai tempat....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, dia belum habis lagi.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, dia kata belum habis  
lagi.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Belum habis lagi?

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Saya tengok kawan di sana  
bercakap cukup panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Teruskan, Yang Berhormat dari  
Jelutong.

**Dr. Kua Kia Soong:** Belum habis. Ini  
menunjukkan ketidakmatangan.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Ketidakmatangan tak apa.  
Ketidakmoralan.

**Dr. Kua Kia Soong:** Saya belum  
habis lagi.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Tetapi datang ke mari  
bercakap berkenaan dengan moral.

**Dr. Kua Kia Soong:** Saya belum  
habis lagi.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja  
Sulaiman:** Tetapi orang yang cakap  
berkenaan moral itu, itu yang tidak  
bermoral.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, sebentar. Satu demi  
satu.

**Dr. Kua Kia Soong:** Tetapi saya rasa Ahli dari Jelutong telah membangkitkan satu perkara yang mustahak. Satu tanggungjawab bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua tetapi tanggungjawab semua Ahli-ahli dalam Dewan ini. Oleh sebab Ahli dari Jelutong sudah mengemukakan satu exhibit yang patutnya kalau ini bukan pita video, itu satu nota, besok semua kita boleh baca dalam *Hansard*.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar, point of order.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Point of order 43.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 43? Ya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** "Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara Peraturan Mesyuarat tidak boleh diminta ditimbang semula dan tidak boleh diulangkaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri kerana itu". Jadi, sekarang Yang Berhormat dari Petaling Jaya hendak minta ulangkaji keputusan Tuan Speaker. Dia kena buat usul. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu lebih dari dua hari terlebih dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau ulangkaji? Kalau ulangkaji, kita sudah beri keputusannya.

**Dr. Kua Kia Soong:** Penjelasan, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Penjelasan pendek, jangan panjang.

**Dr. Kua Kia Soong:** Okay, saya minta jawapan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Petaling Jaya, Tuan Speaker, adalah betul. Jikalau satu barang ada diterima sebagai exhibit atau barang kes dalam Bahasa Malaysia, tidak ada bermakna jikalau tidak tahu apa barang itu. Ini sudah jadi sebahagian daripada *Hansard* Dewan Rakyat sekarang. Tidak ada bermakna jikalau apa yang ada dalam pita itu tidak dilihat. (*Ketawa*)

**Beberapa Ahli DAP:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Biar Yang Berhormat dari Jelutong teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, apa yang dicadangkan oleh rakan saya dari Petaling Jaya adalah betul. Barangkali dapat satu ruling dari Tuan Speaker sendiri, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka bangun lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis lagi. Apa yang dikatakan oleh rakan saya itu betul. Barangkali boleh menangguhkan sekejap sekarang untuk dapat satu definitive ruling daripada Tuan Speaker sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, apabila Timbalan-

timbangan Yang di-Pertua duduk, maka kapasitasnya sama dengan Tuan Yang di-Pertua di sini untuk membuat keputusan. Jadi, keputusan saya telah buat dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerima keputusan tersebut. Kalau tidak, maka akan diminta untuk mengeluarkan Usul tersendiri tentang keputusan itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang mana satu? Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Jelutong. Sungguhpun Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan bahawa Dewan tidak boleh ditangguhkan untuk melihat video ini, bolehkah satu masa diaturkan di mana video ini boleh ditonton di luar masa mesyuarat. Ini ada satu precedent seperti yang pernah berlaku dalam awal tahun 80-an iaitu kes Memali di mana semua Ahli Parlimen menonton peristiwa kes Memali di mana 18 orang terkorban di Kampung Memali di Kedah. Ini pernah berlaku, satu precedent pernah berlaku. Bolehkah peluang ini atau peraturan diadakan supaya kesemua Ahli Parlimen boleh menonton apa yang terkandung di dalam pita ini di luar masa mesyuarat seperti yang pernah berlaku di dalam kes Memali. Ini adalah satu kes yang amat penting yang melibatkan maruah negara dalam Malaysia. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Jelutong sama ada maruah Malaysia di peringkat antarabangsa akan tergugat kerana tingkah-laku seorang bekas Timbalan Speaker yang begitu memalukan dan mencemarkan nama baik dan harga diri bukan sahaja negara Malaysia tetapi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian. (*Tepek*)

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong, sebetul-betulnya Kota Melaka bukan meminta penjelasan. Dia minta seolah-olah saya untuk memberi keputusan agar dapat ditayangkan di masa-masa yang lain. Dia bukan minta penjelasan itu. Dia memohon seolah-olah saya boleh membenarkan ada private viewing, jadi bukan minta penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu bermakna untuk Ahli-ahli Dewan sahaja bukan orang ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bukan meminta penjelasan kepada Jelutong. Dia memohon daripada saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, daripada saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya minta sama ada beliau bersetuju dengan cadangan saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bersetuju. Jikalau ada precedent, kita boleh.

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat cukuplah. Ini topik cukup popular, tetapi masa berjalan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya hendak bertanya.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Orang pakai songkok pun berminat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** .....hendak kembali kepada tajuk. (*Ketawa*) Nampaknya ruling telah dibuat oleh Tuan Speaker bahawa video itu tidak akan ditayangkan di sini. Cuma

saya hendak tanya kepada orang yang pernah melihat video iaitu Wakil Rakyat dari Jelutong. Saya hendak bertanya terhadap 64 orang yang dikatakan terlibat. Tolong berikan butir mengikut kaum, berapa Cina, berapa India dan berapa Melayu. Apakah ada bukti-bukti bahawa sebahagian daripada wang MAIKA Holdings digunakan untuk membayar pampasan kepada 64 orang wanita ini di mana "empangan" mereka telah pecah oleh Vijandran? *(Ketawa)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, ini satu antara 11. Tidak payah beri pecahan mengikut kaum tetapi apa yang terjadi memalukan negara, memalukan kerusi di mana Tuan Speaker duduk sekarang. Lebih baik bakar kerusi itu. Tidak ada maruah. Tuan Speaker pun tidak ada maruah duduk di atas kerusi itu. Saya ingat itulah maksud isu yang saya bangkitkan pada hari ini.

**Tuan Lau Dak Kee:** *(Bangun)*

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *(Bangun)*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Speaker, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah kita sudah banyak beri peluang, cukuplah. Jelutong pun sudah habis berucap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ingat Ahli-ahli dalam Dewan ini berhak untuk mendapat penjelasan, tidak boleh dihidkan.

**Beberapa Ahli:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang mana satu?

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sama ada

Yang Berhormat bersetuju atau tidak kalau suatu usul tergeper dibawa ke dalam Dewan ini untuk dibincang dengan segera maka kena mematuhi tiga syarat iaitu perkara tertentu, ada kepentingan kepada orang ramai dan perlu disegerakan. Memandangkan keadaan video lucah ini, perkara ini betul-betul tertentu menunjukan kepada seorang yang duduk di dalam Dewan ini, menguruskan Dewan ini dan juga duduk di atas kerusi itu. Perkara ini memang adalah untuk kepentingan orang ramai, sebab Dewan yang mulia ini akan meluluskan segala undang-undang. Undang-undang yang diluluskan di dalam Dewan ini perlu dipatuhi oleh semua rakyat bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen. Perkara ini melibatkan kepentingan orang ramai. Akhirnya perkara ini perlu disegerakan untuk ditayangkan pita video ini untuk mengetahui apa yang betul-betul berlaku di dalam pita video itu. Maka sama ada Yang Berhormat dari Jelutong bersetuju atau tidak pita video ini telah mematuhi tiga syarat dan oleh kerana tiga syarat ini ianya perlu ditayangkan secara tertutuplah kepada semua Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bersetuju bahawa ketiga-tiga syarat itu telah dipatuhi. *(Ketawa)* Bolehkah kami melihat apa yang ada di dalam video itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat kena buat usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18, kalau Yang Berhormat hendak. Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Hari ini lebih baik, 'hot' sekarang. Lebih baik tengok apa yang ada di dalam video lucah itu.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** *(Bangun)*

**Tuan Wong Wing On:** *(Bangun)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Hendak minta penjelasan, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat hendak minta penjaslaskah?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Boleh bukan?

**Tuan R. Karpal Singh:** Sana dahulu.

**Tuan Wong Wing On:** Sekarang satu pita video telah diserahkan kepada Tuan Speaker sebagai exhibit dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan bahawa tuduhannya terkandung dalam pita video lucah. Tetapi jika sekarang ianya tidak ditunjukkan atau tidak diexhibitkan, apapun boleh terjadi. Pada malam ini pita di atas meja Tuan Yang di-Pertua mungkin hilang atau dicuri oleh orang atau is misplaced dan besok datang, pita video itu tidak ada ataupun ada pita video "Donald Duck" atau "Mickey Mouse". Apapun boleh terjadi, terutamanya apabila Tuan Ong Tee Keat dari MCA duduk di atas Kerusi di sana. *(Tepuk)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Tandatanganan saya ada di pita video itu dan bertarikh hari ini. Tuan Speaker jaga baik-baik benda itu. *(Ketawa)*

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit kerana kita membincangkan berkenaan dengan Akta Syarikat. Tadi disebutkan berkenaan dengan moral pengarah-pengarah, dan sekarang video dibentangkan sebagai exhibit. Ini nampaknya tidak relevant. Yang dibangkitkan oleh pihak DAP ialah berkenaan seorang terutamanya yang berkaitan dengan perkara yang telah diselesaikan, sudah habis beberapa tahun dahulu. Nampaknya orang yang sengaja membawakan perkara ini bercakap sebagai hero di dalam perkara berkenaan dengan moral ini. Nampak

niat moral yang cukup rendah, *(Tepuk)* kalau ada punlah. Tetapi cara bercakap tengok. Itulah bila orang buat keputusan, bila tidak beri dan ditahan dari masuk Dewan ini, sudah marah. Pergi berkempen, ambil segala tandatangan di pasar dan di mana sahaja dengan pihak-pihak tertentu. Jadi, nampaknya niat-niat jahat oleh seorang yang tidak bermoral, tujuannya hendak membangkitkan isu-isu lama seolah-olah tidak ada isu lagi oleh pihak Pembangkang ini.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Cukup, Tuan Speaker.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Saya hendak minta penjelasan. Jadi, saya minta penjelasan apakah video ini kena-mengena seolah-olah is the major thing, dengan izin, dalam Dewan ini. Tadi Tuan Yang di-Pertua telahpun membuat keputusan, saya minta penjelasan daripada pihak yang berkenaan supaya selesaikan perkara ini dan kita bincang yang lain, yang ada hubungan yang banyak. Ini membuang masa. Tadi disebutkan bahawa moral dalam Dewan ini adalah moral yang cukup rendah, jadi menjatuhkan imej kita, merunsingkan kita *(Disampuk)*. Jadi saya serahlah. Saya pun tahu apa dia hendak cakap, tetapi saya hendak cakap supaya pihak yang berkenaan tahu, panggil orang, address dalam Dewan ini sebagai 'binatang'. Ini apa jenis manusia? Apa jenis Wakil Rakyat ini?

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam video 'binatang'!

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** ....mengatakan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak bermoral kerana duduk atas kerusi itu. Kita semua tidak boleh terima ini dan saya minta beliau tarik balik. *(Tepuk)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Tarik balik apa? Perkara itu, Tuan Speaker, pertama tidak ada diselesaikan. Apa yang ada

terjadi adalah dipadamkan perkara D.P. Vijandran dan ada kaitan dengan tajuk apabila perbuatan ini—'binatang' ini, Pengerusi MAIKA Holdings, itupun syarikat. Adakah Kerajaan, khususnya Polis menentukan adakah perempuan-perempuan dalam MAIKA diblack-mailkan? Adakah itu dibuat? Itu tidak ada kaitan dengan syarikat? Satu pengarah, satu pengerusi—dia pun pengarah sekarang buat perbuatan itu.

Tuan Speaker, ini satu perkara penting. Saya tidak mahu cakap lebih kurang apa tugas saya hari ini, tanggungjawab saya sudah selesaikan tadi. Itu bukti. Saya serahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk timbang apa yang saya ada.....

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah. Tuan Speaker.....

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Daripada beribu pengarah, take it to the court, not this place, dengan izin.

**Tuan R. Karpal Singh:** Masa itu, Tuan Speaker, dia jadi Timbalan Speaker.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Benda itu telah diselesaikan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak diselesaikan. Dipadamkan. Apa selesaikan?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** If you dare, you take him to court!

**Tuan R. Karpal Singh:** It is here!

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Not here.

**Tuan R. Karpal Singh:** Here. Di sini!

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Di sini sudah selesai.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa selesai?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Beliau telah berhenti.

**Tuan R. Karpal Singh:** Polis sudah berhenti, tidak ada apa-apa video. Hari ini di mana ini wujud?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Takutlah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Kalau berani, dakwa beliau di mahkamah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini kes polis.....

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Kes poliskah bawa.....

**Tuan R. Karpal Singh:** ...ugutan perempuan-perempuan—blackmail. Itu bukan kes sivil, saya sudah check, saya tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, berbalik kepada mesyuarat.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Mengaku kalahlah tu!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini satu kes jenayah. D.P. Vijandran penjenayah, bukan kes sivil.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini Kerajaan bertanggungjawab, khususnya Polis untuk ambil tindakan ke atas 'binatang' ini!

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** (*Bangun*)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** (*Bangun*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Dua-dua pun boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang mana satu?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai):** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Jerai, point of order.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita ini sedang membazirkan wang rakyat sedangkan kita berjuang untuk rakyat. Kalau datang ke sini untuk bercakap tentang perkara-perkara yang telah berlalu dan mereka telah seronok tengok gambar itu, datang hendak bercerita di sini, inilah manusia yang tidak tahu bertanggungjawab terhadap negara, bangsa dan tanahair.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...dan mereka ini tidak harus duduk di situ sebagai orang 'Yang Berhormat'.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, apa point of order itu?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin....** inikah kelakuan...

**Beberapa Ahli DAP:** Duduk! Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jelutong, duduk sebentar. Jerai, Nilam Puri, diminta duduk sebentar. Yang Berhormat, apa yang dipersoalkan ini berulang-ulang. Kita tak perlu ulang-ulang kerana sudah dikatakan. Kita sudahpun buat ruling. Jadi, kalau Jelutong sudah habis berucap, kita minta orang lain berucap. Tak perlu diulang-ulang.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya minta penjelasan. Apakah Yang Berhormat dari Jelutong yang tahu undang-undang faham bahawa di dalam Islam, zina perkara yang amat berat, hukumnya rejam. Mengikut hudud, hukumnya rejam kepada orang yang berzina. Apakah penzinaan yang dilakukan terhadap 64 orang itu Dewan menganggap perkara itu kecil, sedangkan di dalam Islam itulah perkara yang amat besar. Apakah wakil Jelutong setuju bahawa perkara itu kalau dalam Islam hukumnya amat berat dan ia perlu diambil perhatian kerana penzinaan hukumnya rejam?

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan dalam Islam sahaja, semua agama perkara ini besar. Saya bersetuju, bukan Islam sahaja.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** (*Bangun*)

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang mana satu?

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Penjelasan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Jelutong. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata suruh bawa kes ini ke mahkamah. Soal memiliki video lucu ini dan merosakkan barang kes di mahkamah, menutup perbuatan jenayah

ini, tindakan sivil atau tindakan jenayah? Kalau benda ini tindakan jenayah, apa hak Ahli-ahli Dewan ini boleh bawa tindakan sivil, melainkan pihak polis, pihak Kerajaan yang mesti membawa tindakan. (*Tepuk*) Jadi, kalau Dewan ini kita tidak boleh membukakan perkara ini, di mana lagi tempat yang boleh kita bawa perkara seperti ini? Dengan pihak polis terbukti bahawa perkara ini sudah ditutup, kes ini sudah tertutup lama. Sekarang ini terbongkar satu rahsia baru yang menyatakan bahawa dakwaan Yang Berhormat dari Jelutong pada tahun 1988 adalah tepat, bukan suatu pembohongan sedangkan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet menuduh Yang Berhormat dari Jelutong melakukan pembohongan. Sekarang bukti ada di hadapan mata kita. (*Tepuk*) Apakah sekali lagi pihak polis untuk berdiam diri tentang perkara ini? Ini suatu perkara besar bagi Ahli-ahli Dewan. Kalau Yang Berhormat Tuan Speaker membuat keputusan tidak mahu tayang, barangkali semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini hendakkan kepada satu salinan untuk melihat sendiri apakah dakwaan Yang Berhormat dari Jelutong itu benar atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat mengulas, nampaknya ramai Ahli yang ingin hendak melihat sendiri. Saya telah buat ruling bahawa kita tidak boleh buat di Parlimen. Tidak bermakna kalau sekiranya ada Ahli-ahli yang hendak melihat secara bersendirian, tertakluk kepada undang-undang yang ada. Sila minta kepada Ahli dari Jelutong untuk melihat sendiri, tetapi itu tertakluk kepada undang-undang yang ada.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tadi sebelum Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat ini, tape itu telah diserahkan kepada Timbalan Yang di-Pertua sebelum daripada Yang di-Pertua dan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya percaya Jelutong masih ada salinan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** ....telah diterima di hadapan Timbalan Yang di-Pertua sebelum daripada ini, telah diterima di atas meja sana semasa Yang Berhormat dari Jelutong merujuk percakapannya kepada tape ini dan telah diterima. Dia ini sekarang menjadi barang kes kepada Dewan yang mulia ini. Persoalannya, ianya sekarang berada dalam milik Dewan yang mulia ini. Cumanya Yang Berhormat Tuan Speaker telah membuat ruling ianya tidak boleh ditayang, tetapi ianya telah berada di dalam milik Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Apa yang saya katakan tadi bahawa tidak perlu ditayang secara beramai-ramai, tetapi kalau Yang Berhormat hendak buat private arrangement dengan Jelutong, saya percaya dia masih ada copy. Jadi, Ahli Yang Berhormat mintalah! (*Ketawa*)

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** (*Bangun*)

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukit Bintang.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat dari Jelutong bahawa sekarang kita ada seorang Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dalam Dewan ini dia mesti ambil perhatian bahawa satu barang kes sudah diserahkan kepada Tuan Yang di-Pertua sekarang dan apakah tindakan dia akan ambil atau mengarah pihak polis mengambil tindakan. Dia tidak boleh duduk di sini diam-diam, seperti dia tak

tahu. Dia mesti ambil satu notis, satu kenyataan bahawa satu jenayah sudah berlaku dan apakah tindakan dia hendak ambil?

Yang kedua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Jelutong bahawa walaupun Tuan Yang di-Pertua sudah buat satu ruling bahawa pita tape itu tidak boleh ditayangkan kepada Ahli-ahli Parlimen, bagaimana kita boleh jaminkan bahawa isi kandungan tape itu tidak akan ditukar kepada Donald Duckkah, Mickey Mousekah yang selalu kita dengar, sebab kita tahu mekanisme Barisan Nasional sangat baik dalam perkara begini. Bagaimana kita boleh jaminkan bahawa tape ini tidak akan ditukar dan isi kandungannya itu begitu juga, tidak ada ditukar. Kita mesti 'seal'kan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat menuduh siapa yang hendak menukar ini?

**Tuan Wee Choo Keong:** Kita 'seal'kan itu. Kalau tidak, saya rasa besok dia jadi Mickey Mouse ataupun Robin Hood.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat tidak patut bercakap begitu, seolah-olah Yang Berhormat menuduh kita (Yang di-Pertua) buat. Kita (Yang di-Pertua) tidak akan buat.....

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya cuma mahu menjaminkan isi kandungan dalam pita tape itu tidak akan ditukar. Seperti di mahkamah, mereka akan 'seal'kan di dalam envelope dan juga ada 'seal' mahkamah, dan sesiapa pun tidak boleh buka. Jadi, yang paling baik sekali kita tayangkan di sini untuk semua Ahli Parlimen menonton.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Bukit Bintang, kalau

ada keraguan daripada pihak Pembangkang, kita minta Jelutong untuk menarik balik isu tape ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** On a point of order. Ini sudah jadi barang Dewan Rakyat sekarang, bukan barang kes, barang Dewan Rakyat. Semua Ahli-ahli berhak untuk tengok, Tuan Speaker.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat tidak habiskah, ada lagi?

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukit Mertajam.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jerai hendak apa ini? Point of order?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(6). Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Sekarang ini Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi menyangkakan kita ini piratekah?

**Tuan Tan Kok Wai:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hey! *lu ming kua lan.*

**Tuan Tan Kok Wai:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** What do you mean?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin Yang Berhormat)** sabar ya, dia...

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Duduk diam-diamlah lu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sabar, dia silap.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** "Puki mak lu".

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bukan Sungai Besi.

**Ahli-ahli DAP:** Tarik balik, tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Ahli-ahli DAP:** Tarik baliklah.

**Tuan Wong Wing On:** Saya mahu dia sumpah di sini.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya tarik balik. Saya tidak ada apa-apa.

**Tuan Lau Dak Kee:** Mengakulah!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hey! mahu main, jangan kurang ajar lu! (*Sambil membuka kotnya*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat,....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Lu jangan samsenglah, ini rakyat punya duit tahukah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong minta duduklah, Jerai duduk ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, ini Dewan Rakyat....

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu menghampakan harapan rakyat.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ipoh.

**Ahli-ahli DAP:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat tarik baliklah.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tarik balik perkataan lucah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar, apa yang saya hendak jelaskan, Jerai buat silap, bukan Sungai Besi yang membangkitkan tadi, tetapi Bukit Bintang.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sama-sama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, cukuplah. Jerai duduklah.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order berapa?

**Tuan Wee Choo Keong:** Tadi Yang Berhormat dari Jerai menggunakan satu perkataan lucah, unparliamentary, tidak berparlimen. Jadi dia mesti tarik balik, kalau tidak dia akan dihalau keluar daripada Dewan ini melalui Peraturan Mesyuarat 44(2).....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** ... dan membuka baju hendak berlawan lagi....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar ya...

**Tuan Wee Choo Keong:** Semua kita boleh dengar di sini, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Speaker, semua kita boleh dengar.....

**Tuan Lau Dak Kee:** Mahu tengok dia buka baju.....

**Tuan Wee Choo Keong:** ... dan kalau kelakuan begini kita tidak mengambil tindakan seperti Pasir Mas sudah ada, sekarang Jerai, nanti tidak lama lagi orang lain juga.....

**Seorang Ahli DAP:** Dia suka buka baju.

**Tuan Wee Choo Keong:** ... dan menggunakan perkataan lucah, dan Menteri menggunakan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Tuan Wee Choo Keong:** Sekarang dia menggunakan bahasa lucah—tidak berparlimen, membuka baju hendak berlawan pula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat apa perkataan lucah yang digunakan, saya tidak dengar, sebab banyak sangat, apa perkataannya?

**Tuan Wee Choo Keong:** Dia menggunakan perkataan “puki mak” itu yang dia kata. Dia gunakan perkataan “puki mak”.

**Tuan Lau Dak Kee:** Sumpah di Tokong!

**Tuan Wong Wing On:** Sumpah di atas Quran. Kalau dia kata tidak, sumpah di atas Quran kalau kata tidak.

**Tuan Lau Dak Kee:** Sumpah, sumpah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Bukit Bintang, Kampar, duduk.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Menyampuk*)

**Tuan Wong Wing On:** Kalau berani sumpah, sumpah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat okay.

**Beberapa Ahli DAP:** Sumpah, sumpah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Seorang Ahli DAP:** Kalau dia berani sumpah, sumpah di atas Quran.

**Beberapa Ahli DAP:** (*Menyampuk*)  
Dia menggunakan bahasa lucu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong, sebentar ya, duduk sebentar.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Beberapa Ahli DAP:** Tarik balik.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar, ada point of order, saya akan kembali kepada itu. Point of order ya.

**Beberapa Ahli DAP:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini apabila Yang Berhormat sahabat kita dari Jelutong membahaskan perkara ini, telah banyak kali ditegur dan diingatkan oleh Tuan Yang di-Pertua supaya tidak memintas kepada perkara-perkara yang lain. Tetapi perkara ini telah berlaku dan berlarutan. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua menghadkan perbahasannya supaya memberi peluang kepada orang

lain untuk berbahas dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order, bahawa Ahli dari Jerai menggunakan bahasa lucu yang tadi saya sudah ulangkan, kalau Tuan Speaker hendak tahu, dia menggunakan bahasa lucu iaitu perkataan "puki mak". Itulah perkataan yang lucu, kalau dia kata tidak, dia hendaklah bersumpah di atas Quran dan saya sanggup mengatakan dia cakap yang benar. Dan saya akan meminta maaf di dalam Dewan ini kalau dia berani bersumpah di atas Quran—saya akan meminta maaf di sini. Oleh kerana Ketua Pembangkang dihalang masuk ke Dewan ini oleh kerana dia membawa kes MAIKA Holdings di dalam Dewan ini, ini adalah serius kerana kepentingan rakyat, tetapi bahasa yang lucu begini Tuan Speaker buat tidak tahu, dahulu Pasir Mas sudah menggunakan tanda lucu hendak lawan juga, dia buka baju juga di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat kita sudah faham apa yang dimaksudkan, duduk sebentar.

**Tuan Wee Choo Keong:** Mesti minta tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Duduk ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar tadi banyak kekecohan, banyak yang bercakap. Saya bercakap kerana Allah, saya tidak dengar apa, saya hendak tanya dia. Jerai, saya minta penjelasan, adakah Jerai betul-betul menggunakan perkataan yang dikatakan?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar Yang Berhormat.

**Ahli-ahli DAP:** Boo! Kita bukan tanya you.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, on a point of order? Ya, Jerai.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam *Hansard* kata ayat itu, saya tarik balik. Bagi hari ini saya tegas, saya ini dilatih cara ini, saya cuma marah perangai mereka ini kerana perangai mereka lebih buruk daripada orang dalam hutan, tidak bolehlah bercakap begitu di Parlimen.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan sedikit, janganlah bisung, be gentleman my friend, this is Parliament, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Okay.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita ini mewakili rakyat, berapa kali sudah dicakapkan, walaupun saya baru tetapi kalau tengok keadaan macam ini adakah ini tingkah-laku kita membela nasib rakyat sedangkan....

**Tuan Wong Wing On:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi kalau dalam *Hansard* esok didapati saya kata perkataan itu, saya tarik balik. Kalau saya tidak kata, fasal apa saya hendak tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, jadi....

**Tuan Wong Wing On:** Jawab ya atau tidak.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tidak boleh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kena menghormati, kita kena ingat bahawa kita ini mewakili rakyat untuk menyelesaikan masalah rakyat dan hari ini kita berbahas tentang Akta ini. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong usul ini dan terus membahas usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada....

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar, Kampar dan Bukit Bintang diminta duduk sebentar. Yang Berhormat dari Jerai, saya memohon kepada Yang Berhormat sekiranya ada perkataan yang dinyatakan itu maka diminta Yang Berhormat tarik baik, itu sahaja, tidak lebih, kalau ada Yang Berhormat katakan, saya tidak dengar, saya mintalah tarik balik.

**Tuan Wong Wing On:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ya....

**Ahli-ahli DAP:** Boo!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hey! you duduklah, you sit down!

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kampar.

**Tuan Haji Badruddin bin Haji Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua bercakap dengan saya, bukan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kampar diminta duduk ya, sepertimana Yang Berhormat katakan be gentleman, jadi saya mintalah kerjasama.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, seandainya pihak Pembangkang mendengar saya mengatakan perkataan yang kurang sopan, saya menarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bangun membahas usul pindaan Akta Syarikat dan saya....

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar ya, kita belum ....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini menghabiskan wang rakyat Tuan Yang di-Pertua, saya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kalau di sini saya tidak menjalankan tanggungjawab untuk membela rakyat untuk membetulkan Kerajaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar Yang Berhormat, kita kena panggil....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau majlis macam ini saya tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, ini saya sudah hilang kesabaran, saya sudah berastaghafar banyak kali, nanti melayang buku-buku ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sabar dahulu.

**Tuan Wee Choo Keong:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, apa dia?

**Tuan Wee Choo Keong:** Tadi dia kata "seandainya", bukannya mengaku, kita tidak boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Jerai menggunakan perkataan bahawa "seandainya".....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Tuan Wee Choo Keong:** ... bukannya mengaku, kalau "seandainya" kita tidak boleh terima.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, perkara tarik balik....

**Tuan Wee Choo Keong:** ... tadi you sebut "seandai" sahaja, dia mesti tarik balik tanpa "seandaikah, 'if'kah, kalaukah, jikalaukah" atau sebagainya, tidak ada makna. Dia mesti tarik balik tanpa apa-apa syarat.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** (*Bangun*)

**Tuan Wee Choo Keong:** Itu saya minta satu ruling dahulu.

**Tuan Wong Wing On:** Itu tadi belum selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dia ada point of order.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Bukan, perkara ini belum selesai lagi....

**Beberapa Ahli DAP:** (*Menyampuk*)

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kampar.....

**Tuan Wong Wing On:** Saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, bahawa Ahli dari Jerai menggunakan bahasa itu dan dia kata "seandainya". Jadinya dengan syarat, dia tidak tarik balik dengan tanpa syarat. Kalau dia hendak tarik balik mesti tarik balik tanpa syarat.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar ya, saya hendak dengar apa dia hendak kata.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, apa juga Wakil Rakyat dari Jerai telah menyatakan, dia kata dia sudah tarik balik. Cara dia kata samalah dengan cara Ahli Parlimen dari Jelutong tarik balik perkataan "celaka" yang dikatakan kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini tadi. Cara itu. Kalau hendak Ahli Parlimen Jerai hendak tarik balik perkataan dia secara formal, maka eloklah Ahli Parlimen Jelutong juga tarik balik perkataan "celaka" secara formal.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat kita buat keputusan bahawa perkataan itu sudah ditarik balik.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tetapi dia kata "seandainya" Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Wakil Jelutong. Sebab saya rasa perkara ini perkara penting. Perkara yang melibatkan masyarakat, melibatkan negara, melibatkan orang Islam dan perempuan Islam dan sebagainya. Dan kalau hendak tunjuk video itu kepada saya pun saya tidak mahu lihat. Dan saya mintalah kepada Wakil daripada Jelutong cuba beri ikut sinopsis tentang apa yang Wakil Jelutong tengok (*Ketawa*) video itu. Saya bimbang ini, takut ada isteri-isteri Menteri, takut adakah kakitangan-kakitangan yang ada dalam video itu, siapa tahu. Takut ada wanita-wanita UMNOkah dalam video itu, siapa tahu.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jerai, Jerai!...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelak daripada...*(Diganggu)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jerai, Jerai. Baik duduklah, duduk.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ..untuk mengelak daripada jahat sangka daripada saya ini...*(Diganggu)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, point of order ini.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Shah Alam.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Point of order 36(6) saya suruh tarik balik sangkaan buruk terhadap Wanita UMNO. Jangan-jangan Wanita PAS juga ada.*(Ketawa)*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, bukan saya sangka jahat tetapi ada perasaan itu dalam jiwa saya, sama ada wanita-wanita MIC...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Semua Ahli Yang Berhormat diminta duduk. Yang Berhormat, cukuplah cukup!

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini kita telah habiskan masa setengah jam untuk tarik-menarik, sorong-sorong sana-sini. Jadi saya minta Jelutong untuk menyudahkan ucapan dalam masa 5 minit...

**Tuan Wee Choo Keong:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order. Ya, Bukit Bintang.

**Tuan Wee Choo Keong:** 44(2).Tadi yang saya kata Ahli dari Jerai menggunakan bahasa lucu dan bahasa yang tidak berparlimen dan Tuan Speaker pun ada panggil dia menarik balik. Tetapi sampai sekarang dia tidak tarik balik tanpa syarat. Dia menarik balik di atas "seandainya". Jadi, dia tidak tarik balik tanpa syarat. Oleh itu, saya harap dapat dirujuk kepada Tuan Speaker supaya digunakan Standing Order 44(2) "Tuan Pengerusi hendaklah memerintahkan sesiapa ahli yang berkelakuan haru-biru keluar dengan serta-merta dari Majlis Mesyuarat sehingga habis persidangan pada hari itu dan Bentara Mesyuarat hendaklah menjalankan apa-apa perintah yang diterimanya daripada Pengerusi menurut peraturan ini." *(Tepuk)*

Oleh kerana Yang Berhormat daripada Tanjong dihalau keluar, dihalang masuk ke Dewan yang mulia ini oleh kerana beliau menimbulkan kes MAIKA Holdings dan di sini menggunakan bahasa lucu, bahasa yang tidak berparlimen lebih daripada biadab dan tidak ada tindakan diambil. Jadinya apa? Double standard! Kalau digunakan di sebelah sana tidak apa. Apa yang di sini walaupun satu kes yang penting, kes yang serius seperti MAIKA Holdings

hingga ACA pun pergi buat satu penyiataan dan kemudian mengisytiharkan semua harta benda dia, dia dihalang masuk ke Dewan yang mulia ini. Dan menggunakan bahasa lucah kita tidak ambil tindakan. Ini apa? Bermakna apa? Double standard? Atau apa? Atau semua jadi circus di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sebentar. Yang Berhormat...

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan... (*Diganggu*)

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus:** Dia bagi, kita cakaplah! You orang sahaja boleh cakap ke! Bangang betul..!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat...

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Berkenaan dengan moral tadi, saya tidak tahu bagaimana moral Wakil Tumpat ini. Nampaknya video dia tidak mahu tengok, tetapi dengar tidak apa nampaknya, double standard!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat duduk sebentar ya. Ini kita kena beri ruling. Yang Berhormat, sebetulnya jika kita tinjau daripada segi tarik balik ini kalau kita refer kepada *Hansard* ada ahli mengatakan "bodoh" kepada ahli yang lain, mengatakan dia tarik balik, "saya tarik perkataan itu "bodoh!" " Bodoh dia kata itu, kita terima. Pokoknya atau prinsipnya, dia tarik balik. Jadi sekarang dia ada mengatakan perkataan yang lain tetapi dia tarik balik.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Speaker, tetapi itu dia kata tarik balik, dia tarik balik langsung. Tetapi ini dia

kata "seandainya". Jadinya, tidak tarik balik tanpa syarat.—"jikalau begitu saya tarik balik". Dia tidak tarik balik itu tanpa syarat. Jadi mesti tarik balik tanpa syarat. Oleh kerana bahasa lucah itu tidak boleh diterima di dalam Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Jerai minta jelaskan kembali. Minta tarik baliklah.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahasa Melayu adalah bahasa yang berbudi bahasa dan halus. Cara terhormat kita bercakap dengan orang tidak seperti yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak erti bahasa ini. Itulah cara-cara yang paling molek dan indah. Pihak PAS, pihak S46 tolong jelaskan, ini pihak Yang Berhormat dari Bagan ini, terang kepada depa Bahasa Malaysia inilah bahasa yang paling indah dan terhormat. "Seandainya" itu adalah ayat yang paling elok. Jadi pihak ini tidak faham bahasa, itulah cara yang paling rendah kita menghormati seseorang....

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi kalau dia tidak erti bahasa saya hendak ulang dua tiga kali saya bukan bodoh! Dia orang tidak erti bahasa saya yang hendak tanggung masalah, saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua. Kalau pun saya hendak kena keluar saya akan keluar tetapi hasratnya saya telah menyatakan "seandainya" saya mengatakan perkataan sedemikian saya tarik balik. Kena fahamlah itu. Adakah kerana perkataan kita hendak membazirkan masa Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Izinkanlah saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan perbahasan Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar, sebentar. Yang Berhormat, perkataan yang digunakan “seandainya” itu bukan bererti sekiranya yang berkesalahan sahaja. Itu adalah satu bahasa yang boleh dikatakan elok, itu maksud dia...

**Tuan Wee Choo Keong:** Kenapa...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya tidak boleh buat apa-apa keputusan. Saya menerima bahawa penarikan itu telah dibuat.

**Seorang Ahli:** Itu tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Itu terpulung kepada Yang Berhormat. Saya tidak pernah tidak adil kepada sesiapa di sini pun. Tetapi kerana masa terlalu panjang untuk membincangkan keadaan ini, saya terima perkataan “seandainya” dan dia telah tarik balik. Yang Berhormat harus tahu bukan “seandainya” itu bererti “sekiranya”.

**Tuan Wee Choo Keong:** Bagaimana dia menggunakan bahasa lucu. Dia mengaku atau tidak?

**Seorang Ahli:** Tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dia sudah tarik balik. Yang Berhormat hendak minta dia buat apa lagi?

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Shah Alam.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Jerai sudah minta maaf

dengan begitu halus, dengan bahasa yang begitu tertib, dengan menggunakan “seandainya”. Kalau kita orang Melayu, kalau buat salah kita kata “seandainya pihak tuan dengar, kita minta maaf”. Ini adalah bahasa yang paling halus. Tetapi saya belum dengar Tumpat minta maaf tuduhan ke atas wanita UMNO di dalam video lucu. (*Tepuk*) Minta juga Tumpat minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Tumpat.

**Tuan Haji Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih. (*Ketawa*)

**Seorang Ahli:** “Seandainya”... (*Ketawa*)

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, cuma saya kemukakan soalan itu kepada Wakil daripada Jelutong. Minta buat sedikit sinopsis tentang apa yang ada dalam pita video itu. Sebab ada kerugian dalam perasaan saya, secara ikhlas ini. Sebab dia sebut orang Melayu. Sebab saya rasa kalau sebut orang Melayu, apakah takut-takut ada wanita-wanita UMNO yang terlibat dalam video tersebut. (*Ketawa*)

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Apa, wanita UMNO sahajakah. Apa, orang Melayu ini wanita UMNO sahajakah. S46, PAS semua wanita Melayu. Wanita UMNO sahajakah wanita Melayu? Tarik balik. Saya tidak terima ini sama sekali. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Tumpat...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sangka jahat. Ini cara untuk membersihkan wanita UMNO itu sendiri. (*Ketawa*)

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Point of order 36(6), Tumpat mesti tarik balik.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Untuk membersihkan wanita UMNO. Saya simpati dengan wanita UMNO...

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Habis, kalau simpati, tuduh pulak?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Untuk membersihkan wanita UMNO, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun pada hari ini untuk membersihkan nama baik wanita UMNO. Sebab saya dengar...

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Jangan memusingkan... Tuan Speaker, Tumpat ini sudah memusingkan keadaan. Jangan hendak eksploitkan isu ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya simpati kepada wakil dari Shah Alam ini. Sebab dia kelihatan lawa hari ini. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak tarik balik ya?

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Suruh tarik balik.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Bukan, tidak timbul...

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Tarik balik. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tidak apalah, kerana perempuan yang minta saya mengalah-lah dalam soalan ini. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Jelutong. Sinopsis lima minit sahaja. Ada lagi? Lima minit sahaja.

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya minta satu ruling, oleh kerana Yang Berhormat dari Jelutong tadi telah mengemukakan satu pita video yang dikatakan lucu yang melibatkan bekas Timbalan Yang di-Pertua, kalau benar ini telah merosakkan nama baik Dewan yang mulia ini, jadi saya minta satu ruling sama ada Tuan Yang di-Pertua boleh beritahu Dewan yang mulia ini besok bahawa perkara ini adakah benar ataupun tidak. Kita mahu tahu sama ada tuduhan Yang Berhormat dari Jelutong benar ataupun tidak untuk menjaga nama baik Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta Tuan Yang di-Pertua sendiri menengoknya? (*Ketawa*)

**Tuan Chian Heng Kai:** Timbalan Yang di-Pertua pun boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kita sudah buat ruling....

**Tuan Chian Heng Kai:** ...dan beritahu Dewan ini sama ada itu benar atau tidak. Saya minta satu ruling, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya sudah buat ruling, tetapi saya tidak boleh membuat ruling tentang melihat. Saya hanya membuat cadangan, kalau Yang Berhormat hendak lihat sendiri, pinjam dari Yang Berhormat Jelutong.

Kita tertakluk kepada undang-undang negara kita. Jelutong sila sambung, lima minit lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya di sini dan juga dari sana, perkara ini bukan sahaja penting tetapi maha penting. Rakan saya di sana, dalam satu masa Menteri Undang-undang dan sekarang Menteri Kehakiman (Minister of Justice), bolehkah Menteri yang dalam satu masa Peguam walaupun tidak dilihat dalam mahkamah—tetapi seorang Peguam. Adakah perkara ini dan tuduhan ada dibuat oleh rakan saya di sana membuat satu kes sivil ke atas D.P. Vijandran...

**Seorang Ahli:** Bodoh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan bodoh, dia bukan bodoh, tetapi dia tidak tahu undang-undang, boleh dimaafkan. Tetapi Menteri tidak boleh dimaafkan, Perdana Menteri pun tidak boleh dimaafkan, Timbalannya pun tidak boleh dimaafkan oleh kerana apa yang ada di dalam video lucu itu. Ini satu juga, ada sepuluh lain, this is the beginning, Tuan Speaker. Ini satu sudah mencukupi. Menteri Pendidikan..... (*Menteri Pendidikan masuk*) (*Ketawa*). Apa yang berlaku dalam video itu, di masa itu Menteri Pendidikan bukan Menteri Kewangan, sekarang sudah kaya (*Tepuk*)—masa itu siapa dia? Menteri Pendidikan. Bolehkah saya bertanya kepada Menteri ini, dalam tahun 1990 apabila saya membongkar kes isu Vijandran ini, adakah Kabinet melihat video-video lucu itu? Bolehkah saya bertanya? Dengan ikhlas, can you sincerely, as a gentleman, bolehkah saya dapat tahu....

**Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ikuti ucapannya tadi, saya masuk-masuk kena marah sahaja (*Ketawa*), tetapi soalnya sama ada saya tengok, saya kata saya tidak tengok

video tape itu. Kalau hendak beri pinjam, saya fikir mungkin boleh tengok kemudian (*Ketawa*).

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah pinjam, ada di sini. Ini harta benda Ahli-ahli Dewan Rakyat. Ini hadiah daripada saya kepada semua di sini. (*Ketawa*) Tidak mahu melihat hadiah itu—terima juga. Semua boleh melihat termasuk PAS. (*Tepuk*) Oleh kerana apa yang saya katakan tadi perkara ini penting, bagi kepentingan orang ramai, in the interest of the image of this country, Tuan Speaker, we must see what is in that.

**Seorang Ahli:** Have you seen?

**Tuan R. Karpal Singh:** I have seen, of course I have seen, otherwise I won't bring it here. (*Ketawa*) Saya jadi mangsa dalam isu ini, Tuan Speaker. D. P. Vijandran di masa itu adalah dalam Kerusi apabila saya bongkar nama dia sebagai pelakon dalam video lucu itu. Apa akibat dari itu? Di masa itu Menteri Pendidikan atau sekarang Menteri Kewangan—itu tidak kira—tetapi Menteri itu telah membentangkan satu usul untuk menghalau saya keluar daripada Dewan ini dan orang yang berlakon dalam video lucu itu kekal dalam Kerusi itu dan orang yang bercakap benar telah dihalau dari Dewan yang mulia ini. Itulah kehakiman atau justice Barisan Nasional. Sekarang rakan saya dari Tanjung menjadi mangsa sekali lagi di bawah tangan Barisan Nasional.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh bangun tetapi cakap yang benar.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli

Yang Berhormat dari Jelutong telah membangkitkan peristiwa itu, saya hendak jelaskan—boleh check *Hansard* perbahasan pada masa itu bukan soal video tape. Perbahasan pada masa itu dan motion kita ialah terhadap kelakuan Yang Berhormat dari Jelutong di Dewan Rakyat. Maksudnya siapa tidak ikut peraturan sampai terpekik terlolong tidak tentu arah, sampai tidak boleh mengawal keharmonian Dewan, jadi kita usulkan supaya Dewan mengambil tindakan. Jangan ditokok tambah isu ini. Tape, saya beri tahu, saya belum tengok. Saya tidaklah ada minat untuk tengok tape-tape macam itu, tetapi maksudnya, bila Yang Berhormat dari Jelutong pusing isu ini seolah-olah dengan usul ini saya menyokong perilaku yang tidak baik, kalau betul, itu tidak benar. Saya tidak mahu associate in any way untuk mempertahankan kelakuan yang sebegini. Yang salah tetap salah, saya tidak kira dari parti mana. Ini saya hendak jelaskanlah, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya dihalau dari Dewan ini oleh kerana saya membangkitkan isu ini, semasa itu Menteri pun tahu walaupun Menteri tidak ada di sini apabila saya membangkitkan isu itu. Bukan kelakuan. Ini mengenai isu yang ada dibangkitkan dan saya menjadi mangsa. Saya yang mencakapkan apa yang benar menjadi mangsa 'binatang' itu. Saya panggil dia 'binatang' oleh kerana kalau Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat lihat apa yang ada di dalam video itu ialah "animal". Perbuatan satu animal terhadap satu perempuan (wanita)—manusia.

Tuan Speaker, it is a very serious matter. Saya merayu kepada rakan saya di sana—we fight once in a while, never mind. This is a very serious issue, dengan izin. I appeal to you as Minister of Justice, make sure justice is done (*Tepuk*) to uphold the image of this House—and all of us are constituents of that image—to the women who had been exploited.

Were they being blackmailed? Bukan ini saja Tuan Speaker, ada 11 pita video dan 2,000 gambar lucu. Apa itu, oleh kerana apa dia buat begitu, "binatang" ini? What was he doing with 2,000 gambar lucu? Were these women being blackmailed? Apa yang saya difahamkan, Tuan Speaker, ada satu perempuan yang committed suicide—ada satu yang bunuh diri. Itulah the seriousness of what has been done.

Tuan Speaker, akibat apa yang ada dibongkar hari ini, the consequences of what is out there. Ini sahaja, Tuan Speaker, ada dalam Dewan ini tetapi ada beribu-ribu di luar dari Dewan ini. Apa terjadi apabila seorang suami, seorang bapa, seorang abang, adik perempuan ini, perempuan yang ada dalam video itu dan video yang lain melihat isi kandungan? This is going to lead to a lot of tragic consequences, Mr. Minister of Justice. Can I get an undertaking from you that something will be done? And I appeal to you as a friend and as a colleague, can something be done about what has been done by this monster to women in this country. We can't allow this. Dalam sejarah dunia ini tidak ada berlaku di mana-mana Dewan. Nowhere has there been a crime of this magnitude of this nature dan oleh seorang Speaker Dewan yang mulia ini. Apabila saya ada di sini, Menteri pun ada di sini, semua orang ada di sini, Yang Berhormat Speaker, "binatang" di sana pada masa itu, sekarang semua orang tahu, masa itu tidak tahu. Bolehkah dia dimaafkan? Adakah perkara ini civil? Let me tell you this. Even a first-year law student will know it is criminal. Criminal oleh kerana ada blackmail di sana. These women were snagged, made use of and passed to the others. Why the 2,000 photographs? Must we not go to the root of the matter? Binatang ini sekarang pun peguam dalam negara ini. Are we going to tolerate that? Can this country allow such a shame to be perpetuated and do nothing about it?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dengan izin. Tidak payah. Saya ada lima minit sahaja, Tuan Speaker. Saya mahu gulung. This is a serious matter I have said, things seriously, and I hope....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Beri dia gulunglah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, oleh kerana perkara ini something serious, Tuan Speaker beri lima minit sahaja pada saya, dan saya mahu mengakhiri apa yang saya berbangkit hari ini, Tuan Speaker. Saya merayu pada Kerajaan sekali lagi, please do something about it. This is a serious matter, let us ensure that this "monster" is removed from the scene, otherwise, Tuan Speaker, ada perempuan-perempuan lain, wanita-wanita lain yang boleh jadi mangsa "binatang" ini. That is the seriousness of what I have raised. And I appeal to you, Mr. Minister of Justice, to do the necessary. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Parit Sulong, sebentar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi, saya fikir biar saya memberikan akuan yang segala perkara yang melibatkan perkara-

perkara terlibat dengan jenayah akan diselidiki, dan jika didapati ada kesalahan jenayah, tindakan akan diambil. Itu adalah pegangan Kerajaan. Kita tidak pernah cuba mengabui daripada tindakan-tindakan yang bersangkutan-paut dengan jenayah. Kita tidak akan memberi "cover" kepada sesiapa jika ada kelakuan jenayah. Tetapi kita mesti buktikan dahulu. Siasatan akan dijalankan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong.

6.25 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun mengikuti persidangan pada petang ini dengan rasa amat dukacita, walaupun dalam kita memperjuangkan kebenaran, ada cara yang lebih elok untuk memperjuangkannya. Saya amat terlalu kesal dan merasa amat pedih hati apabila bahasa-bahasa umpamanya 'binatang', 'celaka' dan sebagainya dikeluarkan dalam Dewan ini sewaktu membincangkan dan membahaskan undang-undang ini. Dan paling penting atas kononnya moral untuk menegakkan tahap moral yang paling tinggi di dalam pengarah-pengarah syarikat. Maka disuarakanlah perkara-perkara yang telahpun diketengahkan. Dan atas nama moral ini juga saya ingin bertanya kepada pihak Pembangkang di manakah moral integriti Ketua Pembangkang yang menyalahi undang-undang dengan tidak mahu membayar tol. (*Tepuk*) Ini masalah Dewan ini dan juga amat memalukan kerana seorang yang telahpun dilantik sebagai Ketua Pembangkang menyalahgunakan kuasa melanggar undang-undang. Tidakkah ini menyalahi moral? Saya minta saudara saya daripada pihak Pembangkang, khususnya mereka yang hari ini sedang berkabung, dan saya mencabar rakan-rakannya yang telahpun diluluskan gabungannya sama ada dalam Gagasan

Rakyat supaya menunjukkan simpati yang sama, berkabung bersama DAP, oleh kerana keruntuhan moral Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Dewan ini tidak akan terus terhakis dengan tindak-tanduk, dengan eksploitasi drama politik yang dibawa ke dalam Dewan ini oleh kerana asas bankrapsi, muflis isu yang dibawa oleh pihak Pembangkang. Saya ingin menegaskan sekali dalam Dewan ini bahawa Ketua Pembangkang telahpun disekat untuk menghadiri Dewan ini untuk sekian lamanya bukan kerana memperjuangkan MAIKA Holdings, tetapi oleh kerana melanggar undang-undang. Tidak mematuhi undang-undang bahawa beliau tidak boleh masuk ke dalam Dewan, itu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar. Hendak beri jalan, Kepong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak mahu memberi jalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 36(1). Ini tidak kena mengena dengan isi-isu apa yang dibahaskan di sini. Apa kena-mengena dengan Ketua Pembangkang di sini. Akta Syarikat, company secretary yang ditunjukkan, Pendaftar Syarikat yang ditunjukkan, bukan Ketua Pembangkang. Itu mengambil kesempatan politiknya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu preamble ucapan saya sahaja. Ahli dari Kepong saya hormat sebagai seorang Opposition yang gentleman, tetapi jangan jadi Ahli yang fikirannya terlalu terkepung. Saya minta. Jadi, saya harap apabila kita membincangkan masalah moral orang lain, ahli pihak Pembangkang khususnya dari pihak DAP, kenanglah keruntuhan

moral, hakisan moral Ketua Pembangkang yang melanggar undang-undang negara yang diluluskan oleh Dewan ini. Saya minta jangan setelah diperbincangkan oleh Kabinet, setelah mendapat selaran, saya baca suratkhbar hari ini, 25hb baru hendak menyerah diri kepada Polis. Ini politik. In the first place, sekiranya dia benar-benar mahu mengatakan orang lain salah, jaga dirinya jangan melakukan kesalahan. Itu yang penting. Sekarang ini apa kata pihak DAP mengenai tindak-tanduk Ketua Pembangkangnya yang melanggar undang-undang yang jelas tidak mahu membayar tol. Lepas itu memaki hamun pekerja tol. Adakah ini orang yang bermoral tinggi yang layak diberi taraf sebagai Ketua Pembangkang? Tidakkah mahu pihak 46 mencabar dan mengambil tempat itu kembali ataupun pihak PAS mungkin kalau mereka mahu tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan hal ini saya memang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan, kerana apa yang diketengahkan oleh undang-undang ini adalah untuk memperbetulkan segala perkara yang mungkin akan menjadikan penyelewengan-penyelewengan di masa akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kita sambung esok, masa sudah cukup hari ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar**

**Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

**Pita Video D.P. Vijandran**

*6.31 ptg.*

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, tajuk Ucapan Penangguhan saya ada kaitan dengan moral accountability pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan. Adakah apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam kes D.P. Vijandran, apabila di sini, dalam Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat satu tuduhan palsu terhadap saya? Pertuduhan itu adalah saya ialah orang yang jadi "mastermind behind the burglary" dalam kediaman D.P. Vijandran dalam bulan Ogos 1988.

Tuan Speaker, apabila saya cabar Perdana Menteri kita untuk menyuarakan apa yang disuarakan di sini, luar daripada Dewan untuk membolehkan saya membuat satu kes atas dia mengenai tuduhan palsu ini, Perdana Menteri kita enggan, tidak berani untuk menyuarakan di luar daripada Dewan.

Tuan Speaker, dia menjadi the number one man in the Cabinet and in Government. Apa yang ada dijawab pada masa itu, apabila saya cabar dia untuk

menyuarakan apa yang ada disuarakan di sini, luar daripada Dewan, apa jawapan dia: "I have said it here, I will not repeat it outside." Adakah ini akauntabiliti, moral or otherwise, dengan izin, oleh seseorang pemimpin dalam negara kita? Ada dikata tadi, oleh Tuan Speaker pun, academic accountability, moral accountability. Bagi saya, moral accountability lebih bernilai daripada academic accountability. Oleh kerana jikalau seseorang itu tidak ada moral accountability, tidak payah ada academic accountability.

Tuan Speaker, D.P. Vijandran, seorang lawyer, Setiausaha Agung MIC—bekas, Pengerusi MAIKA Holdings—bekas, Ahli Dewan Rakyat bagi Kapar—bekas, Timbalan Speaker—bekas, Pengarah MAIKA Holdings—kekal hingga sekarang ini.

Tuan Speaker, bukan dia juga, jikalau Perdana Menteri kita boleh buat apa yang dibuat, saya ada beri contoh tadi, satu pertuduhan yang tidak ada asas, no basis or foundation, dengan izin, oleh kerana apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat tuduhan itu, saya di bawah tahanan di Kamunting. Apabila saya jawab tuduhan seperti itu, masa itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terkejut, "Oh! In that case it must be your kaki-kaki's". These are the type of leaders, dan inilah pemimpin-pemimpin yang ada dalam negara kita sekarang.

Tuan Speaker, dalam kes D.P. Vijandran, saya yakin jikalau isu ini ada timbul apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, saya yakin tidak ada cover-up; Tun Razak—he would not stand such nonsense; Tun Hussein Onn—an army man, he would have shot him, (*Ketawa*) because he deserves to be shot. Animals are shot when they go berserk and rabid and this man has gone sexually rabid. It is all there.

Tuan Speaker, itu ada dalam pita video itu. Moral accountability ini adalah satu perkara yang penting dan saya harap dan saya telah kata tadi, Tuan Speaker benarkan ucapan saya tadi dan ini ada kaitan, thank heaven, it has connection, otherwise Tuan Speaker would have stopped me.

Menteri Undang-undang ada di sini yang ada katakan tadi, dan saya menghormati dia, "We will do the necessary and if there is criminality, we will do what has to be done". Itu saya ingat satu amalan baik, satu undertaking baik yang ada diberi. Dan saya harap undertaking itu ditunaikan, bagi pihak dan bagi kepentingan orang ramai khususnya wanita-wanita semua kaum dalam negara ini.

Tuan Speaker, dengan itu saya harap dalam perkara ini sekarang ini oleh kerana kami ada bukti dan bukti itu ada dalam Dewan yang mulia ini, bukan dalam sebuah Balai Polis. Sekarang dia ada di sini, siapa pun tidak boleh buat apa-apa atas barang kes itu, harta benda walaupun tidak baik tetapi harta benda Dewan Rakyat ini. Dan saya harap tidak ada cover-up. Dalam kes D.P. Vijandran ada cover-up. Saya kesal Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman ada buat demikian. Ada buat apa yang memalukan system of justice in this country. Bukan dia juga, apa yang ada dibuatnya ada sahabat lain, sahabat tertinggi in the person of the Prime Minister. Saya tidak boleh terima bahawa pada masa itu sebagai Menteri Dalam Negeri, Perdana Menteri tidak tahu apa yang ada didapati apabila orang-orang ini yang ditangkap, yang melakukan rompak dalam kediaman D.P. Vijandran. Tentu dia tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila gulung, masa sudah cukup, 7 $\frac{1}{2}$  minit.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, walaupun dia tahu, dia tidak

buat apa-apa. He assisted actively in the cover-up. Barangkali the Prime Minister also should be investigated as to his role in the cover-up, Mr. Minister of Justice. Justice must not only be done but must be manifestly and decisively more than seen to be done. And I hope that will be forthcoming from the Government. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila jawab.

6.39 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelutong.

Pertamanya, saya suka mengatakan yang menjadi masalah kita pada hari ini ialah apabila Yang Berhormat, kadangkala terlibat dalam kes-kes tertentu, sebab itu sama ada Yang Berhormat menang ataupun kalah tidak berpuas hati, maka Yang Berhormat membuatkan isu itu balik ke Parlimen.

Jadi, ia menjadi satu tohmahan, membuat tuduhan yang tidak mempunyai asas langsung. Yang Berhormat mengatakan Perdana Menteri terlibat. Ini adalah satu tuduhan yang liar dan Perdana Menteri kita selaku Menteri Dalam Negeri sentiasa menjalankan tugas beliau dengan seadil-adilnya dan segala perkara yang mempunyai bukti dan laporan yang cukup perlu disiasat, akan disiasat dan diambil tindakan. Dan tidak boleh kita ikut apa Yang Berhormat katakan keadilan jika mengikut apa Yang Berhormat mahu. Kalau tidak bersetuju dengan Yang Berhormat maka tidak adil. Saya mengatakan tadi, berkenaan dengan kes-kes yang telah berlaku di antara Yang Berhormat dengan orang yang disebutkan tadi, satu permusuhan

yang berpanjangan. Jika Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti baru, Yang Berhormat merasakan bukti-bukti itu perlu disiasat, maka ianya boleh disiasat. Tetapi kita tidak boleh memberi jaminan tanpa memulakan siasatan dan tanpa mendapat tahu sama ada maklumat yang Yang Berhormat beri adakah maklumat sah atau maklumat itu juga boleh dibuat atau direka. Ini semua adalah asas-asas keadilan. Kita kena tengok daripada kedua-dua belah pihak supaya kita dapat menilai, bukan sahaja kepada orang yang membuat tuduhan dan tohmahan tetapi orang yang kena tohmahan dan orang yang membuat tohmahan juga kita perlu teliti dan siasat dengan secukup-cukupnya. Sebagaimana saya katakan tadi bahawa di dalam tindakannya, Kerajaan bukan sahaja menekankan soal-soal jenayah tetapi Kerajaan juga menekankan di dalam soal moral. Sebab itulah moral menjadi satu perkara yang terpenting di dalam dasar-dasar Kerajaan untuk melahirkan satu pembangunan manusia yang seimbang, bukan sahaja dari segi kebendaan, tetapi dari segi moral etikanya.

Jadi, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang, cubalah, bila membentang sesuatu Usul tidak lari daripada tajuk dan juga tidak bersikap emosi. Kalau Yang Berhormat bersikap emosi dan selepas itu kita terpaksa mengambil tindakan, seolah itu adalah perkara yang sewajarnya. Yang Berhormat nampaknya tidak lagi dapat mengawal perasaan dengan membuat tuduhan-tuduhan yang begitu liar dan tidak berasas.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah, kalau ada sesuatu Yang Berhormat ingin ketengahkan, Yang Berhormat sendiri perlu mempunyai etika, perlu mempunyai duty of moral obligation terhadap Dewan yang mulia ini dan kalau Yang Berhormat bersikap adil sendiri, insya Allah saya percaya, semua orang juga boleh bersikap adil kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

### Keadaan Hidup Pekerja Ladang Kelapa Sawit Di Pulau Carey

6.45 ptg.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membentangkan suatu ucapan penangguhan di dalam Dewan yang mulia bertajuk "Minta Menteri Sumber Manusia Menyiasat Keadaan Kehidupan dan Pekerjaan Para Pekerja Ladang Kelapa Sawit Pulau Carey" yang dimiliki oleh Golden Hope Plantation Berhad yang sangat teruk dan kemudian bertindak membantu menyelesaikan tuntutan mereka. Pulau Carey yang keluasannya hampir menyamai Pulau Singapura terletak dalam kawasan Parlimen saya.

Tuan Yang di-Pertua, para pekerjaannya seramai lebih kurang 200 orang mengadu kepada saya selaku Ahli Parlimen mereka supaya membangkitkan masalah mereka ini ke Sidang Dewan Rakyat memandangkan rayuan mereka tidak diendahkan oleh majikan mereka. Perundingan demi perundingan antara para pekerja, wakil pekerja atau Kesatuan mereka dengan pihak majikan tidak membuahkan apa-apa hasil dan mereka sudah sampai ke peringkat yang tidak dapat dibendung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya butirkan di bawah ini empat perkara utama yang menimbulkan pertikaian industri di ladang tersebut.

- (i) Para pekerja kilang kelapa sawit meminta supaya dibekalkan pakaian seragam semasa bertugas—kepada seramai lebih kurang 200 orang pekerja dari dua buah kilang.
- (ii) Para pekerja meminta pengecualian charge bekalan elektrik sebanyak 100 unit pertama kepada rumah mereka.
- (iii) Permintaan tambahan \$2.00 setiap hari dibayar kepada pembantu-pembantu wheel loader, dengan izin.